



**NEGERI PULAU PINANG**

# **PENYATA RASMI**

**MESYUARAT KEDUA  
PENGAL PERSIDANGAN KETIGA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KEEMPAT BELAS**

**14 OKTOBER 2020 (RABU)**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

# PENYATA RASMI

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

14 OKTOBER 2020 (RABU)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan No. 19 – Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor)	6
Soalan No. 20 – Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman)	8
Soalan No. 21 – Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid)	12
Soalan No. 22 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	17
Soalan No. 23 – Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung)	20
Soalan No. 24 – Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah)	21
Soalan No. 25 – Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkipli Bin Md Lazim)	23
<b>PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH YAB. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)</b>	26
<b>PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAHUN 2021 DAN USUL PEMBANGUNAN TAHUN 2021</b>	
Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	27
Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	31
Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	37
Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	42
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>DEWAN DISAMBUNG SEMULA</b>	
Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	47
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	60
Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	69
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	90
Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	96
Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	102
Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit) mengambil bahagian dalam sesi perbincangan	104
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT KEDUA PENGAL PERSIDANGAN KETIGA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 14 Oktober 2020 (RABU)  
Masa : 9.30 Pagi  
Tempat : Dewan Persidangan  
Dewan Sri Pinang,  
Jalan Tun Syed Sheh Barakbah  
**Pulau Pinang.**

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
16.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
17.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
18.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
19.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
20.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
21.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah

BIL	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
22.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
23.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
24.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
25.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
26.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
27.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
28.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
29.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
30.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
31.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
32.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
33.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
34.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
35.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
36.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
37.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
38.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
39.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
40.	YB. Zolkifly Bin Md. Lazim	Telok Bahang

#### TIDAK HADIR

Bil.	NAMA	JAWATAN / AHLI KAWASAN
1.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak

#### AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan/Ahli Kawasan
1	YB. Dato' Abdul Razak bin Jaafar	Setiausaha Kerajaan Negeri
2	YB. Dato' Norazmi Bin Mohd Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3	YB. Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari	Pegawai Kewangan Negeri

#### TURUT HADIR

Cik Maheswari A/P Malayandy	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Mohd Roshidi Bin Azmi	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

***Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Bacaan Doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

“Bacaan Doa”.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan lisan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Saya tidak berhasrat untuk ulang-mengulangi peringatan saya kepada semua yang berada dalam perkarangan Dewan untuk mematuhi SOP akan tetapi cuma sedikit sahaja maklumat tambahan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat memandangkan perjalanan persidangan Dewan adalah secara langsung untuk mereka ditonton atas talian dan semua gerak-geri Ahli-ahli Yang Berhormat akan juga dipantau, ditonton oleh mereka yang atas talian. Maka harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mematuhi segala supaya nanti tidak akan dikritik kerana kita lantang membahaskan akan bersatu untuk berlawan COVID-19. Terima kasih. Saya hendak meneruskan sesi soalan lisan untuk pagi ini. Ingin saya persilakan Yang Berhormat Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato’ Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Dato’ Yang di-Pertua. Soalan saya soalan 19.

19. Bilakah Projek Lebuhraya Bukit Kukus sejauh 5 km dengan nilai RM545.6 juta bermula dan bila siap untuk digunakan?
- (a) Sila huraikan pecahan panjang jalan dan nilai projek antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan 2 syarikat swasta serta peruntukan oleh MBPP.
  - (b) Adakah hasil laporan siasatan kes runtuhannya ini telah siap dan dibentangkan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato’ Speaker. Terima kasih kepada rakan saya daripada Sungai Dua. Saya setuju sepenuhnya dengan Dato’ Speaker tentang pendekatan kita bahawasanya keselamatan kesihatan adalah yang utama sekali dan perlulah diambil kira dalam sidang ini juga dan saya juga tidak mahu ulang cuma saya bangkit ini kerana soalan 19 sebenarnya semalam saya sudah cantumkan dengan soalan 10. *But anyway I want be very quick Dato’ because it’s maybe some other things one just one to add on* kerana saya dapati semalam setelah jawapan saya kepada Machang Bubuk ada satu tambahan kita lihat ada beberapa laporan yang tidak benar ataupun tidak tepat sama sekali.

*So directly to Lebu Raya Bukit Kukus I will answer quickly first before I give additional information.* Untuk makluman semua, Projek Jalan Berkembar Jalan Paya Terubung Bukit Kukus ini telahpun dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang sejak 2016 untuk speksifik 14 Januari 2016. Kita seperti mana saya nyatakan semalam ada tiga (3) bahagian kepada jalan berkembar ini yang dilaksanakan oleh tiga (3) organisasi yang lain. Satu yang terbesar ialah MBPP dan ada dua (2) pihak swasta.

Untuk makluman semua, keseluruhan jalan berkembar ini adalah sepanjang 5.5 km yang akan dibina oleh MBPP ialah sepanjang 3.3 km dan oleh dua (2) lagi pihak swasta ialah 1.4 km oleh satu syarikat dan selanjutnya 0.8 km oleh lagi satu syarikat swasta. *Of course* ada kos-kos yang perlu dibiayai oleh kesemua pihak. Untuk makluman semua, seperti mana saya nyatakan setelah insiden itu berlaku pada rakan saya daripada Sungai Dua memang ada satu insiden yang meragut nyawa tapi ada satu jawatankuasa siasatan yang telahpun dilaksanakan dan telahpun membuat laporan dan laporan siasatan itu telahpun diberikan kepada kedua-dua MBPP dan juga kepada Kerajaan Negeri dan kita telah pun ikuti apa yang disyorkan di situ. Saya tidak akan ulangi Dato' Speaker semalam panjang lebar saya sudah nyatakan.

*Of course* seperti mana saya nyatakan semalam juga seperti mana apa yang perlu kita perlu akur kepada undang-undang sedia ada dan undang-undang sedia ada cuma mengkehendaki mereka itu iaitu kontraktor dan syarikat itu didenda RM35,000 dan RM30,000 masing-masing. Itu saja Dato' Speaker.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih kepada Datok Keramat yang telah jelaskan tentang isu Bukit Kukus cuma saya ingin penjelasan sedikit. Pertamanya mengapa kos ini terlalu tinggi? Bagi saya tinggilah. RM545.6 juta untuk 5.5 km lebih kurang RM109 juta untuk 1 km. Minta penjelasan kenapa terlalu tinggi kosnya RM109 juta per kilometer lebih kurang?

Kedua, daripada apa yang saya dapat maklumat, ataupun daripada yang saya baca dalam *facebook* dan sebagainya, keadaan tanah di sini, tanah di kawasan projek terlibat merupakan kawasan tanah yang tidak begitu sesuai untuk pembangunan jalan lebuhraya kerana dia tanah lebih kurang bukan tanah merah yang kuat dia macam peroi. Mungkin membahayakan. Adakah ini diambil kira untuk pelaksanaan projek ini ataupun dalam siasatan dibuat dari segi teknikal? Siapakah yang menyelenggara dari segi mengawasi dari segi teknikal adakah pihak JKR ataupun pihak MBPP sendiri ataupun pihak-pihak lain yang lebih pakar dalam pembinaan lebuhraya di kawasan lereng bukit sebab saya tengok pun bila saya lalu dekat situ nampak macam tidak begitu stabil. Saya nampak daripada luaran. Mungkin dibuat dengan kaedah yang lebih baik. Kaedah apa yang digunakan untuk pembinaan ini supaya dia memastikan keselamatan dari segi penggunaannya esok? Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Sila.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Untuk makluman Dato' Speaker dan juga rakan saya daripada Sungai Dua. Sememangnya ini adalah satu daripada projek yang memakan kos yang banyak oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBPP di Pulau. *In fact that is always* lapor kepada kita sebagai salah satu daripada kos yang terbanyak yang memakan peruntukan yang ada pada MBPP. Saya setuju dengan Dato' bahawasanya ini adalah satu projek awam yang perlu dilakukan antara projek semua jalan raya yang kita ada dalam *Penang Transport Master Plan* memang selain daripada itu ini adalah salah satu daripada projek utama yang kita hendak lihat dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin *and you has said the figure is not small* memang *figure* dia besar tetapi itu adalah kos sebenar yang perlu untuk membina sesebuah jalan raya tersebut dan untuk makluman Dato' Speaker dan juga Sungai Dua, untuk kes ini kita biayai sendiri. Pulau Pinang Kerajaan Negeri biayai sendiri. Sepatutnya Kerajaan Persekutuan perlu bantu kerana ini adalah projek awam tapi kita buat sendiri kerana kita prihatin kepada rakyat dan kita akan teruskan dan lihat agar ia dilaksanakan.

Semalam saya sudah nyatakan Dato' Speaker, berkenaan *time line*, garis masa untuk MBPP *the biggest portion which is about the 5.5 km* untuk keseluruhannya. 3.3 km adalah oleh MBPP, yang baki adalah oleh dua pihak swasta tersebut. Seperti mana dinyatakan oleh Dato' Sungai Dua, kos kita adalah RM275.6 juta, tidak kecil tetapi kita akan buat kerana ini adalah projek awam yang perlu dibuat untuk manfaat dan faedah orang Pulau Pinang dan kita harap, saya telahpun nyatakan pada MBPP supaya garis masa yang kita ada supaya yang disiapkan *at least our part Dato', would be in middle of next year* iaitu May kita lihat pada May, Dato' Speaker and *although the other two portion let me be very clear* ada lagi dua *portion* tersebut mungkin tidak dapat siap dalam masa garis masa itu kerana mereka nyatakan dalam 2024 seperti mana saya nyatakan semalam kita akan pastikan ada *link road* supaya ia boleh digunakan, *it would become useable...*(dengan izin) Dato' Speaker.

*That is number one, number two* saya setuju sepenuhnya dengan Dato' Sungai Dua saya pun selalu kalau saya *pass by the area* kita boleh lihat *I think we have the highest elevated highway in the hole of the country maybe YB. Zairil can confirm 55 m from the five cap with the highest* di seluruh Malaysia *that's is there in the Bukit Kukus from Balik Pulau if you drive that Dato' you see, that is the highest in fact* kita selalu nyatakan mungkin boleh jadikan sebagai satu tempat pelancongan kita boleh buat *bungee jump* yang tertinggi di seluruh Malaysia di Pulau Pinang di situ *but anyway that just lag the side but it is that is the size of the project we are looking* dan begitu penting dan apabila Dato' daripada Sungai Dua nyatakan tentang isu keselamatan tanah nampak macam *what we call pores* berperoi, *pores that's what you mean it is not very stable yes* sememangnya ini semua akan diambilkita, *in fact the entire exercise* dalam jawatankuasa siasatan seperti mana saya nyatakan semalam antara syor dia adalah untuk pastikan ada pakar-pakar *just now Dato' ask MBPP whether MBPP were get more pakar that the show of the jawatankuasa siasatan supaya I repeat that is very important because what you say is important* mewajibkan kontraktor utama melantik jurutera perunding bertauliah untuk mereka bentuk selia dan sediakan pelan pembinaan pastikan jurutera perunding dan jurutera pemeriksa bebas semalam saya nyatakan pemeriksa bebas *independent checker* perlu awasi selia dan ambil tindakan sewajarnya demi keselamatan orang awam. *This are the word of the what we call enquiry the community of enquiry* Dato' Speaker, so memang ini akan diambil kira kita tiada masalah dengan itu.

Semalam saya ingat ada satu soalan *I just want to add very quick saying and putting on record* seolah-olahnya tidak tepat dilaporkan bahawa cuma ada tujuh (7) kes pemantauan itu tidak benar apa yang berlaku untuk semua pemantauan kawasan bukit di bahagian Pulau. *What I said is enforcement not about* pemantauan, pemantauan untuk makluman Dato' Speaker, dari tahun 2018 sehingga tahun 2020 dibahagian Pulau saja, pemantauan, kawasan bukit kita ada 8,613 sehingga semalam. 435 amaran telah diberi dan 115 notis berhenti kerja telah dikeluarkan ini adalah untuk bahagian Pulau, so kita memang prihatin dan saya setuju dengan Dato' daripada Sungai Dua bahawa *we have to continue to oversee and monitor*. Terima kasih.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih soalan tambahan. Sila. Ketua Pembangkang sila tanya ketiga-tiga soalan tambahan, persilakan Permatang Berangan Yang Berhormat.

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan selamat pagi Yang Berhormat Yang di-Pertua soalan saya No. 20.*

20. Masalah dadah.

- (a) Senaraikan kes tangkapan yang dibuat berkaitan penagihan dan pengedaran dadah mengikut daerah dalam sepuluh tahun ini.
- (b) Daripada jumlah tersebut, berapakah kes yang melibatkan taiko besar dan ejen pengedar?



- (c) Selain tangkapan, apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membanteras jenayah dadah yang semakin berleluasa?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Bismillahirrahmanirrahim.* Senarai kes tangkapan yang dibuat berkaitan penagihan dan pengedaran dadah mengikut daerah dalam 10 tahun dari 1 Januari 2010 hingga 31 Ogos 2020 adalah seperti di Lampiran A. Maksud bekalan dalam Lampiran A ada bahagian bekalan dadah dan iaitu bekalan dadah maksudnya adalah berkaitan aktiviti pengedaran dadah selalu merujuk kepada penagih untuk mendapat sumber dadah manakala permintaan dadah merujuk kepada transaksi dadah yang terus berleluasa dalam pengedaran kerana adanya permintaan.

Maklumat daripada Polis DiRaja Malaysia Pulau Pinang menyatakan kes yang terlibat yang melibatkan taiko besar dan ejen pengedar adalah sebanyak lima (5) kes dalam masa 10 tahun. Bawah Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya ADB 1952, Pertuduhan melibatkan pengedaran dadah dan hukuman mati terdapat 17 kes sejak 10 tahun dari Januari 2010 hingga 31 Ogos 2020. Seksyen 39A(2) untuk kes pemilikan dadah melibatkan hukuman penjara dan sebatan 10 kali ada 3,536 kes sejak 10 tahun dari 1 Januari hingga 31 Ogos 2020.

Mengikut statistik yang saya dapat dari AADK Pulau Pinang merupakan no. 7, kalau ikut data 2019, 8,987 penyalahguna dan penagih dadah mengikut negeri kita no. 7, no. 1 ialah Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang dan kita no. 7, Kuala Lumpur no.14 yang *last* sekali.

Kalau ikut di Pulau Pinang daerah yang mempunyai penagih dadah yang paling ramai ialah di Daerah Barat Daya Mukim 12, dan juga di Daerah Seberang Perai Tengah Mukim 16,19, 20 dan 21 dan Daerah Seberang Perai Utara di Mukim 1 iaitu di Penaga. Penanti pun ada. *In terms of gender* jantina 8,564 adalah lelaki hanya 423 perempuan, tetapi dia punya taiko-taiko besar adalah perempuan di SPT sebagai contohnya. Melayu 5,748 orang, yang paling *in terms of* umur, belia berumur 19 hingga 39 tahun, 5,108 dan lebih pada 40 tahun 3,743, remaja 13 hingga 18, 131.

*In terms of* pendidikan yang paling ramai ialah yang ada PMR ke bawah, lepas tu yang tidak bersekolah 2,300 setakat PMR 3,000 kategori pekerjaan yang paling ramai ialah kerja sambilan ataupun rencam dan iaitu 4,000 orang, *in terms of* keduanya ialah penganggur 1,668. So mereka penganggur tak ada pekerjaan so tak *sure* macam mana mereka dapat dadah tu. *Anyway* ini ialah *in terms of* kawasan yang berisiko tinggi. Okey.

Soalan keduanya ialah selain tangkapan Kerajaan Pulau Pinang pada 22 September 2020 di dalam Mesyuarat Majlis Membanteras Dadah Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan satu sistem, baru iaitu i-REFER iaitu sebuah inisiatif bersama AADK Pulau Pinang dan PEGIS Pulau Pinang yang membawakan sistem, Pemetaan Pemprofilan kawasan berisiko tinggi dadah dan penggunaan warna seperti pemetaan COVID-19 untuk menunjukkan warna merah *hotspot* jingga, kuning, hijau, secara *live* di kawasan dadah di Negeri Pulau Pinang, sistem i-REFER menggunakan PEGIS *map browser* yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi AADK Negeri Pulau Pinang. Saya nak ucapkan syabas kepada team AADK dan juga PEGIS. So, dalam sistem i-REFER boleh dapat pemetaan seperti ini, secara *live* boleh nampak kat mana kawasan-kawasan *hotspot* dadah. Yang ini boleh digunakan oleh ahli ADUN, Ahli Parlimen dan pemimpin masyarakat. Maklumat yang boleh diakses melalui i-REFER adalah kawasan penagihan dadah mengikut mukim, kawasan penempatan berisiko, jumlah unit keluarga, jumlah institusi pendidikan, analisa program pencegahan, perancangan operasi dan risikan, keluasan kawasan, jumlah populasi penduduk, jumlah statistik penyalahgunaan dadah dan OKP dan taburan kes *compliance* dan tak *compliance* serta anggaran penagih.

REFER boleh diakses di laman PEGIS *map browser* dan lagi satu program yang telah dimulakan oleh AADK bersama dengan Kerajaan Negeri ialah Program Rintis melibatkan 15 agensi bawah 9 Kementerian dilaksanakan di 12 kawasan di seluruh negara di mana agensi kerajaan bergerak bersama bukan berasingan. Terdapat 155 kawasan risiko tinggi dadah zon

merah di seluruh negara. Bukit Mertajam di Pulau Pinang mempunyai 4 kawasan risiko tinggi dan kawasan Guar Perahu di Penanti adalah zon merah.

Majlis Banteras pada September 2020 telah melihat laporan penilaian *outcome* Program Rintis pertama di Pulau Pinang yang telah dimulakan di Guar Perahu Penanti bersama ADUN Penanti bermula dengan dialog permasalahan dadah sintetik 75 daripada kes dadah adalah kes dadah sintetik yang telah bermula pada Ogos 2019 program ini melibatkan pejabat ADUN, Ahli Parlimen, MPKK, Qaryah Masjid, JPWK, KRT, Persatuan Penduduk, Skuad AADK, dan NGO setempat seperti Stop The Methness, Sahabat Belia, Majlis Belia dan sebagainya. Dianggarkan di belakang ada 20 OKT kali 5 atau 5 orang belakang seorang OKT.

Sekarang Program Rintis Guar Perahu melibatkan 3 mukim iaitu mukim 19, 20, 21 iaitu Kampung Mengkuang, Mak Sulung, Taman Guar Perahu, Kg Padang Ibu hingga Kg. Tun Sardon berumur 25 ke atas 90% adalah lelaki, 10% wanita bertujuan mengurangkan bilangan kes baru, mengurangkan kes berulang, mengurangkan kadar jenayah jalanan dan untuk melibatkan komuniti bangkit memerangi dadah. Lapornya ialah skor kesediaan komuniti untuk berubah di Kg Guar Perahu, Taman Guar Perahu, Kg Padang Ibu, Kg Tun Sardon telah meningkat dari tahap 2 iaitu penafian kepada tahap 5 persediaan pada Jun 2020 ada 9 tahap kesemuanya. 27 orang ataupun 38% kadar penagih baharu yang tidak pernah dikesan sebelum ini telah berjaya dikesan dengan kerjasama dengan pemimpin masyarakat setempat pada September 2019 sehingga 10 Jun 2020, lapan (8) sarang dadah telah dikenalpasti dan lima (5) telah berjaya dibersihkan. 21% peningkatan kes *compliance* telah hadir. 71% penagih dadah berjaya ditahan untuk menjalani rawatan dan pemulihan di Institusi Pemulihan dari September 2019 hingga Jun 2020...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, yang ini jawapan yang khusus untuk Guar Perahu saja ka atau untuk seluruh Pulau Pinang?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Ya ini untuk Pulau Pinang, ini Program Rintis yang pertama di Pulau Pinang Malaysia ada 12 saja.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila ringkaskan, dan teruskan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Ringkasnya dengan ini saya *just* bacakan apa yang disyorkan maknanya dari program rintis yang pertama ini AADK dan Majlis Banteras Dadah telah mengesyorkan supaya program ini disebabkan oleh *outcome* yang bagus akan diperluaskan di kawasan-kawasan *hotspot* yang saya sebut tadi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Soalan tambahan, terima kasih Yang Berhormat Penanti atas penjelasan panjang lebar, saya ada soalan tambahan menurut 1 artikel dalam English *Online* pada 1 Januari 2020. Pihak Polis Pulau Pinang telah berjaya merampas dadah bernilai RM2.4 billion ini menunjukkan kesungguhan untuk menumpas aktiviti-aktiviti pengedaran dadah yang membahayakan. Soalan saya apakah cadangan solusi daripada Kerajaan Negeri bersama-sama AADK dan jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Kesihatan dalam menangani peningkatan jumlah penagih yang perlu dirawat di pusat-pusat pemulihan dan bukan di hukum sebagai pesalah jenayah, terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Semasa Mesyuarat Majlis Membanteras Dadah yang terkini perkara ini telah dibincangkan seperti yang kita bincangkan bersama dengan penduduk dan pemimpin masyarakat masalah dia ialah masalah punca. Maknanya dadah ini ialah mengikut statistiknya,

dadah ini adalah satu *business* yang besar tangkapan yang *latest* baru ini adalah RM54 juta di Pulau Pinang. Jadinya apa yang dibincangkan ialah masalah dengan dadah sintetik ini dia dibuat dengan bahan-bahan biasa seperti pencuci tandas, ubat nyamuk dan juga ubat batuk. Jadi bila itu ada 40 bahan-bahan yang termasuk dalam Akta dadah dan 200 lebih bahan yang digunakan ini belum dimasukkan sebab ia adalah dadah sintetik yang menghasilkan syabu ataupun *ice* ini melibatkan bahan-bahan biasa.

Jadi yang paling penting pihak polis mengatakan kita perlu ada pertukaran minda seperti sebagai contoh orang Islam dididik dari kecil tidak boleh makan khinzir ataupun babi dia tak kan mendekatinya dan orang Hindu yang beragama Hindu tidak akan makan daging lembu. Jadi Ketua Pengarah AADK yang turun bersama Program Rintis Guar Perahu ini kata polis kalau nak tengok kecukupan *staff* memang tak cukup, maknanya perubahan itu perlu dilakukan, pendidikan itu mesti diterapkan dari awal lagi sementara undang-undang nak dibuat, sebab sebagai contohnya purata pendapatan orang yang mengedar dadah ialah *around* paling rendah pun RM5,000 sebulan dan kalau lagi satu usaha yang dilakukan ialah AADK telah menambah peralatan di makmal supaya kes-kes ini apabila OKT ditangkap mereka dapat keputusan makmal yang lebih cepat, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Penjelasan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih kepada Penanti, cuma saya melihat saya tak nampak satu usaha ataupun peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang betul-betul dalam kita nak mengatasi ataupun menyelesaikan isu dadah ini kecuali PDRM dan AADK, bukan kita nak selesaikan nak tangkap bukan Kerajaan Negeri nak tangkap tapi kita nak Kerajaan Negeri menyediakan satu kaedah untuk membantu menyelesaikan di peringkat permulaan penagihan, setuju atau tidak Penanti bila saya cadangkan supaya kita selesaikan isu dadah ini di peringkat sekolah.

Maknanya kita kena pastikan di sekolah, di sekolah sekarang banyak penagih dadah setiap *test* dibuat ujian dibuat air kencing, memang ada positif di peringkat sekolah *recruit* di sekolah telah dibuat oleh pengedar-pengedar dadah. Jadi kita bantu sekolah untuk selesaikan isu ini, mungkin kita masukkan satu sukatan pelajaran untuk sentuh tentang ini.

Kedua, PYDC saya setuju ka tidak PYDC masukkan satu slot untuk selesaikan isu dadah di peringkat belia-belia.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat sesi soalan tamat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Cuma saya nak kalau boleh setuju atau tidak soalan tambahan saya supaya Kerajaan Negeri bersama-sama melalui agensi ataupun badan-badan yang ditubuhkan untuk membantu menyelesaikan isu dadah ini, setuju atau tidak?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Silakan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sebab itu Kerajaan Negeri telah memulakan Program Rintis ini sebab Program Rintis ini melibatkan 15 agensi supaya tidak ada supaya agensi sama sebab masalah ini melibatkan banyak bidang pendidikan dan *so far* kami ada bincangkan berkenaan dengan program-program di sekolah, saya juga kita juga cuba untuk hantar orang yang rotan di penjara supaya budak-budak di sekolah dia akan merasa takut tetapi program itu tidak dapat dilakukan dan juga banyak program-program yang dilakukan pihak sekolah akan beritahu budak-budak yang bermasalah ini supaya jangan datang, *I means* program-program jadi mereka yang datang-datang banyak semua budak-budak yang baik.

Jadi tapi dengan Program Rintis yang melibatkan masyarakat melibatkan ibu bapa memang dalam mesyuarat yang terkini, Ketua Pengarah AADK pun bersama dengan kami dengan polis mengatakan mereka yang kena tangkap patutnya dihantar ke pusat rawatan, jangan dihantar ke penjara memang usaha-usaha ini memang sedang dilakukan, dan dengan ini ada juga dari segi cadangan iaitu diadakan Rumah Korektif sebagai tempat selamat atau *safe house* kepada bekas-bekas penagih. Maksudnya, selepas dia pergi ke pusat rawatan, mereka ada satu tempat untuk mereka sama-sama bagi sokongan. Sebab masalah yang besar juga adalah masalah stigma di mana mereka susah mendapat pekerjaan, dan pelbagai-bagai usaha yang telah dibentangkan dalam mesyuarat itu adalah ditunjukkan.

Juga ramai yang penagih dadah ini agak kreatif, dan mereka telah membuat beberapa cadangan supaya kreativiti mereka itu dapat diasuh. Ada juga cadangan supaya tempat-tempat lumba haram yang jadi pengumpulan anak-anak muda ini, *highway* sebagai contohnya, Highway BKE Kubang Semang itu persimpangan Kubang Semang itu ditutup lampunya dari pukul 2 hingga pukul 5, benda-benda macam ini yang difikirkan untuk mengurangkan gejala-gejala remaja-remaja berkumpul dan membuat aktiviti tidak sihat.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Soalan tambahan boleh?

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sudah saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Seri Delima.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Terima kasih Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 21

21. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menangani isu *homestay* atau *Airbnb* yang berlaku dalam kawasan perumahan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker dan rakan saya daripada Seri Delima atas soalan ini adalah satu soalan yang begitu penting memandangkan masa ia dibangkitkan *very very pertinent question because that have been a change or other decisive statement in law...*(dengan izin) *and I will go thru that* tetapi saya baca jawapan saya dahulu kerana jawapan ini adalah sebelum keputusan satu keputusan daripada mahkamah tertinggi di Malaysia iaitu Mahkamah Persekutuan yang mana saya akan juga ulas sedikit berkenaan keadaan semasa.

*The question is very important to Penang and also very important to the country* iaitu apakah status isu *homestay* atau *Airbnb* di dalam kawasan-kawasan perumahan. *Very important question here Dato' Speaker, and I really need some time and I want all my colleague here to ask me as much question as much as you can give me some suggestion I will put the current situation on the floor first before I talk about the law.*

Dua minggu dahulu Mahkamah Persekutuan ada satu keputusan berkenaan isu ini untuk menangani isu *homestay* ataupun *Airbnb* yang berlaku dalam kawasan perumahan. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan akan keluaran notis di bawah Seksyen 27(2)(a) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 bagi memberhentikan aktiviti yang dijalankan dan memulihkan semula tanah ataupun bangunan seperti keadaan sebelumnya.

Notis juga akan dikeluarkan bagi segala pindaan dan tambahan ataupun pengubahsuaian dalaman terhadap unit *homestay* atau *Airbnb* di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dan tindakan perobohan akan diambil seperti selepas notis itu disempurnakan. Bagi bangunan bertingkat ataupun strata pula ia adalah di bawah Akta Pengurusan Strata 2013, Dato' Speaker. Walau bagaimanapun tiada sebarang peruntukan pada Akta 757 berkaitan isu *homestay* atau *Airbnb* *but I will come to the Federal Court case that's why it is very important this question.*

Oleh yang demikian jika terdapat juga isu *homestay* atau Airbnb, Majlis pada peringkat ini atau sebelum ini akan nasihati (JMB) *Joint Management Body* atau *Management Corporation* (MC) Dato' Speaker, untuk membuat undang-undang kecil tambahan *that is what is the practice and this court case which I am gonna come thru actually endorsed this practice, so we on the right track* untuk membuat undang-undang kecil tambahan *or house rule in English* Dato' Speaker, sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 32 seksyen 3 dan seksyen 70 sub seksyen 2 *that is the main* seksyen 70 *that one I come to* yang memberi kuasa kepada JMB atau MC bagi membuat undang-undang kecil tambahan melalui ketetapan khas pada Mesyuarat Agung bagi mengawal selia kawalan dan pengurusan dan pentadbiran penggunaan dan juga penikmatan bangunan harta bersama, dan kalau tidak dipatuhi maka JMB dan MC boleh tetapkan denda yang tidak melebihi RM200 terhadap mana-mana pemilik yang melanggar undang-undang kecil tersebut.

*Now that is the position current position* untuk semua dan untuk Negeri Pulau Pinang sebelum pun keputusan Mahkamah Persekutuan yang mana saya akan ulas sedikit sekarang *because* penting. Ia begitu penting kita sedang meneliti keadaan kerana di Pulau Pinang kita adalah negeri yang ketiga besar mempunyai bangunan bertingkat atau berstrata, *we are the third largest state with the third largest amount of stratified properties...*(dengan izin), Dato' Speaker. *Is very important* kerana Airbnb ini akan menyebabkan keadaan menjejaskan keadaan sosial kalau saya seorang penghuni di satu blok pangsapuri, Dato' Speaker, *so a if you are also* tiba-tiba tiap-tiap hari ada orang mari duduk macam hotel di tepi kita, itu tidak betul kepada saya. Secara prinsip itu langsung tidak betul kerana kita adalah penghuni, ini bukan satu hotel, ini bukan satu premis perniagaan. Ini adalah satu premis untuk dihuni oleh penduduk. *That is the* pokok. So untuk negeri Pulau Pinang sememangnya sebelum keputusan Mahkamah Persekutuan yang saya akan datang sebentar nanti kita telah pun berbincang dengan mendalam bagaimana hendak tangani ini secara *ad hoc*.

Dato' Speaker, *for information some places some condo* mereka telah mengambil tindakan di mahkamah di Pulau Pinang. Saya boleh beri satu dua contohlah, di Gurney Drive ada satu dua bangunan banyak tinggi-tinggi punya bangunan mereka ambil tindakan kerana digunakan sebagai *homestay*, dan mereka menang di mana mahkamah untuk kes itu nyatakan tak boleh, kerana ia adalah satu pangsapuri untuk pemilik. *So the question will be I'm going to read the Federal Court judgement is very important for everyone today*, kerana di Pulau Pinang apabila kita nampak ataupun lihat bagaimana kita hendak tangani isu ini, kita sebenarnya saya dan dengan MBPP dan juga MBSP sedang menggubal satu garis panduan di mana kita hendak pastikan permasalahan ini dapat kita tangani dan atasi, kerana kepentingan penduduk itu adalah keutamaan kita. *The safety and the security of the residents very important and our priority is*, Dato' Speaker.

*So in that guideline* dalam garis panduan yang kita sedang gubal itu, yang pokok yang kita ambil kira, *of course*, juga kita dapat maklumat daripada pusat kerana ini bukan satu masalah di Pulau Pinang sahaja. Di pusat juga mereka sedang melihat kepada ini, Tetapi *I think Penang will be come out with the guideline first as usual Penang leads* Dato' Speaker, *we will come out with the guideline first*. So, antara yang terpenting kalau garis panduan ini dimuktamad belum muktamad kita masih hendak dapat input daripada semua *especially my colleague here today both side very important it affect all of us*. Ia melibatkan semua kita antara lain yang terpenting sekiranya satu JMB atau MC, *Joint Management Body or Management Corporation*, Dato' Speaker. Mereka dapat persetujuan daripada penduduk untuk membuat sedemikian maka ia boleh dibenarkan *that will be number one* kalau itu berlaku saya percaya 99.9% tak akan setujulah *which settle the problem but at least we have the guideline*. Sekarang tak ada, *we only have this law which is you* boleh gubalkan *house rule if you don't* patuh RM200.00 *fine but some of the people the* Dato' Speaker, *for your information Airbnb their renting out thousand dollar a night so what is RM200 that is others big problem with this judgment but let me now just refer to the judgment...*(dengan izin) Dato' Speaker.

*I because very important one I hope you will bear with me just a bit saya merujuk pada keputusan Mahkamah Persekutuan Malaysia di Putrajaya iaitu Rayuan Civil no 2(174-10) 2019 yang diputuskan dan ataupun keputusannya telahpun dimaklum dua minggu dahulu just two week ago dalam kes Inab Salil dan tiga lagi rayu lawan Verve Suite Mont Kiara Management Cooperation responden now kes ini panjang lebar...(gangguan).*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Rumusan itu sudah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I will just go to the end...(gangguan).*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Kerana saya masih ada soalan banyak.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I understand but this very-very important because no one else will ask this question so just let me...(gangguan).*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*You can print additional information when you gulung.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Boleh, boleh cuma kes ini di Mahkamah Persekutuan, mahkamah tertinggi kita telah ambil kira bukan sahaja kes-kes di Malaysia tetapi di seluruh dunia kerana Airbnb ini berlaku di seluruh dunia. Dia ambil kes dari Australia dari England dari Wales dan juga di Malaysia tapi apa yang berlaku dan saya baca, *I keep it very short the end the last one or two pages just bear with me Dato' Speaker dan (dengan izin)...bahasa Inggeris kerana laporan ini dalam Bahasa Inggeris "the evident the defendant argue that exclusive possession create tenancy in this respect we now proceed to examine whether on the evident the defendant have successfully establish that the third party short term rental are tenant as oppose to might where licenses on the basis that rental were in exclusive position on the premises" and then they refer of course to the Airbnb term of services will I which not go thru that is in everyone public knowledge if you have property that you lend out Airbnb you have to sign this agreement so everyone know. "Putting a side the label of license use in the above clause it is crucial to observe that the clause specifically inform the occupant that in the event that they fail to leave the premises on time the host retain the right to reenter and remove them".*

*Dato', "this is inconsistent with tenancy rights in that event if the tenant holds over he cannot be remove except in the accordance with the order of position. Quite legal but very important. "The above clause, Dato' Speaker referring to the Airbnb Agreement Clause 8.1.3", which is a normal clause for everybody in the world not just here. "The above clause clearly negates, any inference that the defendants granted their third party guess exclusive possession of their premises. The fact the defendants can by virtual the Airbnb terms of service regulate the number of guess, the short-term rentals can allow into the premises indicates, Dato' Speaker that the said rentals do not have the right to manage their own use of the premise to the exclusion of the defendants".*

*This is important, Dato' Speaker. "At this juncture, the label use by the parties do not entirely conclusive do in this regard established the true intension of the defendants which are, which are the Airbnb at all material times relevance to this appeal the defendants let out their premises to third party vacationer or lodges for commercial purpose Dato' Speaker, for commercial purpose".*

*"The purpose of letting as can gedge from the terms of Airbnb terms of service and as detected by commence sense suggest that the defendants intended their premises to be use like a hotel for a lodging facility. The terms such as host use to describe the defendants and*

guess to describe the short-term rentals therefore mean exactly what they say. And this is the judgement, the. ... (gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, ringkaskan sini bukan kuliah untuk *lecturing the law*.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Ya. *but, last, last 2 paragraph. "It is therefore safe Dato' Speaker, to assume that be it buyer Airbnb in KL, KLSuite.Com". In KL, ada yang macam tulah. "Or any other booking side, this platform were only intended to be vehicle for the singular activity of short-term rental and for profit. There is no proof by the defendants of exclusive possession on the part of short-term rentals.*

*Nor does the evidence suggest the nature and quality of the occupancy of the said rentals was ever intended to be a tenancy". And I take 1 more paragraph. I actually got few more but, once you start reading this judgement, then you never stop as a lawyer. I'm a lawyer, anyway.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*That is why. Sini, Dewan bukan. kuliah untuk lecturing the law.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I know. I know. Just give me one more. one more minute. The last one lah. This the last paragraph. "After going thru many cases, court will appeal creavy council fantastic judgement by Tengku Maimun binti Tuan Mat. My head off to her, please. For the above reason Dato' Speaker, we hold that the said arrangement are nothing more than mere licenses and therefore do not a mount in law to dealing within the ambit of Section 70 of the Strata Management Act". Which is what I read just now, in my answer because that is what we are going on.*

*"Accordingly the House Rule, number 3 is not ultra-virus", because in this case, where way residences came out with the house rule or rather the residence here wanted to come with the house rule to say cannot, cannot allowed Airbnb condo took action.*

*"This court says that rule is not ultra-virus this Law Section 75 as court currently found by the high court and court 3 tier judgement that says that any JMB or MC gets actually come out with the house rule to banned such short-term lodging or rather homestays as we know it Dato' Speaker.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Habis?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Itu adalah apa yang ingin saya kongsi sedikit pada pagi ini. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih baik untuk jenis maklumat tambahan ini, saya minta EXCO kalau boleh edar kepada mereka supaya boleh jimatkan masa juga. Disamping itu, mereka dapat maklumat yang lebih cukup dan jelaslah. So, 1 soalan sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Baik, terima kasih Dato' Speaker. Jadi Yang Berhormat, sekiranya ada JMB ataupun MC di pangsapuri, saya rasa tindakan lebih senang diambil. Tapi yang menjadi masalah sekarang ni, kawasan-kawasan perumahan seperti Island Park, Island Glades sebagai contoh. Jadi tindakan tu, terhadap penyewa dan juga pemilik rumah tu agak sukar dilakukan.

Jadi soalan saya ini adalah, apakah tindakan di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang mampu ambil dimana kita sambil kita menunggu keputusan dari Kerajaan Pusat yang seolah-olahnya tidak mempunyai iltizam politik untuk mengambil keputusan atau tindakan yang tegas.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih pada rakan saya daripada Seri Delima. Sepertimana saya nyatakan ada keputusan daripada Mahkamah Persekutuan, yang sekarang jelas dan memberi kita hala tuju, terutamanya sepertimana saya nyatakan sebelum pun keputusan itu kita telahpun sedang dalam proses perbincangan untuk mewujudkan satu Garis Panduan tentang *Airbnb* yang mana, *in fact* KPKT ataupun Persekutuan tunggu untuk Pulau Pinang. *But with this decision it is very clear, we can take action.*

*Number one*, memang JMB, MC boleh adakan *House Rule* sepertimana saya nyatakan *number one*. *Number two*, of course if you look at the Act, Dato' Speaker. *If let say a, a, an owner let seat down anyway, the only thing that we can do is find him at RM200.00 that's provided for under Section 70 Subsection 2 of The Strata Management Act.*

So, kita saya setuju dengan Dato' YB. daripada Seri Delima, mungkin ini adalah *a pinch what we call pinch of the risk slap on the risk as equal because* ia tak begitu tegaslah. *RM200.00 but we have to look at thing differently because that Act was before this rediclaiment of Airbnb homestays scheme about, not only here in Malaysia, in Penang, in Malaysia but throughout the world. So, in Penang we want to lead. So, we want to have a very clear stand that we will not allow it in residential areas, because residential areas is amend for residential purposes.*

Tapi kalau bangunan itu adalah komersial, mungkin ada servis apartment umpamanya di mana ia dilaksanakan ataupun diselenggarakan Dato' Speaker oleh operator. *So, that one maybe we can, we can look into that kinf of situation but like I said in our Garis Panduan yang kita sedang gariskan sekarang, yang terpenting kita hendak, apa ni approval kelulusan daripada penduduk. Penduduk mesti beri kelulusan, sekiranya mereka hendak benarkan premis mereka itu untuk dijadikan sebagai Airbnb.*

*That is one of the main, main things in our Garis Panduan. But I agree also other things that we have to look at but might not be in our bidang kuasa, jurisdiction Dato' Speaker, is the punishment. Because that is a termaktub dalam Akta Pengurusan Strata or Strata Management Act. This is not under us, but under the Federal Government and we hope the Federal Government will take heat of what Penang is talking about. Because is important, in fact everyone this nothing to do with politics, semua akan terjejas. Dan kita perlu ada satu keputusan yang jelas, yang akan menghalang mereka yang bakal membuat perniagaan sebegini kerana ia menjejaskan kepentingan penduduk.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.



**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sikit. Sikit ja penjelasan. Saya cuma nak tanya sikit. Saya bangkitkan isu berkaitan dengan rumah, taman perumahan yang diadakan asrama pekerja. Adakah dia boleh dan ada kaitan dengan *homestay* ni? Rumah, kawasan taman tapi dibuat.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*Different issue.*

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Asrama ni. *Same issue*, ataupun tidak. Kalau, kalau *same issue* boleh kita masuk.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti gulung, *I think*.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Soalan menarik, tapi *different* soalan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dato' Pembangkang, sudah bangkit dalam perbahasan. Nanti Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*I'm talking about Home Scheme.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*I know. I know.*

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*But that one is separate. But I can, I will response. Thank you.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya. Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 22.

22. Dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, ramai telah memulakan perniagaan kecil seperti penjaja makanan. Adakah dasar kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memberi keutamaan dalam mengawal aktiviti penjaja melalui peraturan dan garis panduan atau penguatkuasaan, seperti kompaun dan rampasan barang?

(a) Perincian statistik penguatkuasaan ke atas penjaja sepanjang tahun 2019-2020 mengikut PBT".

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih pada rakan saya daripada Bagan Dalam. Berkenaan soalan yang penting, dimana dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini, ramai yang telahpun memulakan perniagaan kecil sebagai penjaja dan sebagainya *and I think all my rakan on the other side as well* Dato' daripada Sungai Dua semalam. *We are in trimmed time*. Memang kita tak boleh nafikan hakikat itu, dan banyak yang perlulah buat kerja sebegini.

So, isu ialah ataupun soalan daripada Bagan Dalam "Apakah dasar kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan, MBPP dan MBSP dalam memberi keutamaan untuk kawal aktiviti mereka melalui peraturan dan garis panduan ataupun penguatkuasaan". Dan ini soalan yang baik, yang mana saya hendak jawab secepat mungkinlah Dato'.

Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan di Negeri Pulau Pinang Dato' Speaker, sentiasa mengawal aktiviti penjajaan makanan melalui beberapa kaedah iaitu dengan pemakaian Garis Panduan Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih dan Garis Panduan Pengurusan Trak Bergerak, dan garis panduan ini hanya terpakai kepada penjajaan kategori makanan, barangan dan perkhidmatan penjaja dan peniaga kecil akan diberi lesen, sekiranya syarat-syarat dalam garis panduan tersebut dipatuhi seperti aktiviti penjajaan dijalankan di kawasan yang belum sibuk ataupun kawasan yang tidak menimbulkan kesesakan, ataupun kawasan yang tidak mengganggu lalu lintas jalanraya seperti di bawah *flyover* dan sebagainya.

Dato' Speaker, selain itu, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan juga sentiasa mengenal pasti dan menyediakan lokasi penempatan semula penjaja yang bersesuaian atau ruang berniaga yang sah bagi menempatkan semula penjaja tanpa lesen, dan menetapkan peraturan serta syarat-syarat terhadap penjaja-penjaja tersebut untuk memastikan aktiviti penjajaan tidak menimbulkan sebarang kacau ganggu.

Ini penting, *we always give priority to try to relocate* kalau boleh menempatkan semula. PBT juga akan meluluskan permit penjajaan secara sementara kepada peniaga atau penjaja tepi jalan, mengikut kesesuaian lokasi penjajaan dan tidak menimbulkan kacau ganggu serta mematuhi garis panduan yang saya nyatakan tadi, Kaedah Penjajaan Secara Mudah Alih, Dato' Speaker.

Dalam masa yang sama Dato' Speaker, kedua-dua PBT juga mengeluarkan permit penjajaan untuk aktiviti perniagaan buah-buahan bermusim, serta menjalankan proses temuduga terbuka bagi pengisian ruang niaga PBT yang masih kosong dengan kekerapan dua (2) kali sebulan, supaya penjaja-penjaja dapat diberikan lesen sekiranya berjaya.

Dan Dato' Speaker, PBT akan menggunakan pendekatan secara tindakan penguatkuasaan sebagai kaedah terakhir. *It is our last result, we will try to assist as much as we can.* Kita cuba bantu sedaya upaya kita. Penguatkuasaan adalah kaedah terakhir untuk mengawal aktiviti penjajaan, sekiranya peniaga ataupun penjaja masih ingkar dan gagal mematuhi undang-undang dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Seterusnya menjawab YB. Bagan Dalam. Statistik penguatkuasaan ke atas penjaja oleh PBT untuk 2019 hingga 2020 Dato' Speaker, adalah seperti berikut, saya ringkaskan. Untuk pengeluaran di MBPP, pengeluaran kompaun 9,806 untuk 2019. 2020, 2,864. MBSP pengeluaran kompaun 240, 2019. 115, 2020.

Untuk rampasan dan sitaan Dato' Speaker, MBPP pada 2019 ialah 449 dan 2020 ialah 135. Dan untuk MBSP untuk rampasan dan sitaan 2019 ialah 252 dan 2020 ialah 1,001 kes, Dato' Speaker. Sekian, *thank you very much.*

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya, sila Bagan Dalam.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Datok Keramat atas jawapan itu tadi. Saya hargai pendirian Datok Keramat, bahawa tindakan penguatkuasaan adalah cara terakhir untuk mengawal penjaja yang tidak berlesen ataupun penjaja haram. Tetapi apa yang saya nampak adalah, garis panduan di kedua-dua PBT tidak selari. Dan saya nampak MBSP lebih kepada *accommodate* walaupun kawasan dia besar daripada Kepala Batas sampai ke Jawi ataupun Nibong Tebal, lebih *accommodate* penjaja kecil.

Tetapi kita lihat statistik daripada Datok Keramat sendiri tadi. Pada tahun lepas tindakan kompaun MBPP 9,806 berbanding dengan MPSP 284 sahaja. Ini tidak bermakna MBSP tidak buat kerja seperti MBPP. Tetapi MBSP lebih memudahkan cara untuk mendapatkan lesen kepada lesen-lesen penjaja, kalau selagi mereka tidak mendatangkan apa-apa masalah kepada pengguna jalan raya, tidak mengganggu keselamatan diberikan lesen....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagan Dalam, maka soalan. Sila cepat.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tetapi di Pulau Pinang di MBPP, kita nampak pemberian lesen penjaja itu terlalu banyak birokrasi. Mereka yang memohon menghadapi pelbagai masalah. Ada yang mohon setahun lebih pun tak dapat. So, ada tak apa-apa rancangan daripada Kerajaan Negeri untuk menggabungkan dua-dua ataupun menyelaraskan garis panduan ini untuk memudahkan penjaja, khususnya yang terhimpit dengan kedudukan ekonomi semasa akibat oleh COVID-19 untuk mendapatkan lesen penjaja. Itu soalan saya, terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Yang penting Dato' Speaker, seperti mana saya nyatakan dan saya ulangi, kaedah penguatkuasaan adalah kaedah yang terakhir dan kita sememangnya memberi ruang kepada semua untuk cuba patuhi garis panduan yang ada supaya mereka boleh dikeluarkan lesen ataupun permit untuk menjaja. *That is the most important.*

Yes, saya setuju dan saya tak akan nafikan ada statistik yang saya tunjukkan yang menunjukkan di bahagian Pulau sememangnya ada lebih kes yang telah diambil. Tapi perlu difaham, kes diambil atas kepentingan awam. Kita tidak mahu ada apa-apa masalah berlaku kepada orang awam seakibat mereka menjaja di kawasan yang tidak selamat dan sebagainya dan juga pada kepentingan mereka sendiri, penjaja-penjaja tersebut. Ada penjaja-penjaja di tepi jalan dan sebagainya ia boleh menjadi satu ancaman kepada keselamatan diri sendiri mereka.

Cuba lihat *on the other side of the coin, very easy to look at the numbers and blame everybody but the point is, there is a reason why that we did. But like I said, we tried to accommodate.* Sedaya-upaya mana kita boleh, kita buat. Mungkin di bahagian Seberang kerana kawasan seperti Bagan Dalam kata besar, mungkin ada lebih ruang untuk mereka ditempatkan semula di tempat lain dan sebagainya. *No issues, but the most important question that you ask and I always say, dalam era Pandemik COVID-19 kita perlu ambil pendekatan untuk bantu mereka dan itu saya telah nyatakan secara spesifik di dalam EXCO. Sebagai EXCO KT, kita cuba sedaya-upaya dalam beberapa bulan ini kita sememangnya sedang ada satu senarai sekarang di mana kita lihat pada penjaja-penjaja tepi jalan dan sebagainya, di mana kita hendak sahkannya mungkin untuk satu tempoh terdekat. Maybe on a temporary basis, 1 month, 2 months we coming out to that time, very important. I fully agree with, but remember at the end of the day, the safety of the people also is extinct* dan kita perlu ada *balancing act* ini. Tetapi dalam era Pandemik COVID-19 saya setuju dengan Yang Berhormat Bagan Dalam dan kita sedang buat itu sekarang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Satu lagi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Saya sebelum ini saya ingat Yang Berhormat Datok Keramat juga maklum dalam usaha saya di kawasan di Seberang Jaya. Kita juga ada minta supaya pemutihan dijalankan kerana sebahagian besar penjaja-penjaja tanpa lesen ini adanya yang telah berpusat. Saya percaya pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai juga maklum. Sebagai contoh di Taman Sutera dan juga di beberapa kawasan saya sendiri ada yang dah bertahun-tahun peniaga-peniaga ini berniaga di situ. Masih lagi menggunakan

khemah, masih lagi menggunakan bangku yang disediakan sendiri, tidak ada bekalan air, hanya menggunakan kalau ada pun mungkin bekalan air yang diambil secara tidak sah.

Jadi, tempat-tempat seperti ini kalau boleh saya minta perhatian Yang Berhormat Datok Keramat untuk lihat bagaimana Majlis Bandaraya sebab sekarang ini musim banyak buat SOP. Kita ubah sedikit SOP kita, pendekatan kita. Supaya tempat-tempat seperti ini dapat digazetkan terus menjadi medan penjaja yang sah, berikan mereka kelengkapan atau infrastruktur yang minima kos tetapi bersesuaian dan selamat kerana saya ingat ini juga penting. Jadi sebenarnya bukan soalan sangatlah, lebih kepada saya lihat adakah usaha daripada pihak Kerajaan Negeri untuk mengubah SOP bagi membolehkan proses pemutihan ini kita *expedite* dalam tempoh kita berhadapan dengan cabaran COVID ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Thank you my good friend from Seberang Jaya. Lama tak bincang. Hari ini boleh. Tapi I think you* setuju dengan apa yang saya baru kata tadi. Sememangnya kita sedang melihat dalam era Pandemik COVID-19 bagaimana kita boleh bantu *and of course just now you have mentioned one or two places maybe later tell me particular* tapi secara keseluruhan di lima-lima daerah di Pulau Pinang, bukan sahaja di Seberang, Pulau juga, kita sedang adakan satu senarai sekarang di mana kita hendak lihat bagaimana kita boleh putihkan. *At least for the short term to assist them, but I think I fully agree with Seberang Jaya for agree with me actually* bahawa keselamatan mereka sendiri adalah begitu penting *paramount. That is the reason why sometimes we have to take action. So we have everyone understand. But* saya setuju kalau rakan-rakan saya di sini atau pun di situ ada senarai tempat di mana mungkin kita boleh lihat bagaimana kita boleh bantu, sila datang jumpa saya. Maklum pada saya. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tengah. Sila.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dato' Speaker, soalan saya No.23

23. Apakah persiapan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk kawasan rawan banjir di Seberang Perai Tengah, khususnya Bukit Tengah untuk menghadapi sebarang bencana akibat banjir kilat dan kerosakan rumah dan infrastruktur awam pada musim tengkujuh yang telah bermula?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Dato' Speaker juga Yang Berhormat Bukit Tengah atas soalan mengenai kerja-kerja tebatan banjir di kawasan Seberang Perai Tengah. Bagi maklumat Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang sedang melaksanakan dua projek tebatan banjir berimpak tinggi di kawasan Seberang Perai Tengah iaitu Projek Tebatan Banjir Parit 4 dan juga Projek Tebatan Banjir Parit 5 yang dijangka siap pada awal tahun depan.

Tambahan pada itu, kerja-kerja kecemasan juga telah diluluskan sebagai persiapan untuk menangani musim tengkujuh dan dalam tempoh pembinaan tersebut, sebanyak tiga (3) pam telah pun disiap-sediakan dan ditempatkan di beberapa lokasi kritikal di kawasan Bukit Tengah bagi menghadapi musim hujan ini. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Tanjong Bunga. Cuma saya ada 1, 2 soalan sebab memang sekarang ini musim tengkujuh dan kita selalu khawatir banjir kilat akan berlaku. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sementara kita menunggu pelaksanaan Projek RTB Parit 4 dan Parit 5 ini, apakah kerja-kerja yang telahpun dilaksanakan melalui

peruntukan tahunan negeri bagi kawasan Bukit Tengah dan sama ada Yang Berhormat boleh mempertimbangkan melihat khusus juga kepada kawasan Kampung Dok yang selalu mengalami banjir kilat sebab di kawasan yang terlalu rendah sama ada boleh kita ataupun Kerajaan Negeri melihat untuk membina satu kolam tadahan air dekat kawasan itu sebab walaupun ada rumah-rumah pam air di kawasan itu, disebabkan tanah terlalu rendah rumah-rumah pam ini tidak begitu berkesan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tengah. Yang Berhormat Dato' Speaker, sementara kita menunggu pelaksanaan Projek Parit 4 dan Parit 5, kita juga ada projek-projek lain. Sukacita saya maklumkan di sini bahawa kerja untuk mengorek dan mendalamkan muara Sungai Juru sebanyak RM834,425. Projek ini telahpun baru selesai proses tender dan telahpun dilantik kontraktor dan dijangka akan mengambil enam (6) bulan untuk siap.

Selain daripada projek untuk mendalam muara Sungai Juru, kita juga ada beberapa projek di bawah peruntukan Persekutuan di kawasan Bukit Tengah. Ini projek-projek kecil iaitu projek untuk membuang enapan dan halangan sampah di alor Sungai Junjung Mati, RM30,000.00. Projek untuk membuang enapan dan halangan sampah di Sungai Rambai, RM30,000.00 dan juga membuang enapan dan halangan sampah di alor-alor kawasan Juru, RM30,000.00. Ketiga-tiga kerja kecil ini telah dipanggil melalui proses cabutan undi dan sedang dilaksanakan di tapak dan dijangka siap pada bulan depan.

Selain daripada itu Yang Berhormat ada membangkitkan isu di Kampung Dok seperti mana Yang Berhormat sendiri telah menyatakan kawasan Kampung Dok tu kawasan beraras rendah maka risiko untuk banjir memang tinggi. Saya mendengar cadangan daripada Yang Berhormat, boleh kita sama-sama melihat sama ada ada kawasan lapang yang sesuai supaya kita boleh *explore* idea untuk membuat satu kolam takungan air. Jadi yang ini kita akan melihat sama-sama dengan jabatan. Terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah):**

*Assalamualaikum* wbt dan Salam Sejahtera. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Mohon jawapan bagi soalan saya No.24.

24. Berapakah kandungan air domestik yang digunakan oleh penduduk dan infra pembangunan di Pulau Pinang dan adakah cukup kandungan air ini?
- (a) Dari manakah penggunaan air untuk infra pembangunan diambil?
  - (b) Sekiranya tidak cukup mengapa perlu dibuat projek Penang South Reclamation (PSR).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Yang Berhormat Penaga yang bertanya mengenai kandungan air domestik yang digunakan. Untuk makluman Yang Berhormat, *volume* permintaan dan pembekalan tahun lepas dan juga tahun ini adalah seperti berikut. Saya akan bulatkanlah angka ini.

Untuk tahun 2018, 391 juta meter padu dari segi pembekalan. Dari segi permintaan, 306 juta meter padu. Bagi tahun 2019, 398 juta meter padu bagi pembekalan dan bagi permintaan 307 juta meter padu. Untuk tahun ini sehingga bulan Ogos, 270 juta meter padu dari segi pembekalan dan untuk permintaan 209 juta meter padu.

Saya rasa Yang Berhormat pun boleh lihat angka-angka yang saya sebut tadi adalah jelas. Pembekalan air adalah lebih daripada permintaan. Oleh itu, pembekalan air masih lagi mencukupi untuk keperluan rakyat Pulau Pinang.

Namun begitu, Yang Berhormat ada bertanya sama ada *Project Penang South Reclamation* (PSR) adalah diperlukan. Bagi makluman Yang Berhormat, projek PSR adalah projek yang kritikal bagi masa depan Pulau Pinang. Projek ini bukan sekadar satu projek tambakan biasa untuk tujuan spekulasi hartanah sebaliknya projek PSR adalah bertujuan untuk menjadi satu pemangkin ekonomi Negeri Pulau Pinang seperti mana Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas telah dibangunkan pada tahun 70-an bersama-sama dengan Bandar Bayan Baru.

Tanpa Bayan Lepas sudah tentu Pulau Pinang tidak akan mencapai kejayaan pada hari ini sebagai antara negeri paling maju, paling berdaya saing dan juga paling berdaya huni di negara kita. Maka dengan semangat yang sama, projek PSR ini telah digagaskan.

Seperti mana Yang Berhormat pun sedia maklum, keseluruhan tambakan bagi PSR adalah lebih kurang 4,500 ekar dengan dibahagikan kepada tiga (3) pulau. Pulau yang pertama yang akan ditambak adalah Pulau A iaitu pulau yang terbesar dengan keluasan sebanyak 2,300 ekar. Tumpuan pulau ini pula bukannya sebagai pusat komersial ataupun perumahan. Walaupun elemen-elemen ini sudah tentu akan termasuk juga tetapi Dato' Speaker, sebaliknya tumpuan bagi Pulau A adalah untuk menyediakan tanah industri yang baharu.

Ini menjadi objektif Kerajaan Negeri dan kawasan perindustrian bagi Pulau A pula bukan sekadar tanah lapang yang biasa, tetapi akan direka bentuk secara khusus mengikut keperluan semasa industri sedunia. Dan bila kita lihat pada permintaan dan keperluan industri, syarikat-syarikat terbesar dunia pada hari ini, keperluan mereka tidak lagi berkisar kepada kos buruh yang murah atau pun insentif-insentif tempatan semata-mata. Mereka kini mengutamakan faktor ESG iaitu *environmental*, *social* dan *governance*. Dalam erti kata lain, syarikat-syarikat ini akan memilih tapak pelaburan yang dapat memenuhi piawaian ESG antarabangsa yang sukar dicapai dalam kawasan tanah *brown field* atau pun dalam kawasan yang sudah pun dibangunkan. Tapi dengan tambakan pulau baharu, pembangunan *green field* dapat dilakukan agar Pulau Pinang dapat menawarkan kawasan perindustrian baharu yang sesuai, yang memenuhi faktor ESG dan juga dapat menarik minat syarikat-syarikat terbesar agar rakyat di Pulau Pinang dapat berkecimpung dalam pekerjaan-pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Jadi itulah menjadi objektif untuk PSR. Ia adalah satu projek jangkamasa panjang yang amat diperlukan untuk memastikan kelestarian ekonomi, sosio-ekonomi negeri kita. Terima kasih Yang Berhormat.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Yang Berhormat, ya.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Bunga. Cuma saya nak minta penjelasan sedikit tentang sumber air. Jadi, kita melihat usaha-usaha dibuat untuk perbincangan dengan Kerajaan Negeri Perak untuk mendapatkan sumber baharu dan juga Kedah yang sedia ada. Apa langkah-langkah lain? Saya nampak bila ada PSR dan sebagainya yang Negeri Pulau Pinang nak buat sangat-sangat ini, mungkin kadar penggunaan air itu akan jadi lebih tinggi, mungkin melebihi 306 juta meter padu. Jadi apa langkah kita nak selesaikan masalah? Kalau nak buat kilang, air mesti cukup. Mesti ada bekalan air yang cukup dan sebagainya?

Jadi apakah langkah lain selain Perak dan Perak kalau tak jadi bagi, tak setuju contohnya mereka pon tak cukup jadinya kita nak dari sumber mana. Contohnya kita mungkin boleh fikir sumber dari laut ka, kita proses mungkin lah kita ada pandangan daripada pihak Tanjong Bunga.

#### **Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima Kasih Yang Berhormat Sungai Dua membangkitkan isu yang amat penting dari segi keselamatan air ataupun *water security* Kerajaan Negeri amat mengambil berat dan seperti mana Yang Berhormat sendiri sedia maklum dan telah maklumkan kepada Dewan

sebentar tadi kita memang memerlukan sumber air yang baharu sebab dari segi air yang kita dapat daripada Sungai Muda iaitu punca air yang paling utama untuk negeri Pulau Pinang yang membekalkan lebih daripada 80 peratus air untuk Negeri kita dia hanya mencukupi sehingga tahun 2025. Ya, jadi kita sememangnya memerlukan beberapa sumber air yang baharu dan antara punca air yang telahpun dikenal pasti adalah Sungai Perak. Ya, seperti mana Yang Berhormat Sungai Perak sebut namun demikian rundingan bersama Kerajaan Negeri Perak masih lagi tidak dapat diselesaikan malah pada hari itu telah satu perbincangan telah diadakan bersama-sama dengan Menteri Alam Sekitar dan Air, dan Yang Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang untuk membincangkan perkara ini dan juga pihak Kementerian pun sudi untuk membantu bagi memudahcarakan perbincangan.

Namun begitu Yang Berhormat selain daripada bergantung kepada Sungai Perak ini pihak PBA telahpun membuat beberapa perancangan lain untuk memastikan keselamatan air di Pulau Pinang terjamin.

Antaranya adalah, kita mempunyai tiga (3) Pelan Kontingensi yang pertama ialah Pakej 12A Loji Rawatan Air Sungai Dua iaitu pelan ini akan meningkatkan kapasiti loji air di Sungai Dua sehingga 114 juta liter sehari dan Pakej 12A ini membabitkan Pembinaan Modul Rawatan Air 114juta MLD di Loji Rawatan Sungai Dua. Ini akan membolehkan PBA menghasilkan lebih banyak air terawat bagi membolehkan bekalan Air di Pulau Pinang.

Skim Kedua adalah Skim Bekalan Air Sungai Perai jadi ini pun penting Yang Berhormat Dato' Speaker. Selain daripada Sungai Perak dan Sungai Muda kita juga telah mengenal pasti Sungai Perai sebagai satu sumber air yang sangat penting. Jadi satu kajian sedang dilakukan oleh pihak PBA, telah melantik perunding untuk mengkaji dari segi kejuruteraan dari segi kualiti air dan sebagainya sama ada kita dapat menggunakan air Sungai Perai sebagai sumber air.

Yang ketiga tadi Yang Berhormat pun sebut mungkin kita boleh gunakan air laut, ini adalah proses *desalination* ataupun penyahgaraman dan untuk projek penyahgaraman ini pun PBA sedang melakukan kajian dengan melantik perunding dan dijangka sekiranya dapat dilakukan fasa yang pertama dapat meningkatkan kapasiti penjana air terawat sehingga 250MLD, 250 juta liter sehari.

Jadi untuk projek-projek tersebut lantikan perunding telahpun dilakukan dan apabila selesai kajian yang dibuat maka keputusan akan diambil oleh PBA mana opsyen-opsyen yang akan dipilih. Mungkin salah satu daripada tiga ataupun ketiga-tiga sekali tapi macam mana pun pihak Kerajaan Negeri tidak akan duduk diam sahaja dan menunggu Kerajaan Negeri Perak untuk membuat keputusan kita juga pada masa yang sama kita akan melihat pada opsyen-opsyen lain, terima kasih Yang Berhormat.

#### **YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang silakan

#### **Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

*Assalamualaikum w.b.t* soalan saya Tuan Yang di-Pertua soalan 25.

#### **25. Sektor Perlancongan di Pulau Pinang**

- (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memulihkan sektor pelancongan yang terjejas teruk disebabkan pandemic COVID-19
- (b) Jelaskan kaedah promosi serta perancangan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan semula Pulau Pinang walaupun masih dalam cabaran pandemic COVID-19
- (c) Jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk tujuan di atas.

### Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima Kasih Yang di-Pertua Dewan dan juga Yang Berhormat Telok Bahang. Sektor pelancongan di negeri Pulau Pinang memang merupakan satu sektor ekonomi yang penting di negeri Pulau Pinang. Seluruh dunia termasuk Malaysia dan Pulau Pinang telah mengalami impak yang besar dalam Pandemik COVID-19 ini. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk mengaktifkan semula dan memulihkan industri pelancongan. Rancangan-rancangan negeri Pulau Pinang untuk memulihkan sektor pelancongan yang terjejas disebabkan Pandemik COVID-19 ini adalah seperti berikut:

Yang pertama semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Kerajaan Negeri telah mengumumkan Pakej Bantuan Rakyat 1.0 dan 2.0 yang bertujuan membantu golongan yang terkesan dengan pandemik COVID-19 yang merangkumi peniaga kecil dan penjaja berlesan, pemandu, pelancong, pemandu teksi, penarik beca, pemandu *e-hailing*, pemandu bas, van persiaran, pemandu kereta sewa, limosin, pengusaha kuda dan pengusaha lancang air di Telok Bahang juga. Selain itu juga pengecualian sewa turut diberikan kepada premis-premis perniagaan milik Kerajaan Negeri PBT, PDC dan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.

Langkah kedua, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan skim pinjaman tanpa faedah untuk sektor pelancongan Pulau Pinang melalui Skim Peka 2.0 kepada syarikat pengusaha pelancongan sebagai langkah pemulihan pelancongan. Peruntukan RM10 juta telah disediakan di bawah skim ini. Pinjaman tanpa faedah ini dapat meringankan beban kewangan dan memperbaiki aliran tunai syarikat pengusaha pelancongan.

Langkah ketiga, dalam tempoh PKP Pemulihan, pelancongan domestik adalah dibenarkan, oleh itu keutamaan diberikan untuk menggerakkan semula sektor pelancongan dengan fokus kepada pasaran pelancongan domestik. Kempen promosi dan pemasaran yang giat dijalankan dengan sasaran kepada pelancong domestik. Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan penggiat industri pelancongan seperti hotel penginapan tempat tarikan pelancong dan ejen pelancongan untuk membentuk pakej pelancongan bagi menarik pelancong ke Negeri Pulau Pinang. Pakej-pakej Pelancongan tersebut dipromosikan di laman web *penangtraveldeals.com* selain itu pameran pelancongan dalam negara seperti *Penang International Travel Exchange* yang akan diadakan pada 14 hingga 16 Oktober tahun ini dan *Business Event Penang* yang akan diadakan pada 10 dan 11 Disember tahun ini secara *online* merupakan platform yang sesuai untuk menunjukkan keistimewaan Pulau Pinang dan menarik pelancong domestik.

Langkah keempat, Kerajaan Negeri melalui *Penang Global Tourism* dan *Penang Convention and Exhibition Bureau International Travel Exchange* telah melaksanakan mempromosikan pelancongan Pulau Pinang kepada pelancong dalam pelbagai kategori, antaranya kempen *Yes, This Is Penang* dan *Penang Through Lenses* menggalakkan lawatan semula, *revisitation* ke Pulau Pinang. Kempen *7 World Wonders of Penang* berjenamakan 7 tarikan utama di Pulau Pinang. Kempen *JOM! Experience Penang* bagi mengukuhkan pelancongan domestik di kalangan penduduk tempatan dan Kerajaan Negeri juga telah melancarkan satu kempen yang dikenali sebagai Kempen *Thank You Frontliners* atau Kempen Terima Kasih Kepada Barisan Hadapan yang menawarkan pakej-pakej menarik kepada pekerja barisan hadapan. Idea ini adalah untuk menawarkan pakej kepada barisan hadapan yang telah menyumbangkan banyak usaha dalam melawan COVID-19 ini.

Ini merupakan satu *token appreciation* daripada Kerajaan Negeri di Pulau Pinang untuk barisan hadapan dan Kempen *Penang Hills For Tomorrow* yang memberikan tumpuan kepada bidang pelancongan *business event* dan langkah kelima Kerajaan Negeri telah menubuhkan *Penang Tourism Economic Advisory Board* atau dikenali sebagai Lembaga Penasihat Pemulihan Ekonomi Pelancongan dan juga Pasukan Kerja *Next Normal* pelancong Pulau Pinang yang juga merangkumi *stakeholders* untuk membantu pemulihan ekonomi pelancongan supaya mengurangkan impak pandemik COVID-19 terhadap industri pelancongan dan mempercepatkan proses pemulihan dalam merangka langkah-langkah.



Untuk pemulihan Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan *engagement* dengan *stakeholders* supaya semua jenis rangka dan solusi adalah selari dengan keperluan industri.

Langkah keenam, mempromosikan pelancongan Pulau Pinang melalui radio dan media sosial dengan menunjukkan keistimewaan Pulau Pinang khususnya dalam aspek makanan tempatan, gaya hidup, alam semulajadi, pengembaraan, budaya dan warisan. Saluran promosi media sosial merangkumi *facebook*, Instagram, *Youtube*, Weibo, *Wechat* dan TikTok manakala saluran radio merangkumi Mix FM, Sinar FM, Melody FM, HITS FM, MY FM dan ERA FM. Video-video pelancongan turut dihasilkan bagi menunjukkan usaha-usaha yang dilaksanakan dalam memastikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelancongan yang selamat. Video yang dihasilkan bertajuk *Your Safety Is Our Priority* dan *Thank You For Keeping Penang Safe dan Penang Responsible Tourism* telah meningkatkan keyakinan pelancong. Promosi ini telah membantu memperkukuhkan jenama Pulau Pinang dan menggalakkan lebih ramai pelancong melawat Pulau Pinang lantas meningkatkan ekonomi untuk Negeri Pulau Pinang.

Langkah ketujuh, memperkenalkan Kempen Pelancongan Bertanggungjawab, *Responsible Tourism* untuk memastikan semua orang sedar tentang tanggungjawab yang dipikul dan harus dijalankan oleh setiap lapisan masyarakat. Pelancongan Bertanggungjawab memberi fokus kepada lima (5) tanggungjawab pelancong iaitu penjarakan sosial, kerapkan pembasuhan tangan, memakai pelitup muka, pembuangan pelitup muka secara betul... ....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat kalau boleh saya minta ringkaskan jawapan itu, berapa banyak lagi?

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Sebenarnya banyak langkah yang kita lakukan tapi atas nasihat Dato Speaker saya akan cuba lajukan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini kerana masa soalan lisan sudah pun tamatlah.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Dan juga mendapatkan rawatan secara segera sekiranya kurang sihat dan juga lima tanggungjawab bagi penggiat pelancong iaitu menyediakan aplikasi MySejahtera, periksa suhu badan sediakan pembersih tangan dan sabun pastikan penjarakan sosial dan menyediakan tong sampah yang mencukupi.

Langkah kelapan, mewujudkan Sistem Akreditasi bagi Kesiapsiagaan COVID-19 di Pulau Pinang atau dikenali sebagai COVID-19 *Safety Accreditation Programme*. Akreditasi ini memberikan pengiktirafan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan yang telah memenuhi dan mematuhi garis panduan dan SOP kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan. Logo atau label akreditasi yang ditetapkan.

Logo atau label yang dipamerkan di premis hotel dan tempat tarikan pelancong akan memberi keyakinan dan keamaan yang tinggi kepada pelancong semasa lawatan mereka ke Pulau Pinang, dan langkah kesembilan Kerajaan Negeri turut mempertingkatkan infrastruktur serta menyediakan lebih banyak kemudahan mesra pelancong di samping melaksanakan penyelenggaraan berterusan bagi infrastruktur sedia ada. Stesen Atas Bukit Bendera akan dinaik taraf dengan memperluaskan ruang menunggu, penyediaan lif dan eskalator serta pelaksanaan Sistem *Electronic Queue Management System*.

Di kawasan George Town pula Kerajaan Negeri melalui Pelan induk Pesisir Utara George Town sedang dalam perancangan untuk menaik taraf kawasan Padang Kota, *Esplanade*, *English Garden* dan Kota *Cornwallis* yang merupakan tempat tumpuan pelancong. Dan di sebelah Seberang dan juga di sebelah Balik Pulau, Kerajaan Negeri memang telah merancang pelbagai aktiviti dan juga merancang pelbagai rancangan

promosi untuk tempat-tempat selain daripada *George Town* juga. Dan untuk soalan (b) iaitu kaedah...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagi jawapan yang ringkas. Saya boleh, saya izinkan.

**Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):**

Untuk soalan (b), mengenai kaedah promosi, Kerajaan Negeri telah mempergiatkan promosi untuk mempromosikan semula Pulau Pinang dalam masa pandemik ini. Langkah-langkah adalah seperti berikut:

- (i) Promosi melalui media elektronik
- (ii) Promosi melalui media cetak
- (iii) Promosi melalui kempen
- (iv) Promosi melalui tawaran pakej pelancongan, dan
- (v) Promosi melalui pameran pelancongan dan perdagangan

Untuk soalan (c), anggaran perbelanjaan bagi program-program promosi dan pemasaran tersebut adalah berjumlah RM3.5 juta. Secara rumusan, sektor pelancongan memang mengalami impak yang besar dalam pandemik ini tetapi Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah dan usaha-usaha yang proaktif untuk membantu penggiat industri dan juga membantukan ekonomi negeri ini dan usaha-usaha Kerajaan Negeri telah mendapat pengiktirafan dan juga kepujian daripada industri juga. Persatuan Agen-Agen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia iaitu *Malaysian Association of Tour and Travel Agents* iaitu MATTA juga telah pada 5 haribulan Jun tahun ini mengeluarkan satu *press statement* yang telah memuji Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kalau diizinkan cakap, baca satu perenggan sahaja. "*The Malaysian Association of Tour and Travel Agents (MATTA) applauds State Government of Penang commitment in recognizing the urgent needs to overcome challenges to the state tourism and travel industries choose setting up of Penang Tourism Economy Recovery Advisory Board and Penang Aid Package 2.0, which is a first for a Malaysia's state*".

Ini menunjukkan Kerajaan Negeri telah mengambil banyak langkah-langkah yang sebagai *Penang Leads* dalam usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi dan juga sektor pelancongan semasa pandemik ini. Dengan ini, sekian terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Yang Berhormat nampaknya telahpun macam sudah buat penggulungan untuk, so maka nanti bila sampai ke masa penggulungan, pandai-pandai ya? Ahli-Ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada semua. Sesi soalan lisan telahpun tamat, satu jam tiga puluh minit dan selaras dengan Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan atas meja Ahli Yang Berhormat yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi dan juga Yang di-Pertua, selaras dengan Peraturan 6A (1), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, saya mohon supaya masa persidangan pada hari ini dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sokongan?

**YB. Timbalan Ketua Menteri I:**

Saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telahpun mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A (1), untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 14 Oktober 2020, hari Rabu, dilanjutkan sehingga jam 6.30 petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya”.

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya”.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan “Tidak”. Usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbincangan sedang menunggu Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin ambil bahagian?

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Dato’ Speaker, Berapit.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berapit? Sila.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berhormat Dato’ *Speaker*, Ahli-Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang bersama kami dalam Dewan ini. Saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbincangan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 yang telah berjaya dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri.

Dato’ Speaker, saya ingin sentuh tentang parkir khas ibu hamil. Parkir khas untuk ibu yang mengandung, adalah salah satu penunjuk bandar mesra kepada keluarga dan wanita. Dalam buku *COO Facebook*, iaitu *Sheryl Sandberg* pernah ceritakan pengalaman sendiri bahawa semasa dia bekerja di Google, syarikat Google, masa itu beliau sudah mengandung dan berat badan naik 30 kg tetapi satu hari ingin mencari *carpark* semasa sampai di syarikat tapi susah nak cari *carpark*. Dan sampailah *carpark* dicari, beliau hampir lari masuk ke bilik mesyuarat dan hampir nak muntah. Cerita ini nampaknya satu perkara yang tidak besar tetapi mencerminkan keperluan ibu hamil selalu dipinggirkan sebab ibu hamil ini hamil hanya 10 bulan sahaja, bukan setiap hari dan mereka menjadi segelintir minoriti. Tiada saluran menyampaikan pandangan dan juga pandangannya biasanya tidak dipentingkan.

Walaupun ini berlaku di negara maju seperti Amerika Syarikat. Seiring dengan visi Pulau Pinang, Penang2030 yang fokus ke arah negeri yang berorientasikan keluarga, hijau dan pintar, Pulau Pinang merupakan satu negeri *pioneer state* kepada keluarga mesra. Jadi bolehlah kita menetapkan polisi mesra kepada ibu hamil. Kita boleh mulakan daripada parkir khas kepada ibu hamil di semua tempat, pejabat kerajaan dan agensi Kerajaan Negeri. Walaupun saya pernah menyentuh isu ini pada tahun 2018, tetapi masa tersebut, saya masih tidak dapat memahami betapa perlunya parkir khas ini sehinggalah hari ini saya nak menyentuh di sini. Sebab saya rasa saat ini, masa ini adalah satu peluang yang susah saya temui juga. Itulah pengalaman saya. Sebagai seorang ibu *to be...*(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Berkepentingan...(ketawa). Tapi bolehlah, isu yang bernas, boleh.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Okey. Terima kasih Dato’ *Speaker* yang setuju dengan saya. Sebagai seorang ibu *to be* yang mengandung 8 bulan lebih, berat badan saya telah naik 13 kilogram. Dan boleh dikatakan saya berjalan dengan selalu orang kata, saya berjalan dengan membawa sebiji bola di depan saya, di dalam badan saya dan selalu kena berhati-hati. Setiap kali kalau saya perlu

memandu sendiri pergi ke sesuatu tempat, saya rasa *headache* sebab ini merisaukan saya kalau saya tak dapat tempat *parking* itu. Ada orang mungkin akan kata, boleh pergi ke macam *shopping mall*, boleh *park*lah di *ladies' carpark*, tetapi saya nak bagitau kepada Yang Berhormat dan tuan-tuan dan puan-puan di sini, selalunya *ladies' carpark* pun penuh. Yang kita selalu boleh nampak walaupun di KOMTAR, di Bangunan KOMTAR pun penuh. Dan saya minta bukan saja nak *reserved* parkir khas untuk ibu hamil di bangunan Kerajaan Negeri dan agensi negeri sahaja tetapi saya minta kedua-dua Majlis Perbandaran, PBT di bahagian Pulau dan Seberang juga seharusnya menjadi *pioneer* kepada keluarga mesra dengan mengadakan parkir khas kepada ibu hamil terutamanya di kawasan komersial dan tempat yang hampir dengan hospital dan klinik kesihatan untuk menyenangkan wanita hamil boleh menjalankan pemeriksaan prenatal.

Saya mencadangkan PBT supaya boleh mengisukan kad ibu hamil dengan bukti dokumen daripada doktor sahaja. Tanda kehamilan awal tidak jelas, itulah pengalaman kita. Orang selalu kata, *the first trimester* iaitu di tiga bulan awal, semasa kehamilan tidak jelas. Bukan sahaja berat badan tidak naik tetapi malah akan menjadi lebih kurus kerana *morning sickness* dan ketidakstabilan kehamilan. Inisiatif kemudahan parkir ibu hamil yang bertujuan untuk memberikan kemudahan dan keselesaan kepada semua golongan ibu yang hamil tidak boleh kira tempoh bila dia adakah sampai ke *second trimester* atau *third trimester* iaitu nampaknya bentuk badan sudah berubah tetapi kena bagi ke satu kemudahan kepada semua ibu hamil, tidak kira tempoh peringkat mana. Ini juga adalah satu kehormatan kepada golongan wanita yang bekerja. Terpaksa selalu keluar, tak boleh rehat dan kalau nak kerja di luar selalu kena dapatkan satu tempat *parking*. Menjalankan tugas mereka. Itulah selalu sesuatu perkara yang susahkan mereka.

Tuan Dato' Speaker, kecuali daripada parkir khas untuk ibu hamil saya juga ingin tanya tentang bilik laktasi. Bilik laktasi bukan satu perkara yang baru. Yang selalu kita sentuhkan. Tetapi sampai sekarang masih ada banyak ruang untuk kita *improve* iaitu menambah-baikannya. Menurut kajian, kita selalu tau ibu susu adalah satu *nutrition* atau makanan yang terbaik kepada kanak-kanak, kepada bayi. Susu ibu merupakan satu makanan yang terbaik kepada bayi kerana ia mengandungi kesemua nutrien yang diperlukan untuk tumbuh besar dan perkembangan otak bayi. Mudah hadam dan susu ibu sentiasa tersedia pada suhu yang tetap. Dalam kesibukan gaya hidup masa sekarang, ramai ibu yang bekerja menghadapi masalah dalam menyusukan bayi mereka. Menurut kajian, kadar penyusuan secara *exclusive* adalah tinggi pada dua (2) bulan pertama semasa bayi dilahirkan iaitu melangkaui 40% tetapi menurun dengan mendadak selepas bayi berumur dua (2) bulan. Ini menurut kajian yang dijalankan ada lebih separuh daripada bayi itu. Sebab utama adalah tiada satu tempat yang sesuai iaitu satu bilik laktasi untuk ibu yang bekerja supaya mereka boleh menyimpan susu ibu selepas mereka cuti daripada cuti bersalin. Tetapi masa bekerja, nak *breast feeding*, nak simpan susu ibu menjadi satu masalah. Saya akan menjadi seorang ibu tidak lama lagi dan inilah perkara yang saya selalu fikirkan. Adakah suasana kita menggalakkan ibu teruskan menyusukan anak mereka dengan susu ibu?

Tuan Dato' Speaker, saya rasa menyesal dengan Bangunan Dewan Sidang Undangan yang mulia ini tidak ada bilik laktasi. Adakah golongan ibu yang masih menyusukan susu ibu terpaksa membuat pilihan antara pekerjaan dan anak mereka sebab mereka mungkin terpaksa menghadapi konflik di kedua-dua perkara ini. Tanpa bilik laktasi dengan kemudahan yang lengkap, takkan seorang ibu kena menyimpan susu, di bilik stor yang gelap atau di dalam tandas? Itulah adalah makanan kepada bayi. Adakah kita patut proses makanan di dalam tempat yang gelap atau di tandas? Memang jawapan itu tidak patut.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Berapit, boleh minta laluan?

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Sila.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Untuk makluman Dato' *Speaker*, perkara ini sebenarnya telah dihadapi oleh YB. Padang Lalang semasa sebagai ADUN Batu Lancang pada tahun 1995 hingga tahun 1999. Pada masa itu beliau menyusu bayi, menghadapi masalah yang sama pada ketika itu. Itu sahaja, makluman saya.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Terima kasih daripada Bukit Tambun. Oh! *Okay, sorry*, Padang Lalang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Sedikit penjelasanlah kerana pengalaman saya telah disebut ya. Memang pada waktu itu, mesyuarat DUN ini diadakan di USM dan saya pun minta satu bilik untuk *breast feed my baby at that time*. Dan DUN pun telah bagikan satu bilik. Jadi saya pun nak nasihatkan, sesiapa yang perlu bilik laktasi ataupun apa-apa kemudahan beranilah untuk memohon, saya rasa pada waktu ini permohonan seperti ini akan diberikan perhatian saya rasa YB. Yang di-Pertua kita begitu peka gender. Saya rasa dia tentu akan memberi segala kemudahan yang ibu perlukan. Ya, jadi Yang Berhormat Berapit jangan risau kalau di bangunan kerajaan, kita akan jaga kita akan memberi segala kemudahan umpamanya *freezer, freezer* bukan kos banyak kita boleh beli satu *freezer* yang kecil, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua telah pun disebut so izinkan saya juga nak jelaskan. Banyak Yang Berhormat pelbagai permohonan. Ini cuma satu contoh daripada Yang Berhormat Berapit kalau tidak terlupa ahli-ahli Yang Berhormat, ada Yang Berhormat minta saya untuk sediakan tempat *parking* basikal, saya pun sediakan tetapi sediakan sampai hari ini tidak ada digunakan pun tapi *its not my excuses* la cuma saya nak katakan kalau ada keperluan dan keperluan itu rasional dan dia perlu diadakan, terima kasih yang Berhormat Berapit tapi saya peringatkan dah hampir 20 minit.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua tetapi ada pencerahan daripada pelbagai Yang Berhormat Bukit Tambun, Yang Berhormat Padang Lalang dan YB. Yang di-Pertua sendiri. Saya rasa perkara ini nampak kecil tapi menarik juga jadi kena *spend* masa sedikitlah.

Saya rasa ini adalah satu jiwa Kerajaan Pakatan Harapan semasa kita ada nampaknya ada keperluan kita boleh sediakan kemudahan itu, tetapi di sini juga saya nampak bukan semua wanita boleh tampil ke depan kepada Yang Berhormat Padang Lalang dan ada golongan sokongan kerajaan, mereka yang kurang ada keyakinan diri mereka rasa risau untuk tampil ke depan untuk membuat permintaan, itulah sesuatu yang selalu kita faham dengan adakan satu kesediaan bilik laktasi dankemudahan lengkap saya rasa baru menggalakkan mereka boleh datang ke sini kerja.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Padang Lalang bukan sahaja *freezer* tapi satu kemudahan yang kita kena ada keperluan asas seperti ada pintu berkunci, meja, tempat duduk yang selesa, mesin air, plug elektrik sebab kadang-kadang kita pun perlukan pam elektrik kan dan pusat khidmat saya, nak ceritakan pusat khidmat saya sekarang sedang sediakan sebuah bilik laktasi dengan kemudahan-kemudahan ini bukan disebabkan saya, sebab saya boleh pakai pejabat saya sendiri tetapi ada seorang pegawai wanita saya yang baharu melahirkan anak, saya kena fikirkan keperluan pegawai saya dan saya sudah sediakan semua kemudahan ini supaya mereka boleh proses makanan untuk anak mereka ditempat yang lebih *privacy*. Saya nak bagi contoh, saya dapat satu *list...*(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, dua (2) isu ini saya rasa semua sudah faham, kalau ada isu yang lain saya minta *direct* ke isu yang lain.

### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Okey, satu contoh saya nak bagi untuk bilik laktasi sebab pegawai saya sudah membuat satu tinjauan ke 46 agensi Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan Persekutuan dan dari *more than half of it* mengadakan bilik laktasi di dalam surau, Dato' Speaker dan pegawai saya sendiri pergi melawat surau itu yang dijadikan bilik laktasi seperti Pejabat Pertanian Pulau Pinang, kita KWSP, PERKESO tetapi ketiga-tiga mereka tidak ada memenuhi keperluan asas ini. Jadi saya nak cadangkan di sini. Cadangkan kepada Kerajaan Negeri mengadakan anugerah bilik laktasi terbaik dalam negeri dan pertandingan ini terbuka kepada agensi kerajaan dan industri swasta supaya boleh menyampaikan mesej kepentingan bilik laktasi dengan kemudahan yang lengkap ini.

Dato' Speaker, saya ingin sentuh tentang keselamatan komuniti iaitu keselamatan stesen minyak. Keselamatan stesen minyak di seluruh negeri perlu kita pantau bersama-sama. Pada bulan Januari tahun ini, sebuah bilik stor yang menyimpan kertas sembahyang yang berlokasi di tepi stesen minyak Taman Sentosa Bukit Mertajam, telah berlaku kebakaran. Kebakaran tersebut menakutkan penduduk setempat jikalau api menyebar ke stesen minyak yang berhampiran akan membawa kesan yang teruk kepada kawasan tersebut. Menurut jawapan yang saya tanya dari soalan bertulis saya berkaitan dengan keselamatan SOP di stesen minyak, aktiviti perniagaan dan bangunan yang berhampiran stesen minyak. Salah satu garis panduan adalah semua struktur hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai anjakan 20 kaki daripada garisan sempadan bersama lot tanah stesen minyak tersebut dan juga zon penampunan selebar 30 meter perlu disediakan dari tangki simpanan minyak.

Kalau mengikut garis panduan ini, bilik stor tersebut yang terbakar tidak mematuhi SOP yang ditetapkan kerana bilik stor terletak di tepi tangki simpanan minyak yang jelas nampaknya mulut tangki minyak itu tetapi bilik stor itu telah berada di tempat stor tersebut sejak tahun 2008 bermaksudnya lebih 10 tahun. Saya berpendapat perkara keselamatan stesen minyak di seluruh negeri haruslah dipandang berat dan saya menyeru bahawa kepada kedua-dua Majlis Bandaraya membuat pemeriksaan ke semua stesen minyak untuk memastikan SOP dipatuhi agar keselamatan komuniti dijaga.

Menambah baik prasarana sukan dan rekreasi, saya gembira nampaknya kerajaan melalui Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang Pulau Pinang iaitu untuk mewujudkan satu tempat rekreasi dan prasarana sukan yang lebih baik. Memang bagusnya untuk Perbadanan ini untuk membangunkan Stadium Batu Kawan dan dua (2) buah taman di Sungai Pinang dan Seberang Perai Utara, saya sendiri pernah lihat kemudahan dan keindahan taman kejiranan Sungai Pinang 7 dan saya yakin taman itu akan menjadi satu taman ikon atau *signature park* di Pulau Pinang.

Dengan komitmen bajet Kerajaan diperuntukkan untuk Perbadanan Stadium dan Kawasan Lapang menunjukkan prihatin Kerajaan Negeri terhadap kesihatan rakyat. Saya difahamkan Mesyuarat Lembaga Perbadanan Stadium ini dipengerusikan oleh YAB. Ketua Menteri dan Perbadanan ini mempunyai pengalaman dan kepakaran bagi memastikan pembangunan taman awam dan rekreasi. Begitu juga pengalaman dalam menjaga fasiliti dan prasarana sukan seperti stadium dan kompleks sukan. Jadi saya mengalu-alukan cadangan Stadium Batu Kawan akan buka trek jogging stadium kepada orang ramai menjalankan larian dan sebagainya tetapi di bahagian Pulau ini kita tidak ada trek larian yang terbuka kepada orang ramai. Jadi Dato' Speaker, saya memohon di sini supaya Stadium Bandaraya Pulau Pinang juga buka trek jogging kepada orang ramai untuk menjadi seimbang kedua-dua tempat ini.

Dalam bajet Y.A.B. Ketua Menteri, nampaknya Perbadanan ini adalah sebuah agensi yang fokus untuk mewujudkan kawasan rekreasi, saya mencadangkan semua taman dan tanah lapang dalam negeri ini diserahkan kepada Perbadanan Stadium ini untuk merangka satu pelan induk tempat rekreasi bagi memastikan kemudahan asas dijaga. PBT juga perlu menyalurkan peruntukan dan kakitangan bahagian Pulau dan rekreasi supaya dapat membantu terus menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar dalam taman unggul di Malaysia.

Saya difahamkan Perbadanan ini mempunyai pengalaman dan kepakaran bagi membangunkan taman-taman awam dan rekreasi dan begitu juga sekarang saya difahamkan PBT mempunyai satu cabaran yang besar sebab tugas mereka sudah jadi pelbagai terutamanya pada musim menentang wabak COVID-19 ini. Jadi adalah bagusya taman-taman rekreasi diserahkan kepada Perbadanan Stadium ini ....(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, sila rumus.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Dato Speaker, saya minta YB. Yang di-Pertua boleh faham saya sekarang nak ucap saya kena bernafas lebih sikit kalau berbanding dengan dahulu jadi mungkin boleh lebih 3 minit kepada saya....(dengan izin)...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya jaga Yang Berhormat, terlalu lama berdiri.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Okey, terima kasih jadi kalau berdiri itu boleh menyenangkan kelahiran anak saya pun sanggup berbuat begitulah...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila ringkaskan.

**Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Dato' Speaker, saya gembira Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM250 ribu untuk Program Tabung Usahawan Tani untuk membantu golongan petani, penternak, nelayan bagi memulih dan meningkatkan produktiviti perusahaan masing-masing. Soalan saya di sini, peningkatan perusahaan industri ketiga-tiga ini bukan sekadar sahaja dari segi bantuan kewangan, tetapi perlu lihat aspek-aspek dari segi sumber manusia, *skill* iaitu kepakaran dan juga satu platform pengedaran penjualan.

Jadi saya nak tanya di sini kecuali dari segi kewangan kita bagi bantu bagaimana Kerajaan Negeri dapat membantu memulih dan meningkatkan produktiviti industri ini daripada aspek yang lain seperti yang paling penting adalah kepakaran dan juga platform penjualan dan akhir sekali saya ingin mematuhi arahan daripada Dato' Speaker.

Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada pelbagai pihak yang menyediakan belanjawan tahun 2021 sepertimana yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan YB-YB yang lain wabak COVID-19 telah membawa perubahan kepada wajah dunia dan cabaran ini adalah besar di depan kita. Wabak COVID-19 ini adalah musuh yang paling besar bagi semua. Marilah kita bersama-sama menentang COVID-19 dengan belanjawan Pulau Pinang 2021 yang prihatin kepada rakyat, saya pasti kita akan menang bersama. Dengan ini saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Yang Berhormat Berapit. Sila Yang Berhormat Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih YB. Yang di-Pertua. *Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. (Bacaan Doa) Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, YAB. Ketua Menteri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Yang Dihormati YB. Dato' Ketua Pembangkang dan Barisan Pembangkang, Ahli-ahli Yang Berhormat Pulau Pinang, Ketua-Ketua serta wakil-wakil Jabatan dan Agensi, para media dan pemerhati, seterusnya hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

*Alhamdulillah*, terlebih dahulu marilah kita sama-sama menzahirkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Illahi atas limpah kurnia dan izin-Nya yang memungkinkan kita berada di sini untuk bersidang dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Sidang DUN Pulau Pinang kali ke 14 walaupun berdepan dengan Pandemik COVID-19.

Kali ini, Permatang Berangan sekali lagi mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2021. Sekalung tahniah ditujukan kepada YAB. Padang Kota selaku Ketua Menteri yang dengan lancarnya membentangkan Belanjawan 2021 Negeri Pulau Pinang pada Isnin lalu dalam usaha Kerajaan Negeri menuju transformasi pemulihan dan ketahanan ekonomi ke arah dimensi baharu yang terbilang.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua urusetia dari anggota pentadbiran Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang terutama Bahagian Dewan Undangan Negeri bagi persediaan tempat menjelang Mesyuarat DUN. Tambahan lagi ketika ini, kita bersidang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan atau (PKPP) yang memerlukan kita bersidang dalam norma baharu dengan memastikan saringan suhu badan diambil, menjaga SOP seperti penjarakan 1 meter, memakai pelitup muka dan kerap mencuci tangan dengan sabun atau cecair sanitasi. Semoga dengan penjagaan SOP yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), kita masih dapat menunaikan tanggungjawab bagi menyelesaikan perbahasan Bajet 2021 Pulau Pinang dengan selamat dan sempurna.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Permatang Berangan menyambut baik usaha Kerajaan Negeri dalam melaksanakan perancangan ke arah merealisasikan empat tema utama Visi Penang2030 iaitu Menggalakkan pelaburan dan meningkatkan produktiviti pemacu pertumbuhan ekonomi, Membangunkan infrastruktur dan Komuniti Digital Ke Arah Ketahanan Mampan, Memperkukuh dan Mensejahtera kualiti hidup rakyat serta memperkasa peranan dan bakat modal ihsan.

Dato' Yang di-Pertua dan sidang Dewan yang mulia, rakyat di seluruh Malaysia dan dunia sedang dilanda ujian besar tatkala menghadapi bencana luar biasa iaitu wabak corona virus atau singkatannya COVID-19. Biarpun bajet kali ini Kerajaan Negeri mengunjurkan kira-kira tiga peratus defisit sebanyak RM403.8 juta dalam usaha pemulihan ekonomi pasca COVID-19, kita perlu melihat fokus utama untuk memperkasakan pelaksanaan perancangan pemulihan demi *survival* rakyat. Kerisauan masih melanda negara. Setakat kelmarin 13 Oktober 2020, jumlah kes positif yang dilaporkan meningkat sehingga 660 kes yang mana 23 kes dari kluster Penjara Pulau Pinang bertambah hari demi hari biarpun jumlahnya kurang berbanding seratus empat puluh satu kes pada hari sebelumnya.

Permatang Berangan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah meluluskan peruntukan RM30,000.00 kepada semua ADUN untuk sumbangan segera bantuan COVID termasuk membekalkan pelitup muka dan *sanitizer* untuk rakyat setempat. Dalam kita berhadapan risiko penularan wabak COVID di fasa gelombang ketiga ini, kita perlu bersama-sama berganding bahu melawan COVID-19 tanpa mengira perbezaan agama, gender, kaum dan latar belakang politik. Selain berterima kasih kepada semua petugas barisan hadapan, kita perlu mendidik rakyat untuk mengamalkan saranan daripada KKM dan MKN bagi memutuskan rantaian COVID-19 dengan mengelakkan 3C *Crowded Places, Confined Spaces, Close Conversation...*(dengan izin) atau 3S Sesak, Sempit, Sembang dekat dan mengamalkan 3W iaitu *wash, wear and warn* dengan izin dan tidak boleh tidak, ia perlu dilaksanakan oleh semua orang.

Di samping itu, rakyat perlu terdidik untuk menjalankan norma baharu dengan berfikiran positif dan tidak berprasangka dengan mana-mana individu yang telah disahkan positif COVID-19 termasuk ahli keluarga mereka yang terkesan apabila perkara ini berlaku. Selain tidak menjatuhkan hukuman dengan pelbagai tohmahan dan andaian negatif, rakyat boleh membantu menjadi anggota sokongan moral untuk memberi perangsang dan kata-kata semangat kepada mereka dan ahli keluarga mereka yang terlibat.



Dato' Yang di-Pertua, sejak diumumkan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020, rakyat dilanda kebimbangan tentang keselamatan, kesihatan, kehilangan pekerjaan dan yang lebih menyedihkan terputus punca pendapatan diri dan keluarga. Krisis wabak yang tidak disangka-sangka ini menjejaskan kestabilan ekonomi seluruh dunia dan ekonomi negara kita. Berikutan keadaan semasa, banyak pakar ekonomi menjangkakan aktiviti perniagaan sukar mencatatkan pemulihan dalam tempoh yang singkat. Mengikut jawapan yang saya perolehi daripada soalan bertulis, di Permatang Berangan sahaja seramai 162 usahawan, peniaga kecil dan penjaja yang berdaftar dengan MBSP terjejas dengan Pandemik COVID-19 yang mana saya yakin lebih ramai yang turut terkesan dengan senario ini.

Turut terjejas adalah kaum wanita yang menjadi ketua keluarga, mereka yang bekerja sendiri dan juga pemandu bas sekolah, bas persiaran dan bas pelancong yang hilang pekerjaan kerana pengusaha bas terpaksa menghentikan operasi. Lebih menyedihkan sebahagian mereka terpaksa menjadi peniaga *ad-hoc* untuk mencari sesuap nasi. Dalam perkara ini, Permatang Berangan ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan kelonggaran kepada kumpulan peniaga-peniaga *ad-hoc* ini seperti berikut:

Pengecualian pendaftaran lesen penjaja atau pemberian permit sementara daripada PBT;

Kebenaran sementara untuk berniaga di tepi jalan atau kawasan-kawasan tertentu selagi tidak menimbulkan kacau ganggu; dan

Memperbanyakkan tapak-tapak perniagaan yang bersesuaian dan selamat sebagai tempat untuk mereka berniaga. Adalah diharapkan agar kelonggaran ini mampu memberi nafas baru kepada peniaga-peniaga *ad-hoc* ini sementara mendapatkan pekerjaan lain yang lebih terjamin.

Dato' Yang di-Pertua dan Sidang Dewan yang mulia, selaras dengan saranan untuk meningkatkan produktiviti pemacu pertumbuhan ekonomi, golongan yang berkerja sendiri dan pekerja am di kalangan belia dan wanita juga perlu diberikan bantuan. Dalam hal ini selain sumbangan bantuan segera kepada golongan yang terkesan, saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Negeri untuk membantu mereka dengan latihan penjanaaan ekonomi secara maya melalui kursus-kursus pendek yang bersesuaian dan mengikut matlamat untuk membangunkan komuniti digital yang mampu, maju dan berdaya saing.

Langkah mengadaptasi Revolusi Industri 4.0 atau *IR 4.0*...(dengan izin) di era digital ini sedikit sebanyak dapat membantu pemulihan ekonomi jangka panjang bagi mereka meneruskan kelangsungan hidup. Dengan ini kira-kira 5809 usahawan berdaftar dengan MBPP dan 6,662 usahawan berdaftar dengan MBSP termasuk 306 koperasi dan NGO berasaskan perniagaan akan turut mendapatkan manfaatnya.

Dato' Yang di-Pertua, tambahan kepada itu Permatang Berangan juga ingin mencadangkan kepada MMK Pelancongan agar dapat melihat semula kawasan Sungai Labuh Banting untuk memulihkan sektor pelancongan dengan mempromosikan *river cruise and local products* dengan izin di kawasan tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini untuk merujuk kepada isu-isu berulang di kawasan Permatang Berangan. Antara lain adalah ancaman babi hutan dan kera. Perkara ini telah saya sebut tahun lepas yang mana ada serangan babi hutan di Padang Chempedak, Pengkalan Batu dan juga pertaburan kelompok-kelompok haiwan tersebut di Taman Sepadu dan kawasan sekitarnya yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan Perhilitan untuk memastikan tiada insiden serangan yang sama berulang. Sejak awal tahun ini kira-kira 13 aduan yang diterima melibatkan kacau ganggu yang disebabkan oleh babi hutan dan kera. Diharapkan bantuan daripada Jabatan Perhilitan dan pihak-pihak berwajib dapat diteruskan untuk menangani permasalahan ini.

Selain itu, masalah sisa buangan najis babi dari ladang penternakan khinzir di Kampung Selamat masih tidak menyelesaikan pencemaran bau di persekitaran perumahan penduduk di Permatang Berangan, Tasek Gelugor. Isu ini berpunca daripada sistem pengolahan pelepasan sisa buangan najis khinzir yang tidak berkesan. Walaupun ada sebilangan kecil ladang-ladang khinzir telah membina kolam untuk pengolahan pelepasan sisa buangan tersebut namun kebanyakan kolam-kolam tersebut tidak lagi berkesan kerana terlalu kecil dan tidak mampu menampung bilangan khinzir yang meningkat serta tidak diselenggara dengan baik. Ketidakterkesanannya menyebabkan pelepasan sisa tersebut disalurkan ke saluran air awam dan sungai. Dan sungai yang terkesan adalah Sungai Kerih yang melalui kawasan DUN Permatang Berangan.

Akibatnya penduduk di Permatang Berangan menjadi mangsa pencemaran bau dan pemandangan apabila sungai yang sepatutnya menjadi punca air bersih dicemari sisa najis khinzir yang menyakitkan penglihatan. Soalan saya, apakah keputusan mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Padang Kota berkaitan pelaksanaan ladang babi tertutup pada 8 Oktober 2020 lalu dan apakah solusinya? Oleh yang demikian, Permatang Berangan ingin mencadangkan pada Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan cadangan pengambilan tanah ladang khinzir tersebut untuk ditukar syarat kepada tanah industri. Atau sekiranya tidak dapat dilakukan, memindahkan industri ataupun ladang khinzir tersebut ke tapak ladang yang lain yang jauh daripada penempatan penduduk. Kita difahamkan bahawa RUU Peladangan Unggas akan dibentangkan nanti jadi saya mengharapkan jawapan daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri untuk penyelesaian masalah ini.

Dato' Yang di-Pertua, Permatang Berangan juga menyambut baik usaha pembersihan dan penyelenggaraan parit, longkang dan saluran yang dilakukan oleh agensi kerajaan seperti PBT, Pejabat Tanah dan Daerah serta JPS di sungai seperti Sungai Kereh, Sungai Pokok Machang dan Sungai Jarak secara berkala supaya saluran tersebut tidak tersumbat sehingga menyebabkan banjir ketika hujan lebat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Celahan. Terima kasih. Saya cuma nak sentuh berbalik kepada tadi isu-isu yang berkaitan dengan ladang babi ataupun khinzir di kawasan Kampung Selamat. Saya juga telah sentuh dalam ucapan saya, bersetujukah Permatang Berangan kalau kita di peringkat kita sini meminta pihak Kerajaan Negeri menyegerakan pelaksanaan enakmen. Tidak perlu ditangguhkan lagi hingga ke 2022 walaupun dah diwartakan tahun 2020. Jadi pelaksanaan tu kalau boleh segerakan supaya benda ni tidak menjadi maslaah lagi. Dan kalau boleh carilah penyelesaian yang lebih sesuai di peringkat punca masalah ini supaya benda ni tidak lagi menghantui ataupun kalau boleh saya nak cadangkan Kerajaan Negeri ambil air Sungai Kereh tu buat minuman. Satu pilihan untuk buat minuman supaya masyarakat di Pulau Pinang ini juga akan bangkitkan tentang isu ini. Air minuman dari najis khinzir. Sanggupkah kita gunakan air tersebut? Air banyak situ. Saya rasa kita boleh gunakan sebagai sumber tambah sumber yang keempat air laut, air daripada Kedah Perak dan sebagainya tambah satu pilihan baru. Air daripada Sungai Kereh.

**YAB. Ketua Menteri:**

Penjelasan Dato' Yang di-Pertua, nampaknya Dato' Ketua Pembangkang tidak mahu faham penjelasan yang telahpun diberikan di bawah Enakmen Memperuntukkan Tempoh Peralihan dua (2) tahun. Itupun sudah digazetkan untuk dikuatkuasakan. Kalau dalam tempoh peralihan ini apa-apa tindakan perundangan kalau dibawa ke mahkamah, pihak berwajib akan kalah sebab tidak mengikut peruntukan undang-undang dalam penguatkuasaan. Jadi kita berharap isu ini sudah pun diberi perhatian yang tegas dan kita menunggulah keputusannya.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Permatang Berangan, sila.

### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Osman):**

Terima kasih Yang Berhormat Padang Kota atas penjelasan. Saya boleh bersetuju dengan Ketua Pembangkang juga daripada Sungai Dua dan saya mengharapkan pihak Kerajaan Negeri sementara menunggu enakmen itu dikuatkuasakan dua (2) tahun lagi, ada tindakan-tindakan ataupun pemantauan untuk memastikan SOP ataupun garis panduan pelaksanaan ladang khinzir itu dapat dipantau dengan segera. Terima kasih.

Seterusnya saya juga ingin berterima kasih kepada wira oren yang telah pun terlibat untuk membantu menebang pokok-pokok dan membersihkan laluan jalan ketika ribut melanda. Sekali lagi satu lagi isu yang pernah dibangkitkan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kedua yang lalu yang mana Permatang Berangan ingin memohon kepada pihak Kerajaan Negeri untuk meninjau kedudukan lampu jalan di jalan-jalan utama seperti Jalan Lahar Yooi menuju ke Lubuk Meriam dan Pokok Sena, Jalan Pokok Tampang, Jalan Hashim Awang ke jalan masuk ke Taman Sepadu dan Taman Saga Tasek Gelugor. Memang terdapat lampu jalan yang dipasang di sepanjang jalan tersebut, namun masih gelap kerana daun-daun dari pokok-pokok besar menghalang pancaran cahaya dan menyebabkan laluan tersebut masih gelap sehingga membahayakan pengguna jalan raya, ada juga yang berlaku di kawasan gelap tersebut menyebabkan kemalangan kepada pengguna-pengguna jalan raya. Oleh yang demikian, diharapkan ada tindakan daripada pihak PBT untuk menebang pokok ataupun membuang dahan-dahan yang melindungi pancaran cahaya lampu tersebut.

Dato' Yang di-Pertua, selain daripada itu Pusat Khidmat ADUN Permatang Berangan menerima banyak aduan berkaitan kelemahan capaian *internet* khususnya di kawasan Pokok Machang, Pokok Tampang, Permatang Indah dan Pengkalan Batu yang sebahagian besar penduduknya tidak dapat menerima liputan *internet* secara menyeluruh. Ramai merungut tidak dapat mendaftarkan *internet* dan difahamkan oleh pihak TM bahawa mereka tidak mampu mendaftarkan UniFi kerana kapasiti kawasan tersebut hanya mampu membekalkan *streamyx* yang jauh ketinggalan.

Dalam suasana norma baharu ini, bagaimana pelajar ingin membuat pembelajaran secara talian, atas talian, peniaga ingin mempromosikan dan memasarkan jualan mereka *and how to work from home...* (dengan izin) tanpa liputan yang meluas dan terkini. Mohon perhatian Kerajaan Negeri dalam mendepani norma baharu dan cabaran-cabaran akan datang.

Dato' Yang di-Pertua dan Sidang Dewan yang dihormati, Permatang Berangan telah menyuarakan kerisauan dengan mengemukakan soalan lisan berkaitan isu-isu ataupun kes penagihan dan pengedaran dadah di Pulau Pinang. Memfokuskan usaha memperkasakan golongan belia, Permatang Berangan ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan sesi taklimat dan penerangan tentang bahaya yang dihadapi untuk kes-kes dadah yang boleh dilakukan oleh PDRM dan AADK kepada kumpulan-kumpulan pelajar dan remaja supaya mereka mempunyai kesedaran dan tidak terlibat dengan kes-kes dadah daripada awal.

Selain itu, Permatang Berangan juga mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk memperbanyakkan latihan kemahiran dan peluang pekerjaan yang boleh digarap sebaik tamat pembelajaran. Sebanyak 603 persatuan NGO yang merangkumi Kelab Belia dan Beliawanis yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Belia atau ROY, di mana 526 daripadanya masih aktif termasuk enam (6) persatuan yang berdaftar di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan atau ROS. Banyak latihan yang boleh dilaksanakan sebagai usaha pemerkasaaan Belia Pulau Pinang melalui PYDC dan PWDC juga. Oleh yang demikian, Permatang Berangan bersetuju sekiranya latihan ini dilakukan secara berterusan dengan mensasarkan golongan pelajar yang kurang berjaya dalam akademik....(gangguan).

### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan, Permatang Berangan. Berkenaan dengan isu dadah tadi soalnya dibataskan untuk dua (2) sahaja. Tidak boleh, saya pun ingin menyatakan buah fikiran saya tentang perkara yang sama di mana dadah merupakan satu masalah besar khususnya di

kawasan Seberang Perai Utara dan kita nampak kes-kes dadah di Seberang Perai Utara sedang meningkat sejak kebelakangan ini dan saya ingin merujuk kepada satu laporan di *The Malaysian Inside* pada tahun lepas, dia kata "*Butterworth turns into open market for drugs*", *The Malaysian Inside*, 7 Ogos 2019 dan semua tempat yang dinyatakan dalam laporan tersebut Kampung Perlis, Hujung Batu, Chain Ferry, Taman Mewah. Semuanya di kawasan saya dan saya nampak kes ini semakin meningkat dan nombor, angka penagih pun semakin meningkat.

So kita nampak walaupun tadi masa EXCO menjawab soalan dia menyatakan pelbagai program di kawasan Guar Perahu. Kita tak nampak program-program sedemikian dijalankan di kawasan-kawasan kami, di mana menjadi *hotspot* yang betul-betul panas sampai *last month* ada tangkapan dadah RM100,000 di satu kampung kecil. So kita minta Kerajaan Negeri melalui AADK juga memperkembangkan program-program seumpama yang dijalankan di kawasan YB. EXCO ke kawasan-kawasan kami juga di Butterworth, di Permatang Berangan dan di lain-lain kawasan yang terkesan dengan masalah penagihan dadah ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Terima kasih Yang Berhormat Bagan, saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Bagan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Bagan Dalam. Bagan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

*Sorry*. Minta maaf. Yang Berhormat Bagan Dalam untuk membanteras gejala penyalahgunaan dadah dan saya yakin tindakan yang diambil oleh pihak PDRM, AADK dan juga Kerajaan Negeri untuk memastikan kawasan-kawasan *hotspot* itu dapat diperkasakan dapat dilakukan dengan lebih terperinci dan dapat mengesan kawasan-kawasan untuk dibuat tangkapan dan tindakan selanjutnya, terima kasih.

Dan seterusnya saya ingin membuat penggulungan di mana sebelum mengundurkan diri, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada YB. Dato' Speaker yang dapat mengendalikan persidangan dengan baik dan juga ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Speaker dan FAP kerana telah memenangi Liga Premier, *sorry* kalau saya tak pandai sangat bab-bab bola sepak ni tapi tahniah untuk pasukan Bola Sepak Pulau Pinang.

Saya juga dari Permatang Berangan ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri termasuk anggota sokongan, pasukan keselamatan, pemimpin tempatan, petugas barisan hadapan, pekerja pembersihan dan khususnya warga penduduk Permatang Berangan yang telah bertungkus lumus bersama-sama Pusat Khidmat ADUN Permatang Berangan bagi membantu kumpulan-kumpulan yang terkesan dalam usaha memerangi COVID-19. Harapan Permatang Berangan adalah pencapaian matlamat kearah peningkatan ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan pasca PKP ini.

*(petikan doa)* "*Selepas kita berusaha, maka bertawakal lah kepada Allah mudah-mudahan kita mendapat perlindungan daripada-Nya, InsyaAllah*".

Semoga kita semua dapat melawan COVID-19 dan dapat memastikan kita semua selamat. Oleh yang demikian, Permatang Berangan menyokong semua usaha yang dirancang oleh Kerajaan Negeri demi kebaikan dan manfaat rakyat. Sekian, terima kasih.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Berangan, Yang Berhormat KOMTAR. Sila.

### **Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Salam sejahtera dan salam harapan. Pertama kali saya ingin mewakili rakyat Negeri Pulau Pinang khususnya penduduk di KADUN KOMTAR mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang walaupun Kerajaan Negeri mempunyai bajet yang jauh lebih kecil berbanding dengan Kerajaan Pusat, namun sudi melancarkan 3 pakej bantuan rakyat berjumlah RM155.5 juta untuk membantu rakyat dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan supaya bangkit semula daripada penularan wabak COVID-19. Kerajaan Negeri juga mengagihkan pelitup muka secara percuma kepada warga negeri melalui Pusat Khidmat Wakil Rakyat, tidak mengira kerajaan ataupun pembangkang. Kita juga sentiasa memastikan para petugas barisan hadapan, *front liner* mendapat peralatan perlindungan diri, PPE yang cukup untuk memerangi wabak ini.

Tema Belanjawan Tahun 2021, "Transformasi Pemulihan dan Ketahanan Ekonomi Ke Arah Dimensi Baharu Terbilang" adalah tepat sekali. Tahun 2020 memang satu tahun yang penuh dengan cabaran maka kita memerlukan satu bajet yang dapat membantu rakyat bangkit semula. Kerajaan tidak patut takut untuk membentangkan belanjawan yang defisit pada masa yang genting ini. Kerajaan patut menggunakan sumber atau *reserved* dengan cermat untuk membantu merangsangkan semula ekonomi. Agensi-agensi Kerajaan patut *keep start* projek-projek infra yang dirancangan selain dapat menyuntikkan dana ke pasaran dan selepas projek siap ianya akan memberi manfaat kepada rakyat Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, wabak COVID-19 telah teruk menjejaskan kehidupan rakyat. Banyak perniagaan dan syarikat terpaksa mengecilkan skala operasi mereka dan hakikatnya terdapat pekerja yang hilang sumber pendapatan mereka serta ada banyak pengusaha SME yang berada di ambang muflis. Pada masa yang sama Bank Negara juga telah menyangka bahawa Ekonomi Negara kita akan mengalami perkembangan negatif. Walaupun Kerajaan Negeri sudah menyalurkan bantuan kepada golongan yang paling memerlukan bantuan tersebut, namun tidak dapat dinafikan bahawa banyak orang terutamanya dari golongan B40 dan perniagaan kecil masih mengalami masalah kewangan.

Selepas memerhati reaksi masyarakat terhadap pengumuman oleh EXCO KT bahawa Kerajaan Negeri masih belum ada keputusan tentang *rebate* cukai pintu bagi tahun 2021. Saya ingin mencadangkan Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk memberi *rebate* cukai pintu tahun 2021 kerana banyak perniagaan terjejas, perniagaan telah ditamatkan, kedai sudah kosong, tiada penyewa baharu dan industri perhotelan adalah paling terjejas, dengan *rebate* ini akan bantu rakyat kurangkan beban dan bangkit semula.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Pusat Transformasi Bandar (UTC) pertama di Pulau Pinang telah siap dan memulakan operasi pada 17 Ogos 2020. Terima kasih saya ucapkan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang sanggup membelanjakan RM15 juta untuk kerja-kerja naik taraf bagi menjayakan projek ini. Sejak UTC beroperasi ianya merupakan satu suntikan baru kepada Bangunan KOMTAR, terutamanya di fasa dua Bangunan KOMTAR yang mana unit-unit dibiarkan kosong selama ini telah mula dibuka semula. Hasrat saya agar semua unit boleh dibuka perniagaan semula seperti dahulu iaitu semasa kegemilangan KOMTAR pada tahun 80an dan 90an. Orang ramai yang datang berurusan di KOMTAR semakin hari semakin bertambah di samping perkhidmatan yang baik ditawarkan oleh agensi, ianya dapat dilihat di Klinik Kesihatan iaitu pegawai bersikap mesra dan cepat serta pesakit tidak perlu menunggu lama berbanding dengan klinik-klinik lain, tetapi ada juga agensi yang masih belum memberi perkhidmatan 100% oleh sebab sistem mereka masih dalam *upgrading*. Contohnya LHDN, banyak lagi perkhidmatan tidak dapat dijalankan di kaunter UTC. Saya berharap pemasalahan ini dapat diselesaikan pada masa yang terdekat.

Dato' Yang di-Pertua, saya mendapat banyak permintaan daripada orang ramai yang berharap UTC di KOMTAR menawarkan perkhidmatan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Buat masa ini pejabat SSM hanya berada di Seberang Jaya. Warga negeri terpaksa merentasi jambatan ke Seberang Jaya untuk berurusan dengan SSM atau perlu tunggu kaunter litar

yang dibuka di Bayan Baru. Sebagai makluman, kaunter SSM di Bayan Baru hanya dibuka seminggu sekali iaitu pada hari Khamis. Jika hari Khamis itu cuti umum maka warga negeri perlu tunggu minggu berikutnya.

Justeru pembukaan kaunter SSM di UTC KOMTAR bukan sahaja dapat menyenangkan rakyat Pulau Pinang malah ianya juga dapat meringankan beban kerja di Ibu Pejabat SSM Seberang Jaya. Mengikut statistik SSM pada tahun 2019 Pulau Pinang mempunyai 47,028 syarikat baru dan 362,600 perniagaan baru berdaftar. Kini mempunyai 1,344,906 syarikat dan 7,674,385 perniagaan yang masih aktif di Pulau Pinang. Oleh demikian, negeri kita memerlukan penyediaan dan susunan kaunter SSM yang lebih sempurna, dan berkesan kepada warga Pulau Pinang.

Satu lagi, agensi yang orang ramai inginkan, ianya beroperasi di UTC KOMTAR adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Boleh dikatakan kesemua penerima bantuan JKM, adalah orang yang kurang berkemampuan. KOMTAR merupakan satu lokasi yang strategik, untuk mereka datang berurusan dengan pegawai JKM. Dengan adanya Terminal Bas di KOMTAR, ianya lagi memudahkan mereka untuk ke KOMTAR membuat urusan JKM, berbanding mereka pergi Kompleks Masyarakat Penyayang. Saya sangat berharap cadangan saya boleh dipertimbangkan oleh agensi yang berkaitan.

Di samping itu, KOMTAR memohon agar PDC boleh menawarkan *package* sewa yang menarik, bagi menarik minat peniaga-peniaga baru untuk menyewa unit-unit yang dimiliki oleh PDC. Usaha ini dilakukan, supaya unit tersebut tidak dibiarkan kosong. KOMTAR yakin dengan UTC yang telah beroperasi, ianya akan menarik lebih ramai orang datang mengunjungi KOMTAR, baik melakukan sebarang urusan mahupun beli belah. Saya juga berharap agar PDC boleh *upgrade* bangunan KOMTAR kepada kelajuan internet 5G, bahkan status 5G untuk menarik penyewa-penyewa baru.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, KOMTAR Walk merupakan satu usaha sama PDC dengan syarikat swasta, untuk *Project Rejuvenate* KOMTAR pada tahun 2009. Tetapi, oleh sebab projek ini tidak berjaya dan kes mahkamah antara PDC dengan syarikat swasta tersebut, telah berlangsung beberapa tahun. Ianya menyebabkan tempat ini terbiar, dan menjadi tempat tinggal gelandangan. PDC terpaksa membelanjakan wang yang lebih untuk melantik kontraktor bagi membersihkan dan menjaga kawasan tersebut.

Saya sangat berharap agar PDC, boleh membangunkan semula KOMTAR Walk pada masa yang terdekat. Tempat ini sesuai dibangunkan sebagai satu *gateway* ke KOMTAR khususnya UTC KOMTAR dan The TOP KOMTAR.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Jejantas Sotong atau lebih dikenali oleh *Octopus Pedestrian Bridge* oleh warga Negeri Pulau Pinang. Selepas kerja-kerja menaik taraf pada tahun 2018, sudah lebih ramai pengguna menggunakan jejantas tersebut untuk memudahkan mereka merentasi Jalan Penang, Jalan Burma dan Jalan Dr. Lim Chwee Leong. Terdapat kerosakan yang sentiasa berlaku di *escalator*, dan juga lif mungkin disebabkan oleh *vandalism*.

Saya pernah mencadangkan MBPP untuk membenarkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) kawasan tersebut, untuk menguruskan jejantas ini. MPKK boleh menawarkan lot perniagaan di atas jejantas, dan membenarkan penghibur jalanan mencari rezeki di atas jejantas ini. Ini akan menarik lebih ramai orang menggunakan jejantas, pada masa yang sama peniaga-peniaga ini akan menjadi mata dan telinga MBPP, dan dapat mengurangkan masalah *vandalism*.

Usaha baik ini adalah selaras dengan hasrat agenda Penang2030, *Community Empowerment*. Selain itu, idea mantan Ketua Menteri Pulau Pinang Yang Berhormat Air Putih, juga boleh dikaji semula iaitu jejantas sotong dikomersialkan sebagai kawasan santai, minum kopi. Berdasarkan pengalaman beliau ketika mengunjungi Hanoi, Vietnam, kebanyakan lokasi-lokasi tinggi seperti jejantas dikomersialkan sebagai kawasan santai. Minum kopi, sambil menikmati pemandangan lalu lintas dan kawasan sekitar. MBPP boleh melihat kepada cadangan pelaksanaan seperti sebegini, untuk diaplikasikan di Jejantas Sotong.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya menyambut baik tentang pengumuman Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dalam ucapan bajet bahawa Kerajaan Negeri kini meletakkan sasaran baharu iaitu menyediakan 220,000 unit rumah mampu milik menjelang tahun 2030, berbanding dengan sasaran 180,000 unit yang terkandung dalam Visi Penang 2030, dan mengurangkan 10% harga *ceiling maximum* rumah mampu milik. Tetapi apa yang lebih penting adalah agensi Kerajaan patut memantau lebih ketat terhadap projek yang telah diluluskan kerana satu Projek Perumahan Mampu Milik di kawasan KOMTAR, banyak pembeli mengadu tentang kualiti unit yang telah dibina, lewat penyerahan kunci, pengurusan yang tinggi, dan banyak masalah lagi.

Projek ini sepatutnya mendapat satu kredit yang besar kepada Kerajaan Negeri, tetapi malangnya kami terima banyak kritikan dan ketidakpuashatian daripada pembeli rumah. Aduan yang dibuat selama setahun, masih tidak diselesaikan. Saya berharap EXCO Perumahan boleh membantu menyelesaikan isu-isu yang dibangkit oleh pembeli-pembeli, supaya dapat mengembalikan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan Negeri.

Satu lagi isu perumahan di negeri kita adalah, '*Mismatch*' antara *demand and supply... (dengan izin)*. Ada senarai menunggu pemohon yang panjang di bahagian Pulau kursusnya Daerah Timur Laut. Tapi ada unit lebihan di bahagian Seberang yang tidak ada pembeli. Bahagian Perumahan perlu merancang satu kaedah yang menyeluruh untuk mengatasi masalah ini.

Saya juga berharap pemohon-pemohon, jangan terlalu memilih lokasi sampai sanggup menolak penawaran lebih daripada lima (5) kali. Kita perlu faham, memang susah untuk mendapat tanah bagi membangunkan perumahan mampu milik khususnya di kawasan George Town.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, beberapa minggu yang lepas tempat tinggal saya telah mengalami bekalan air terputus. Tapi bukan masalah PBA. Beberapa jam akibat masalah teknikal pengurusan. Walaupun hanya beberapa jam, masalah bekalan air terputus dalam kehidupan seharian sememangnya mengganggu dan menyusahkan urusan kehidupan seharian. Apabila air, bekalan air terputus maka saya tidak dapat mandi, tidak dapat memasak dan tidak dapat melakukan perkara yang perlu menggunakan air termasuk ke bilik air.

Justeru, saya ingin berterima kasih kepada Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang yang bertungkus lumus untuk memastikan tiada catuan air di Negeri Pulau Pinang selama ini. Mereka telah membuat persiapan yang secukupnya, untuk memastikan Pulau Pinang tidak akan terputus bekalan air. Namun demikian, pencemaran sungai sumber air mentah di Selangor telah menunjukkan betapa serius akibat daripada pencemaran air sungai.

Oleh itu, saya ingin bercadang kepada Kerajaan Negeri untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah, supaya mewujudkan sekurang-kurangnya 30 meter zon penampungan, *buffer zone* di 2 belah tebing Sungai Muda serta melarang sebarang kerja perindustrian di tepi zon penampungan. Cadangan ini diwujudkan untuk memberi perhatian, kerana masalah pembekalan air dan pencemaran air yang berlaku di Selangor pada September tahun ini, dan sebelum itu memberi kesan dan amaran kepada kita. Kita seharusnya membuat langkah-langkah yang lebih kukuh dan cekap untuk menjaga kualiti pembekalan air kita.

Sejak tahun 2008, PBAPP telah membuat satu zon penampungan dikedua-dua tebing tersusun Sungai Muda yang menyalurkan air dari sungai tersebut ke Pusat Rawatan Air, di Sungai Dua. Tetapi jika pencemaran berlaku di hulu sungai tersebut, semua usaha kita akan sia-sia sahaja. Tapak pembuangan sampah haram telah dijumpai di tebing Sungai Muda, pada bulan Julai 2019 dan sekali lagi pada Februari 2020.

Mujurnya tiada pencemaran air berlaku pada kedua-dua kali tersebut. Ianya merupakan tanda bahawa satu pelan perlu disediakan untuk dijalankan sebelum pencemaran berlaku. Satu pindaan telah dilaksanakan pada tahun 2014, yang meningkatkan dendaan minimum terhadap sesiapa yang mencemarkan sumber air kita iaitu "Penjara sekurang-kurangnya 5 tahun hingga 30 tahun".

Namun ianya tidak dapat banyak kesan untuk mencegah kes pencemaran sungai. Oleh itu, selain daripada meningkatkan tahap dendaan, kita perlu meningkatkan juga rondaan di tebing sungai kita, pada masa yang sama menggunakan teknologi seperti menggunakan *drone* atau kamera litar tertutup bagi menangkap pihak tidak bertanggungjawab, yang membuang sisa bahaya ke dalam ataupun di tebing sungai kita.

Pada masa yang sama, saya juga berharap Kerajaan Negeri untuk mendesak Kerajaan Pusat bagi melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak, (SPRWTS) secepat mungkin. PBAPP menjangka bahawa Pulau Pinang akan mengalami kekurangan air mentah pada tahun 2025.

Situasi ini telah dikenal pasti sejak tahun 2009 lagi, dan SPRWTS telah dicadangkan sebagai langkah penyelesaian untuk mengatasi masalah tersebut. Walaupun pelan tersebut disokong oleh Kerajaan Persekutuan, dan mereka bersetuju untuk memikul tanggungjawab bagi skim sumber air mentah untuk Pulau Pinang. Namun sehingga kini, ianya masih belum dilaksanakan.

Dalam setengah tahun penularan wabak COVID-19 berlaku, kita boleh nampak tahap kerjasama yang baik di antara Kerajaan Negeri dan Agensi Persekutuan, terutamanya KKM, PDRM dan Majlis Keselamatan Negara. Walaupun kerajaan dipimpin oleh parti yang bersama, berlainan bukan bersama. Yang berlainan, kita masih juga boleh bekerjasama dengan baik demi keselamatan dan kepentingan rakyat.

Ketua Pembangkang tidak pernah *absent* dalam Majlis Khas Keselamatan Negeri (**Ahli Dewan menepuk meja**) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Oleh itu, saya berharap dalam isu ini kita juga boleh menunjukkan sikap *professionalisme* yang sama untuk menyelesaikan masalah air tersebut.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniady):**

Minta laluan. Air, tentang Sungai Muda. Saya nak tanya pandangan KOMTAR sahaja. Memang Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dapat bekerjasama. Bagaimana pula dengan Kerajaan Kedah. Mereka sudah buka konsesi untuk balak, dikatakan kalau tidak buka konsesi akan dapat, akan disaman lebih RM1 bilion yang dinafikan oleh Mantan Menteri Besar Kedah juga. Apakah pandangan ini, akan memberi kesan langsung kepada Pulau Pinang di mana sumber air kita akan berkurangan jika kawasan tadahan air itu.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, ulasan terhadap negeri lain anda tidak seharusnya minta komen.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniady):**

Saya minta pandangan. Tak faham Dato' Speaker, ulasan tentang Negeri Kedah.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

*And*, Yang Berhormat KOMTAR, pun tak dapat menjawab.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniady):**

Kita minta pandangan.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Mungkin saya jadi Menteri, boleh jawab la. Terima kasih Bagan Dalam. Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai isu pemuliharaan kawasan tadahan air. Terutamanya di kawasan sekeliling empangan dan sungai yang membekalkan air kepada warga Negeri Pulau Pinang.

Populasi rakyat Pulau Pinang sedang berkembang pesat, dan ianya akan meningkat keperluan penggunaan air setiap tahun. Oleh sebab itu, kita perlu memastikan semua lokasi yang boleh membekalkan sumber air, dijaga dengan rapi. Kawasan hutan di sekeliling ketiga-tiga empangan negeri kita, perlu disenarai sebagai hutan terlindung dan sebarang



pembangunan atau aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan bukit berdekatan perlulah dikawal dengan rapi.

Pada masa yang sama kita juga perlu meningkatkan kesedaran pemuliharaan air kepada warga Negeri Pulau Pinang memandangkan negeri kita mencatatkan penggunaan air paling tinggi liter air perkapita berbanding dengan negeri lain. Saya berharap Kerajaan Negeri boleh mengkaji isu-isu yang saya bangkitkan hari ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta laluan YB. Ahli Kawasan KOMTAR, saya hendak beri sedikit pandangan sebab sebelum ini waktu saya bertanggungjawab soal pertanian, isu air ini juga melibatkan kawasan pertanian. Sebenarnya ada dalam rancangan dan juga kajian yang dibuat oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pusat Persekutuan sebelum ini yang saya telah lihat sendiri *paper* itu cuma saya tidak sempat bentangkan pada YB. Zairil Khir Johari daripada Tanjung Bunga sebelum ini sebab saya kena pecat. Dalam laporan itu ada sebut tentang the *untapped waters* yang ada di sempadan Kedah, Pulau Pinang sebahagiannya di kawasan Kulim dan di kawasan-kawasan ini dan di kawasan ini kalau dilaksanakan projek mitigasi banjir air-air ini akan dapat disalurkan untuk masuk ke sungai-sungai yang melalui di Negeri Pulau Pinang.

Jadi mungkin ada baiknya tetapi saya tidak pasti di mana kajian itu sekarang berada diperingkat mana tetapi saya harap pihak Kerajaan Negeri mungkin boleh melihat satu penyelesaian yang lebih konstruktif tentang perkara ini selain daripada hanya membincangkan sama ada hendak gazet hutan simpan atau tidak sebab itu kuasa Kerajaan Negeri Kedah. Dulu waktu kita sama pun mereka hendak beri juga konsesi itu, sama juga *approach* nya mungkin bermula daripada Pulau Pinang kita berikan idea dan pendekatan yang baru melalui jabatan seperti JPS untuk disalurkan maklumat ini dan Kerajaan Negeri mungkin boleh *champion* mengenai perkara ini supaya dapat menjaga kepentingan air di Negeri Pulau Pinang dan masa yang sama dapat membantu menyelesaikan masalah-masalah banjir yang kita hadapi di kawasan Seberang Perai dan juga di kawasan selatan Negeri Kedah.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya, cadangan atau pandangan nanti EXCO akan jawab tetapi saya kena ingatkan sekali lagi YB. Seberang Jaya bukan dipecat tetapi letak jawatan EXCO. YB. Dato' Yang di-Pertua, isu penggondolan bukit bukanlah satu isu yang baru di Negeri Pulau Pinang walau pun *task force* ditubuhkan untuk memantau aktiviti penggondolan tetapi masalah ini masih tidak dapat dikawal dengan sempurna.

Pada Mac 2020, MBPP telah mendapati bahawa terdapat aktiviti haram di puncak-puncak bukit setinggi 350 meter di Pulau Pinang dengan alasan penanaman pokok durian. Pemilik tanah tidak mempedulikan perintah berhenti kerja yang dikeluarkan oleh PBT sehingga kini sebanyak 16 hektar tanah atau sekitar 15 padang bola telah dibersihkan di puncak. Untuk memastikan masalah ini tidak berulang lagi, *task force* perlu lebih giat dilaksanakan di samping pemantauan yang rapi. Saya juga menyokong penuh kepada pengumuman EXCO Infrastruktur dan Pengangkutan pada 13 Ogos 2020 mengenai pindaan ke atas undang-undang kecil menkompaun kesalahan-kesalahan di bawah Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Akta 133 yang diwartakan 2 Julai 2020 memperuntukan kompaun maksimum sehingga RM250,000.00 bagi setiap kesalahan jika ingkar. Undang-undang Kecil (UUK) yang baharu digubal ini bertujuan untuk menguatkuasakan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) yang melibatkan 3 Seksyen di bawah Akta 133 iaitu Seksyen 70(a), 71 dan 121.

Saya berharap dengan adanya penggabalan UUK ini, Pihak Berkuasa Tempatan akan mengambil tindakan yang tegas ke atas pemilik-pemilik tanah yang tidak mengikut peraturan semasa menggondolkan bukit bagi pembangunan mahupun pertanian demi mengeratkan bukit kita ditarah sewenang-wenangnya.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, aduan terhadap burung gagak dan burung merpati merupakan masalah kepada rakyat di George Town terutamanya di beberapa lokasi di kawasan KOMTAR selain daripada najis burung mengotorkan kawasan sekitar ianya juga boleh membawa penyakit berjangkit kepada manusia. Doktor perubatan veterinar daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Azahar Kassim berkata najis merpati yang kering akan ditumbuhi kulat serta menghasilkan debu yang terapung jika terdapat pergerakan udara. Beliau berkata debu itu kemudiannya akan masuk ke dalam sistem pernafasan dan seterusnya menjangkiti seseorang manusia, kebiasaan mereka yang mempunyai daya imuniti rendah serta mempunyai penyakit asma atau alergic lebih berisiko untuk dijangkiti.

Di Negara Thailand Kerajaan memperketatkan peraturan melarang amalan memberi makanan kepada burung merpati ekoran kebimbangan tinggi berhubung masalah kesihatan dan populasi burung itu yang membiak dengan pantas. Mereka yang melanggar peraturan itu boleh dikenakan denda 25,000 bath kira-kira RM3,125.00 atau lebih buruk lagi menjalani hukuman penjara 3 bulan. Selain itu, Singapore mempunyai Akta Binatang Liar dan Burung, *Wild Animal and Bird Act* yang mencegah masalah tersebut. Kerajaan Singapore telah membuat pindaan Akta tersebut pada 25 Mac 2020 yang mana orang memberi makanan kepada burung merpati akan dikenakan denda sebanyak 500 Singapore Dollar kira-kira RM1500.00. Jadi saya mencadangkan agar PBT perlu menggubal undang-undang kecil untuk bertujuan mencegah masalah memberi makanan kepada burung atau burung merpati di tempat awam.

Kami memerlukan UUK ini demi menjaga tahap kesihatan rakyat kebersihan Pulau Pinang dan juga keindahan Pulau Pinang. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, sebelum mengakhiri perbahasan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh anggota barisan hadapan yang memikul tugas serta tanggungjawab tanpa mengira masa dan penat demi membendung penularan wabak COVID-19.

Selain itu saya turut menghargai usaha warga Negeri Pulau Pinang yang sentiasa bersedia dan sudi bekerjasama dengan Kerajaan dalam memastikan patuhi SOP bagi mencegah COVID-19 terutamanya pada masa yang genting ini. Walaupun kini kes COVID-19 di Pulau Pinang meningkat mendadak tetapi ianya masih dalam keadaan yang terkawal. Namun saya ingin mengingatkan semua bahawa kita perlu mematuhi SOP setiap masa termasuk dalam sidang DUN. Pematuhan SOP telah banyak membantu kerajaan dalam usaha membendung COVID-19 dan akan terus memastikan Pulau Pinang kembali zon hijau. Sebelum ini kita telah membuktikan bahawa dengan usaha warga negeri kita mempunyai kemampuan untuk merekodkan kes sifar COVID-19 di Negeri Pulau Pinang.

Marilah kita sekali lagi bersama-sama berganding bahu untuk melindungi negeri kita. Akhir kata, saya menyeru kepada semua untuk berjuang supaya kita boleh mencapai Visi Penang2030. Dengan ini saya mohon menyokong.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri :**

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan KOMTAR, seterusnya dipersilakan YB. Ahli Kawasan Bayan Lepas, sila.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

*Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah (Bacaan doa).*

Duduk bersidang di Dewan ini,

Lama sungguh tidak bersua,

COVID-19 cabaran terkini,

Namun amanah teguh digalas jua.

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, salam sejahtera dan Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh kepada rakan-rakan ADUN Kerajaan, rakan-rakan ADUN pembangkang yang pada hari ini menjalankan amanah membela rakyat seterusnya untuk

negeri dan negara tercinta bersama mengharungi cabaran pandemik COVID-19. Tahniah diucapkan kepada Kerajaan Negeri yang sedang bertungkus-lumus menghadapi ancaman COVID-19 dan merencanakan pelbagai aktiviti. Program dan sumbangan bagi membantu rakyat yang terkesan akibat daripada pandemik ini, namun demikian kita masih lagi belum bebas dengan ancaman yang besar ini. Ayuh marilah kita bersama memerangi ancaman COVID-19 ini.

Dato' Speaker, di kesempatan ini saya akan cuba meringkaskan perbincangan kita bagi memberikan peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk mempunyai masa yang cukup untuk berbahas. Dato' Speaker, saya ucapkan jutaan terima kasih dan syabas di kala Kerajaan Negeri menghadapi kekangan ekonomi dan ditambah pula dengan serangan COVID-19 Kerajaan Negeri masih mampu merencanakan belanjawan yang disifatkan belanjawan rakyat walaupun ianya belanjawan defisit namun dilihat tiada unsur-unsur yang membebankan rakyat kecuali cukai taksiran yang saya lihat ianya perlu kembali kepada kadar asal iaitu kadar yang digunakan pada tahun 2018 dan sebelumnya.

Dato' Speaker, Kawasan Bayan Lepas menyambut baik dan bersyukur dengan peruntukan yang diberikan kepada institusi Agama Islam sebanyak RM64.61 juta bagi tujuan pembangunan. Namun saya mohon penjelasan daripada YAB. Ketua Menteri apabila telah dimaklumkan oleh Ketua Pembangkang semalam bahawa RM64.61 juta ini bukanlah jumlah keseluruhan pembangunan tetapi termasuk sekali dengan belanja pengurusan. Apa yang saya faham bagi tujuan pembangunan baik pulih dan penyelenggaraan infrastruktur, agama apatah lagi cadangan binaan baharu menaik taraf masjid di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri juga mengambil berat perihal institusi Pendidikan Islam secara menyeluruh daripada sekolah pondok kepada sekolah tradisional sehingga ke sekolah-sekolah yang dikendalikan secara formal di samping janji untuk meneruskan bantuan kepada sekolah-sekolah agama rakyat di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri telah meningkatkan peruntukan kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) sebanyak RM7.52 juta iaitu RM11.09 juta pada tahun 2020 dan akan berganjak ke angka RM18.61 juta bagi tahun 2021. Saya menaruhkan harapan pada Pengarah JHEAIPP yang baharu dilantik agar dapat melaksanakan amanah yang tinggi untuk kesejahteraan umat Islam di Pulau Mutiara.

Dato' Speaker, Bayan Lepas amat teruja dengan pengumuman oleh YAB. Ketua Menteri bahawa pembinaan klinik kesihatan Bayan Lepas jenis K2 iaitu untuk purata khidmat pesakit 500 ke 800 orang sehari iaitu klinik kesihatan yang agak besar untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk di DUN Bayan Lepas dan disekitarnya. Setelah sekian lama saya berulang-ulang di dalam DUN ini menyuarakan harapan rakyat di DUN Bayan Lepas, terima kasih kepada mantan Menteri Kesihatan YB. Dato' Dr. Zulkifli dan juga YB. EXCO, YB. Zairil Khir Bin Johari yang telah berusaha untuk menjayakan klinik yang baharu ini.

Dato' Speaker, satu lagi kemudahan awam yang tidak kunjung tiba yang sehingga kini masih kelihatan hanya hutan belantara adalah Pasar Awam Teluk Kumbar. Dalam pertanyaan saya pada sidang DUN yang lepas secara bertulis mahu pun lisan telah dimaklumkan bahawa ianya masih di dalam proses tender, jawapan terbaharu yang telah saya terima melalui jawapan bertulis, sekali lagi ia akan diteruskan dan akan ditender sekali lagi pada November 2020 dan tiada niat Kerajaan Negeri ataupun MBPP untuk *kill* atau membatalkan projek tersebut. Saya amat berharap agar urusan Kerajaan Negeri dan pihak Datuk Bandar supaya seiring. Sebarang percubaan untuk RFP atau Request For Proposal adalah langkah terkebelakang yang akan memakan masa yang panjang dan juga peningkatan kos yang tidak perlu dan melepaskan tanggungjawab kos kepada pihak yang ketiga. Sepatutnya projek ini diteruskan seperti yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perancangan Pemajuan MBPP bertarikh pada 2 Julai 2019 di mana mesyuarat tersebut telah memuktamadkan reka bentuk pasar dan memutuskan pelaksanaan projek ini diteruskan. Saya menyeru agar Dato' Bandar dan pihak yang bertanggungjawab di dalam MPP agar menghormati keputusan yang telah dibuat sebelum ini kerana ianya adalah penanda aras atau KPI MPP itu sendiri di pihak PBT apatah lagi projek rakyat ini menjadi keutamaan penduduk

dan peniaga di Teluk Kumbar di samping mengharapkan ianya mencukupi lain-lain kemudahan.

Pada hari ini telah lebih empat (4) tahun daripada tarikh pengumuman pemenang pertandingan reka bentuk Pasar Awam Teluk Kumbar iaitu pada 12 Julai tahun 2016. Jika RFP dibuat adakah kita bersedia untuk menanti dan melalui proses yang sama dengan jangka masa yang panjang sehingga empat (4) tahun dan lebih. Betul, kelewatannya adalah bersangkut paut dengan kos. Saya harapkan agar Pandemik COVID-19 ini juga tidak dijadikan alasan untuk pembinaan tersebut, untuk pembinaan tersebut ditangguhkan kerana dengan adanya pasar ini juga akan memberikan pulangan balik kepada ekonomi negeri dan juga bertepatan dengan fokus Belanjawan 2021 yang mana strateginya yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menggalakkan pelaburan dan meningkatkan produktiviti pemacu pertumbuhan ekonomi iaitu strategi yang pertama. Strategi yang kedua membangunkan infrastruktur dan komuniti digital ke arah ketahanan yang mampan. Strategi yang ketiga memperkukuh dan mensejahterakan kualiti hidup rakyat. Dan strategi yang keempat memperkasakan peranan dan bakat modal insan. Saya bersama Ahli Majlis dan juga Ahli Parlimen Balik Pulau menyokong pembinaan pasar awam ini agar mohon Kerajaan Negeri memantau perkembangan projek ini agar dapat dilaksanakan dengan segera tanpa tangguh lagi demi manfaat rakyat dan memelihara kepercayaan rakyat sejak tahun 2008.

Dato' Speaker, kepadatan penduduk di Bayan Lepas kian bertambah. Namun jaringan lalu lintas dan juga komunikasi amat lemah di beberapa tempat. Percaya atau tidak ada kawasan yang tiada langsung talian telefon selular dan ada yang amat lemah seperti di kawasan perumahan Mutiara Perdana, belakang Kompleks Tabung Haji, Bukit Belah dan di laluan Gertak Sanggul, sekitar Tanjung Asam. Isu yang dibangkitkan bukanlah soal 4G ataupun 5G, tetapi hanya untuk panggilan keluar masuk pun mengalami masalah.

Masalah jalan raya pula sememangnya rungutan yang tidak pernah habis bagi pengguna di laluan lampu isyarat Sungai Batu untuk pergi dan balik kerja, sering tersangkut. Permohonan naik taraf telah dibuat untuk jajaran tersebut dan sedang menanti kelulusan bajet di Persekutuan. Di persimpangan tersebut telah disediakan CCTV bagi membuat pemantauan. Saya tidak nampak penyelesaian di persimpangan tersebut melalui kawalan automatik kerana amat sukar untuk ditentu masa kan. Saya mengharapkan agar ada unit trafik sama ada daripada PDRM ataupun MBPP bertugas di tengah persimpangan dan bukan di tepi jalan untuk mengawal sepenuhnya di waktu kemuncak sekitar 6.30 pagi hingga 8.00 pagi, juga di waktu petang 5.30 petang hingga 8.00 malam.

Dato' Speaker, saya menyambut baik Bayan Lepas LRT dan penyediaan bas *feeder* bagi servis perantaraan Gertak Sanggul, Teluk Kumbar ke Stesen LRT di Bayan Lepas. Namun perlu diingatkan juga laluan sesak berkenaan juga disebabkan ianya ialah laluan utama ke Balik Pulau. Dan penyediaan bas *feeder* ini perlu dibuat secara menyeluruh. Buat masa ini juga penduduk terutama pelajar sekolah mengalami masalah penjadualan khidmat Bas Rapid. Saya berharap agar khidmat Bas Rapid ini dibuat pemantauan selalu agar ianya mengikut jadual dan juga melalui laluan yang telah ditetapkan.

Dato' Speaker, isu yang tidak terlepas dari pandangan saya adalah isu pembangunan Pusat Pendidikan Al-Itqan di Teluk Kumbar yang bernilai RM15 juta seperti yang telah diwar-warkan pada tahun 2017. Dan kelulusan Kebenaran Merancang dan pelan bangunan telah diluluskan pada 15 Mei tahun 2017 di tanah Lot No. 347 dan 348. Amat mengecewakan sekali janji yang telah dibuat oleh pemaju bersangkutan dengan Kerajaan Negeri ketika itu masih tidak dilaksanakan dan menyebabkan Pusat Pendidikan Al-Itqan menanggung kos penyewaan di tempat lain tanpa ada apa-apa pemajuan sehingga kini.

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah menerima kunjungan Ahli Lembaga Pengarah Pengurusan Al-Itqan baru-baru ini dan *Insyallah* saya mengharapkan Yang Amat Berhormat menjadi permudah cara agar masalah ini diselesaikan demi pendidikan anak bangsa kita di Pulau Mutiara.

Dato' Speaker, keputusan Kerajaan Negeri untuk meneruskan projek PTMP dan PSR bagi menjana ekonomi negeri dan juga persediaan untuk kita masa akan datang adalah suatu pandangan yang jauh yang boleh memberikan kekayaan sumber tanah dan aset negeri serta kelestarian Pulau Pinang. Bagi manfaat kepada nelayan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan *task force* nelayan yang mana saya adalah salah seorang anggota *task force* yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri. Pelbagai cadangan telah difikirkan, diterima dan dirancang untuk memastikan pembelaan pada golongan nelayan yang juga kita angkat mereka sebagai penyumbang dan makanan segar yang merancakkan ekonomi negeri kita.

Antara perkara yang telah dibincangkan bagi menjaga kepentingan para nelayan adalah cadangan mewujudkan sebuah koperasi yang mereka boleh memanfaatkan untuk tambahan pendapatan mereka. Pulau buatan ataupun PSR ini akan dibuat sebanyak 4500 ekar itu adalah amat bernilai tinggi. Daripada nilai hartanah semasa di sekitar Batu Maung dan Teluk Kumbar, nilai tanah yang berada di pasaran ketika ini sekitar RM100 satu (1) kaki. Jika satu (1) ekar berjumlah 43,560 kaki persegi, secara purata nilai tanah di Teluk Kumbar ataupun di Batu Maung bernilai RM4.5 juta buat masa sekarang. Tujuan saya mengira adalah untuk memberikan gambaran bahawa dana atau modal berbayar pada koperasi yang bakal ditubuhkan, saya mencadangkan agar jumlah minima adalah RM20 juta bagi koperasi ini nanti dapat berdaya tahan dan bersedia untuk merancang bagi menjana pendapatan sendiri sebagai modal perniagaan setelah ditolak dengan kos pengurusan yang sudah tentunya ianya liabiliti yang ditanggung setiap bulan.

Penceburan koperasi ini diharapkan dapat diperluaskan bukan sahaja di sektor perikanan laut malah meliputi sektor di daratan dan mungkin juga sedikit sebanyak projek anugerah Kerajaan Negeri yang memerlukan jumlah modal koperasi yang menyakinkan kepada pelanggan mereka. Di samping itu, saya amat mengalu-alukan lain-lain skim bantuan dan latihan yang telah dan sedang dirancangkan termasuklah skim perumahan mudah untuk golongan yang terjejas. Apa pun diharapkan perbincangan nasib nelayan haruslah selesai secara bersama dengan mereka yang terlibat secara langsung agar disebalik perbincangan tersebut akan lahir keberkatan, Insha Allah.

Dato' Speaker, menyentuh peranan pegawai penyelaras KADUN, terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pelantikan seramai tiga (3) orang penyelaras KADUN daripada Parti Amanah bagi DUN Permatang Berangan, DUN Penaga dan juga DUN Sungai Dua. Saya telah ditemui oleh pegawai-pegawai KADUN tersebut mohon agar Kerajaan Negeri mempertimbangkan peruntukan yang secukupnya untuk mereka bergerak di sana kerana pengalaman saya selama tiga (3) tahun sebagai pegawai penyelaras KADUN Bayan Lepas, peruntukan yang ada ketika itu amatlah sangat-sangat sukar untuk melaksanakan program atau pemajuan di kawasan pegawai penyelaras KADUN tersebut.

Dato' Speaker, sekalung tahniah kepada EXCO Perumahan yang bertungkus lumus dalam penyediaan Rumah Mampu Milik terutama atas usaha untuk menjayakan Skim Perumahan *Rent To Own* yang akan mendatangkan manfaat yang besar pada mereka yang kurang kemampuan buat ketika ini. Saya juga ingin mencadangkan dan mengalu-alukan pada Kerajaan Negeri untuk pembangunan rumah rakyat di tanah Kerajaan seluas lima (5) ekar di Lot 244 Jalan Gertak Sanggul. Sesungguhnya di Daerah Barat Daya terutamanya di Bayan Lepas amat memerlukan Rumah Mampu Milik khasnya untuk Bumiputra yang berada dalam senarai menunggu yang lama.

Dato' Speaker, dalam soalan bertulis saya telah dijawab mengenai bantuan rumah baharu dan juga bantuan untuk membaiki rumah. Saya amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri melalui EXCO yang sedang meneliti kadar pembinaan, kadar baik pulih rumah baharu yang sekarang ini bernilai RM15,000 dan *InshaAllah* kepada nilai RM42,000. Dan juga bagi program penyediaan tapak daripada 3000 hingga ke 6000. Dan dalam masa yang sama saya mohon Kerajaan Negeri agar mempertimbangkan kadar bantuan untuk rumah baharu yang sekarang ini bernilai RM42,000, kita naikkan kepada RM60,000 mengikut keadaan semasa

kerana rungutan yang sering saya terima adalah ketidakcukupan nilai RM40,000 itu untuk membina rumah terutamanya di Barat Daya.

Dato' Speaker, saya mohon agensi Kerajaan terutama PBT sentiasalah memberi kerjasama kepada ADUN-ADUN Kawasan dan sentiasa positif dengan apa yang kami cuba laksanakan yang terbaik kerana kami juga adalah wakil kepada rakyat, sentiasa dekat pemasalahan rakyat dalam mengurus masyarakat dan kepelbagaian. Budi bicara amatlah perlu dan sebarang masalah sudah tentu di bahu wakil rakyat. Pimpinan tertinggi MBPP, pengarah-pengarah atau mana-mana agensi Kerajaan mohonlah jawab panggilan telefon dan *respond* lah dan balas lah mesej dan surat yang kita hantar ke PBT dan juga EXCO-EXCO kerana khidmat kita, khidmat anda dan nasihat anda amatlah kami perlukan. Sebagai *good governance* kita berada dalam Kerajaan Negeri yang terbaik dan kita mahu menyampaikan khidmat yang terbaik bersama kita bangun negeri kita ini, supaya negeri kita yang tercinta ini dapat maju jaya, *Insyallah* kerajaan yang ada ini lah kerajaan, rakyat yang berkhidmat untuk rakyat.

Dato' Speaker, saya sendiri pernah meluahkan perasaan saya kepada Dato' Speaker yang mana panggilan telefon yang YB.-YB. buat tidak dilayan sebaiknya oleh seseorang yang boleh bantu kami di lapangan untuk menyelesaikan pemasalahan. Jadi saya mohonlah dalam Dewan Yang Mulia ini supaya sama-sama lah mendengar pandangan daripada ADUN-ADUN terutama yang melibatkan penguatkuasaan dan sebagainya supaya suara kami ini menjadi pembela kepada rakyat. *Insyallah* seperti yang telah dimaklumkan oleh YB. EXCO tadi di mana penguatkuasaan mereka akan melihat keperluan ganggu jalan atau tidak dan sebagainya, bagi saya kita di lapangan, kita sebagai YB. Kawasan apabila penguatkuasaan dibuat sudah tentulah bila dapat notis kompaun dibuat, sudah tentulah ADUN-ADUN ini akan menjadi sasaran ataupun tempat untuk mereka mengadu. Dan mohonlah pertimbangan surat-surat daripada kami ini dipertimbangkan kerana kami, *Insyallah* akan melihat juga keperluan sama ada mereka ini wajar kita bantu ataupun kita teruskan dengan tindakan undang-undang, kompaun dan sebagainya.

Dato' Speaker dalam kesempatan ini juga, saya ingin mencadangkan agar peniaga-peniaga *burger*, *burger* inilah satu makanan yang popular di Malaysia dan juga di Negeri Pulau Pinang agar mereka ini diberikan lesen penjaja sementara. Kita mengharapkan mereka ini dapat diberikan peluang untuk mencari rezeki yang sah di samping mendatangkan hasil kepada PBT.

Dato' Speaker...(gangguan).

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tengah dengar.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Tak, kertas hilang pula Dato' Speaker.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya kena *respond*, nanti Yang Berhormat kata tak *respond*.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Okey. Sebagai penutup bicara saya pada hari ini, marilah kita bersama-sama berganding bahu, berganding tangan bersama dengan Kerajaan Negeri tak kiralah daripada pembangkang atau sebagainya. Marilah kita sama-sama menentang, memerangi COVID-19 ini. Moga-moga negeri kita ini dapat menewaskan COVID-19 ini. *Insyallah*. Jadi, sebagai penutup bicara saya pada hari ini. Ada sebuah pantun lagi Dato' Speaker.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

“Dari Bukit Larut ke Bukit Bendera,  
Jambatan kedua merentas lautan,  
Pakatan Harapan wadah mulia,  
*InsyaAllah* Putrajaya dalam dakapan”

Saya mohon menyokong dan saya mohon maaf tak leh cakap panjang sebab ganggu sikit *face mask*. Sekian, *wabillahitaufiq walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wa barakatuh*.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima Kasih. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Lepas. Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita perlu rehat untuk makan tengahari dan saya tangguhkan Dewan dan kita bersidang semula jam 2.30pm nanti.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari.***

***Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Dewan bersambung dengan sesi perbahasan. Dipersilakan Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Sebelum saya mula saya hendak mohon, boleh kita buka mask?

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ikut arahan yang dikeluarkan oleh Dewan tidak boleh buka.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya akurlah sebab Timbalan Yang di-Pertua pun doktor.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Kamu pun seorang doktor juga.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tetapi susah hendak cakap.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Satees A/L Muniandy):**

Sokong Seberang Jaya. Buka.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. *Assalamualaikum Warohmatullahi Wabarakatuh*, Salam Sejahtera. Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ketua Menteri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli

Dewan yang dikasihi, ketua-ketua jabatan dan kerajaan. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan setinggi kesyukuran terhadap ilahi atas izinnya yang mengizinkan kita untuk berada di sini dan bersama-sama dalam Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Persidangan DUN Pulau Pinang untuk kali ke-14.

Timbalan Dato' Yang di-Pertua tahun 2020 banyak cabarannya. Bekerja kuat kita siang dan malam, dulu menjawab, sekarang bertanya, sekarang saya berbahas, duduk dengar diam-diam. Saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan Bagi Tahun 2021. Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di atas pembentangan Belanjawan 2021 Negeri Pulau Pinang.

Julung kalinya saya ingin menzahirkan juga ucapan penghargaan kepada seluruh barisan petugas hadapan di seluruh Negeri Pulau Pinang yang telah bekerja keras dengan penuh komited integriti tanpa mengira penat lelah dalam perang kita melawan pandemik COVID-19.

Saya juga ingin berterima kasih kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang yang kekal bersatu hati, tabah dan bekerja kuat dalam mendepani cabaran ekonomi dan cabaran pandemik COVID-19 pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Timbalan Yang di-Pertua, selaku wakil rakyat yang dipilih secara demokratik di Seberang Jaya saya komited untuk meneruskan khidmat dan menumpukan segala fokus bagi membela nasib rakyat Negeri Pulau Pinang walaupun kini bergelar sebagai seorang Ahli Pembangkang. Selagi hayat di kandung badan, selama itu saya akan bertahan. Selagi ada bulan dan bintang selama itu saya akan terus berjuang.

Saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana sudi menyebut di dalam ucapan belanjawan beliau akan dua (2) projek rakyat yang masih lagi dalam proses pelaksanaan di kawasan saya di Seberang Jaya. Projek-projek ini yang telah saya ilhamkan dan usahakan semenjak beberapa tahun lalu iaitu projek pembangunan semula Kompleks Pasar Awam dan Pusat Penjaja Seberang Jaya, pembangunan bercampur dan komersil serta menaiktaraf Kompleks Makanan Lengkok Tenggara Seberang Jaya. Harapan saya projek ini akan benar-benar dapat dilaksana dengan segera dan dibangunkan dengan sempurna agar limpahan manfaat yang diharapkan akan dapat memberi manfaat kepada penjaja, peniaga dan rakyat di Seberang Jaya dan Permatang Pauh.

Sukacita juga saya untuk memaklumkan kepada Dewan, hasil kerja kita dahulu dan terima kasih saya rakamkan kepada Yang Berhormat Air Putih walaupun dia tak ada di sini yang telah meluluskan peruntukan untuk pembangunan semula stadium mini Permatang Rawa yang mana merupakan padang bola sepak sintetik yang pertama seumpamanya di Seberang Perai kini telah siap dan telah digunakan untuk perlawanan bola sepak. Oleh itu, saya harap selepas ini saya akan aturkan satu perlawanan persahabatan dan menjemput semua Ahli Dewan ini untuk turun padang dan kita beradu lawan bola sepak atas padang sintetik yang baru ini.

Untuk terus memenuhi aspirasi menjadikan Seberang Jaya sebagai sebuah bandar yang lestari dan lokasi pilihan untuk tinggal dan membina keluarga, saya berharap Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan sewajarnya untuk membangunkan semula Kompleks Kolam Renang Seberang Jaya yang dalam keadaan uzur dan daif. Saya faham satu RFP telah dipanggil untuk tujuan ini namun kita juga sedia maklum ini adalah RFP kali yang kedua seumpamanya dibuat. Saya berharap sekiranya RFP ini nanti tidak mendapat penender yang berjaya Kerajaan Negeri harus mengambil jalan membelanjakan dana dan membangunkan semula kompleks ini dengan sendiri. Selain itu beberapa lokasi di kawasan saya berdepan dengan isu tapak penjaja tanpa lesen seperti yang telah saya bangkitkan pada pagi tadi iaitu di Taman Sutera Prima dan Taman Pauh Indah. Dan saya berharap Yang Berhormat Datok Keramat dan MBSP terutamanya dapat membantu saya



untuk membina satu kompleks penjaja yang kondusif dan selamat untuk para peniaga dan pengunjung ke kawasan ini. Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya. Saya amat tertarik kepada apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Seberang Jaya tadi nampaknya Kerajaan Negeri masih adil walaupun Yang Berhormat sekarang berada di barisan pembangkang juga memajukan Seberang Jaya. Bolehkah Yang Berhormat Seberang Jaya kata kepada cakap kepada Kerajaan Persekutuan supaya tidak membatalkan program-program yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan Pakatan Harapan dulu? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Okey terima kasih Yang Berhormat Pulau Tikus. Pertama saya bukan Ahli Parlimen, kedua saya bukan Senator, ketiga saya bukan Timbalan Menteri atau Menteri tapi saya bolehlah telefon Perdana Menteri untuk cakap. Cuma sebab Presiden saya, jadi saya boleh cakap tapi pada saya dalam politik baru yang saya faham adalah apa perkara yang baik kita harus *acknowledge the credit is you and with you*, jadi sebab itu usaha-usaha yang telah saya mulakan ini saya pun bukan pembangkang sejak tujuh tahun lepas saya baru pembangkang tujuh (7) bulan saja.

Jadi sebahagian besar perancangan ini telah dibuat dan alhamdulillah saya cuba mengharapakan ianya dapat diteruskan untuk dilaksanakan di kawasan Seberang Jaya. *Insyallah*.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan cogan kata saya adalah maju bersama. Maju Bersama ini adalah tema yang mengangkat faham kemakmuran bersama tiada siapa yang harus tertinggal dan terpinggir. Ketua Menteri di dalam ucapan beliau mengatakan Pulau Pinang adalah negeri termaju, punya kewangan yang kukuh dan pada awal ucapan Belanjawan 2021 beliau memberi jaminan untuk memberikan tumpuan membantu rakyat dalam mendepani cabaran getir ekonomi.

Rakyat hari ini berhadapan dengan pelbagai masalah perniagaan mula terjejas, perkhidmatan tergendala dan cabaran pengangguran di negeri ini mencatatkan peningkatan iaitu daripada 2.1% pada suku tahun pertama 2020 kepada 4.4% pada suku tahun kedua iaitu peningkatan sebanyak 2.3%. Susulan *trend* pemberhentian pekerja dalam beberapa sektor ekonomi seperti sektor perkhidmatan pelancongan dan perindustrian. Ini semua adalah *the unintended consequences* yang terpaksa kita hadapi akibat pandemik COVID-19. Namun begitu, saya sedikit terkilan dan terkejut melihat kepada Belanjawan 2021 ini kerana saya tidak dapat melihat benar-benar program atau usaha untuk menjawab permasalahan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan *minor able* yang terjejas akibat pandemik wabak COVID-19.

Melihat kepada perbandingan belanjawan pada tahun sebelumnya yang menekan kepada agenda kemakmuran bersama, belanjawan tahun 2021 di lihat tidak melibatkan golongan mereka yang benar-benar terkesan dari segi pendapatan dan pekerjaan mereka secara keseluruhan. Saya tidak langsung melihat sebarang inisiatif baru terutamanya diumumkan oleh Kerajaan Negeri dalam sektor pertanian kesihatan untuk keluarga B40 dan program-program baru untuk menjana usaha *risk killing* dan *reemployment* untuk membantu mereka yang hilang pekerjaan akibat COVID-19.

Yang di-Pertua Dewan, saya juga ingin menjawab beberapa dakwaan dan tuduhan mengatakan Kerajaan Perikatan Nasional di Persekutuan menganaktirikan Negeri Pulau Pinang dengan menanggungkan beberapa projek yang telah diluluskan sebelum ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan, Kerajaan Persekutuan Perikatan Nasional di bawah kepimpinan Tan Sri Muhyiddin Yasin adalah sebuah kerajaan yang prihatin, peduli kepada rakyat dan faham akan keperluan rakyat dalam berdepan cabaran pandemik COVID-19. Tidak pernah sekali pun Perikatan Nasional ingin meminggirkan mana-mana rakyat baik di negeri ini

mahupun di hujung Pulau Bangi di Sabah sana. Keutamaan Kerajaan Perikatan Nasional adalah *to protect the life and lifely hoods of the citizens admit the COVID-19 pandemic*.

Untuk itu sukacita saya merekodkan dalam dewan ini khusus untuk Negeri Pulau Pinang sahaja melalui Skim Prihatin dan PENJANA yang diperkenalkan Kerajaan Perikatan Nasional rekod daripada agensi laksana lebih 2.95 bilion telah dimanfaatkan untuk membantu lebih daripada 600,000 warga Negeri Pulau Pinang. Skim Prihatin dan PENJANA ini disediakan melalui pelbagai program yang berteraskan prinsip bantuan kepada rakyat, bantuan dan penajaan perniagaan pemerksaan rakyat dan mencerdaskan semula ekonomi negeri. Skim ini adalah bukti komitmen Kerajaan Perikatan Nasional yang memilih untuk meneruskan agenda kemakmuran bersama lebih-lebih lagi di saat rakyat berdepan dengan kepayahan akibat pandemik COVID-19. Sebab itu saya ingin menyeru Ahli Dewan bukalah hati, janganlah kita marah kalau satu dua projek besar ditangguhkan kerana yang diperlukan rakyat di luar sana bukan kereta kabel yang diperlukan rakyat di luar sana adalah macam mana saya hendak makan malam nanti. Macam mana saya hendak cari pendapatan hendak bawa balik ke rumah. Macam mana saya hendak meneruskan perniagaan saya. Macam mana saya hendak membela anak-anak saya yang perlu ke sekolah. Jadi sebab itu, beberapa projek yang telah ditarik balik ini kita harus ambil pendekatan yang terbuka kita kena olah cara dia *this is the new normal*. Kita kena dengar dulu keperluan yang perlu kita selesaikan iaitu keperluan setiap individu dan keluarga dan rakyat yang berhadapan dengan sengsara COVID-19 ini.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Terima kasih Yang Berhormat Seberang Jaya. Saya amat tertarik apa yang dikatakan lagi sekali terutamanya bahawa Pulau Pinang tidak dianaktirikan dan dilupakan. Saya hendak mintalah kalau benar apa Yang Berhormat cakap tadi, pastikan Pulau Pinang sentiasa akan dijemput ke semua mesyuarat penting COVID-19 di Putrajaya. Boleh tak?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya soal hendak jemput mesyuarat tidak jemput mesyuarat ini saya ingat itu Yang Amat Berhormat Ketua Menteri boleh berurusan dengan pihak Kerajaan Persekutuan. Ada banyak mesyuarat pun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri hadir. Saya ingat kerajaan yang ada hari ini lebih terbuka. Satu perkara yang saya belajar daripada 22 bulan pemerintahan Pakatan Harapan sebelum ini adalah kita berjaya ketika itu untuk membuka agensi-agensi ini supaya lebih terbuka dan kita boleh berbincang dengan lebih terbuka sebab sekarang ini saya ingat yang lebih utama adalah *to communicate better* jadi sebab itu saya hargai pandangan Yang Berhormat Pulau Tikus saya sokong, memang Yang Amat Berhormat Ketua Menteri harus dilibatkan dalam semua mesyuarat penting bukan hanya soal COVID bahkan soal pembangunan, soal kewangan kerana kalau kita rujuk kepada ucapan belanjawan pada tahun ini kita tahu Negeri Pulau Pinang sekarang berhadapan dengan masalah dari segi aliran tunai dari segi jumlah dananya.

Sebab itu kita perlukan kerjasama yang lebih baik dengan Kerajaan Persekutuan dan saya juga nanti akan mencadangkan dalam ucapan saya ini ada beberapa langkah yang untuk pertimbangan Kerajaan Negeri bagi melibatkan kami juga daripada barisan pembangkang ini untuk turut bersama dalam usaha kita berhadapan dengan COVID-19 ini sebab kita tahu COVID ini adalah perang kita melawan satu virus yang kita tidak nampak. Ini adalah peperangan. *We should take the spirit* yang sebelum ini dibuat di United Kingdom ketika diwujudkan *war cabinet* untuk berhadapan dengan *world war II opposition dan government work together* habis saja perang dunia kedua lawan balik dengan pilihanraya, Winston Churchill kalah. Itu pernah berlaku dalam sejarah sebab itu saya komited bahawa kalau kita ada avenue ada platform yang boleh melibatkan semua pemikiran boleh melihatkan semua pihak saya alu-alukan dan saya menyokong pandangan Yang Berhormat Pulau Tikus supaya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga semua wakil-wakil Kerajaan Negeri dilibatkan sama dalam apa juga mesyuarat penting di peringkat Persekutuan. Sila Permatang Pasir.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Terima kasih Seberang Jaya. Berkenaan dengan cadangan untuk kita menyatu berhadapan dengan COVID kenapa perkara tersebut tidak difikirkan ketika mana Langkah Sheraton dilakukan pada Februari yang lalu sehingga jatuhnya kerajaan mandat rakyat sedangkan ketika itu COVID baru bermula, sepatutnya semua pihak semua ahli politik memikirkan kepentingan rakyat kepentingan negara tanpa melakukan apa-apa tindakan luar batas demokrasi dalam merampas mandat rakyat dan sekarang kita berbicara tentang penyatuan dan sebagainya cuma soalan saya kepada ADUN Seberang Jaya, adakah *skim of things* menjadi asas kepada pembentukan kerajaan Perikatan Nasional di Putrajaya yang melantik mereka ahli-ahli politik yang begitu ramai di kalangan kabinet mencecah lebih 70 orang sehingga kan tidak ada fungsi yang kita lihat di kalangan rakyat contohnya Kementerian Kesihatan dan seorang Menteri dan dua Timbalan Menteri.

Minggu lepas baru saya sedar ada dua Timbalan Menteri Kesihatan jadi adakah *skim of things* ini memberikan manfaat kepada rakyat seperti mana ADUN Seberang Jaya sebutkan tadi bahawa kita memperkenalkan *skim of things* pilihan rakyat yang kita nak bagi jaminan kepada kehidupan rakyat, menjaga kehidupan rakyat kononnya rakyat perlu makan dan minum dan sebagainya. Adakah *skim of things* ini soalan saya jelas dan *direct* adakah *skim of things* ini adalah satu skim untuk membantu kehidupan rakyat dalam berhadapan dengan COVID-19 ini?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir saya sebenarnya nak bincang hari ini punya cerita tapi Yang Berhormat Permatang Pasir bawa bulan Mac Langkah Sheraton. Semalam ada langkah, semalam ada langkah? Le Meridien saya ingat Yang Berhormat Permatang Pasir pun *deep inside you know the answer*, yang bergaduh...(gangguan) bagi saya cakap. Yang bermasalah bukan saya dan Permatang Pasir, masalah itu Parlimen lain...(gangguan), tetapi walau pun dalam tempoh benda yang dah berlaku Sheraton sampai sekarang kita dapat lihat fungsi Kerajaan Persekutuan sekarang berjalan dengan lebih baik...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Baik, Menteri tak kuanratin diri, macam-macam kes...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

*My floor, let me speak*, ada kelemahan, 22 bulan dulu pun banyak kelemahan tapi kelemahan yang berlaku sekarang hari ini kita bising esok terus kita buat perubahan hari ini kita bising, hari ni kita tegur esok berlaku perubahan, *responsive* saya tak mau main sentimen ini Yang Berhormat...(gangguan). Bila ada pertuduhan menyatakan Kerajaan Perikatan Nasional tak bantu rakyat laporan laksana RM2.59 billion disalurkan kepada rakyat negeri Pulau Pinang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Kewangan datang dari sumber Kerajaan, kerajaan datang dari peruntukan rakyat...(gangguan), itu tanggungjawab kerajaan untuk memberi apa saja bantuan kepada rakyat, soalan saya *simple* saja adakah *skim of things* ini benar-benar menjaga keperluan rakyat ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Bukti sama ada Perikatan Nasional membantu rakyat, rakyat terima atau tidak keputusannya dah ada, salah satu contoh keputusannya di Sabah rakyat pilih Perikatan Nasional dan Gabungan Rakyat Sabah untuk memerintah rakyat negeri Sabah. Tidak ada masalah kalau rakyat marah, rakyat dah turun ke jalan hari tu, rakyat tak turun ke jalan hari itu, pertama. Yang rakyat nak adalah pada hari ini sebuah kerajaan yang benar-benar nak laksanakan program untuk rakyat sebab itu fungsi saya di sini bukan untuk cerita Sheraton,

bukan untuk cerita Le Meridien bagi saya peluang untuk berbahas, untuk saya cerita yang kita boleh buat di Pulau Pinang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Soalan saya *simple*....belum jawab lagi Yang Berhormat Timbalan Speaker, sama ada *skim of things* itu adalah satu skim yang membela rakyat.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Keperluan untuk buat perkara itu, waktu itu adalah demi membela rakyat dan juga negara demi masa depan anak bangsa, sebab itu perlu ada berlaku perkara itu pada ketika itu....(gangguan)

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya dah jawab, boleh saya teruskan perbahasan saya?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

No, saya nak bagitahu satu saja...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Kita boleh cakap lepas ini kita berdebat sampai tahun depan pun masih tak selesai....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Saya nak tambah satu saja, masa Menteri Ekonomi yang perlu jaga ekonomi yang sedang buat langkah Sheraton, Menteri Kewangan Air Putih sedang buat kerja di pejabatnya di Putrajaya untuk skim bantuan COVID-19 ..(gangguan)

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat Air Putih, Menteri Kewangan kawan saya...(gangguan). Yang Berhormat...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Diminta Yang Berhormat Bagan Dalam duduk.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ini bukan kawan atau tidak kawan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat kawan saya, saya tahu mereka berdua secara peribadi, saya tahu apa yang mereka buat, saya tahu apa yang berlaku saya tak da masalah dengan mereka berdua, *this is not about him, or* Air putih ini adalah masalah yang lebih besar Yang Berhormat Bagan Dalam pun tahu, tak kan kita nak bincang di sini sampai esok tak selesai.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):**

Minta laluan, terima kasih kepada kawan saya Seberang Jaya, saya turut serta dalam sesi perbahasan daripada Seberang Jaya dan saya melihat rakan-rakan di kalangan kita dari PH yang turut serta yang mengambil bahagian. Cuma apabila dibangkitkan atas apa yang berlaku peralihan kuasa di peringkat pusat sebenarnya saya kira rakan-rakan kita di PH ini tidak dapat menerima hakikat bahawa...(gangguan). PH di peringkat Pusat jatuh adalah disebabkan oleh kegilaan kuasa di kalangan pemimpin-pemimpin mereka...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

PAS gila kuasa, tarik balik!!!! ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Tarik balik!!!! Apa kegilaan kuasa tarik balik!!! ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Yang kalah pilihan raya *you* yang rampas kerajaan sekarang *you* cakap *you* yang layak...(gangguan). yang gila kuasa ni yang kalah...(gangguan). Yang kalah lah yang gila kuasa ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Tuan speaker minta tarik balik...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ambil lantikan ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Berjaya macam plantan...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Waktu perbahasan Seberang Jaya, *please continue with your* perbahasan.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bangkit tadi saya faham kekecewaan dan perasaan masing-masing tapi bukan kita yang buat, yang buat itu kita patut soal mereka bukan tanya saya bukan Gombak, *you* pun tahu siapa yang buat ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Boleh seberang jaya jelaskan siapa yang buat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya tak tahu ...(gangguan)

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Yang Berhormat, Yang Berhormat biar Seberang Jaya mengucap perbahasan dia dan Seberang Jaya tolong mengadap saya tak payah mengadap ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Minta maaf Dato' Yang diPertua, saya teruskan saya ingat kita *rest there* saya teruskan perbahasan saya...

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Seberang jaya *just one question* teknikal *question* yang RM2.59 billion tu boleh bagi terperinci sikit, maknanya pertanian dapat berapa, kesihatan berapa, berapa yang RM2.59 billion tu ke Pulau Pinang tu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya akan serahkan pada Yang Berhormat Penanti dalam jawapan tapi Yang Berhormat Penanti boleh rujuk kepada Kerajaan Persekutuan tentang maklumat saya dapat pun dari Kerajaan Persekutuan *it's not a secret* so tapi tak apa, saya akan serahkan...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Seberang Jaya *you* ada lagi 10 minit saja..

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

*Oh no, saya minta tambah sikit...(gangguan).*

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Tak da, saya dah tambah tu, kalau ikut 20 minit kita tambah 4 minit untuk *you*.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Dato Yang diPertua saya mengalu-alukan langkah dan tindakan segera Kerajaan Negeri dalam menghadapi cabaran pasca pandemik COVID-19 dengan menubuhkan Penang Social Economic Recovery Consultative Council atau PSERCC, saya juga maklum keanggotaannya yang di pengaruhi oleh Yang Berhormat Padang Kota dan dianggotai oleh Ahli-ahli, MMK, Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri serta wakil-wakil industri. Ini menyahut seruan Penang lawan COVID-19 sukacita saya mencadangkan agar keanggotaan jawatankuasa PSERCC ini diperluaskan kepada wakil *backbenchers* dan kepada Pihak Pembangkang saya merasakan kami di pihak pembangkang ini juga mampu menjadi jambatan penghubung di antara Kerajaan Negeri dan rakan-rakan kami di peringkat pusat dan agensi pusat agar satu langkah dan pelan mitigasi ekonomi yang lebih holistik dapat dibentuk demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat di negeri Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua saya juga mengamati pembentangan belanjawan pada Isnin yang lepas saya sedikit terkilau kerana tidak ada pengumuman baru dan radikal dalam sektor Kesihatan, Pembangunan Luar Bandar Dan Pertanian sepanjang pengalaman saya melalui 7 Pembentangan Belanjawan sebelum ini portfolio saya ketika itu pasti akan ada menawarkan program dan inisiatif baru diperkenalkan bagi membantu meningkatkan kualiti rakyat di Pulau Pinang baik dalam Sektor Kesihatan, Pertanian Dan Pembangunan Luar Bandar.

Saya ucap terima kasih pada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana meneruskan program yang sedia ada tetapi pada saya ini tidak mencukupi memandangkan kita berdepan dengan cabaran pasca COVID-19 ini. Maka itu saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri agar dapat menaikkan bantuan wang tunai kepada golongan nelayan, petani dan pesawah dengan cadangan RM1,000 setahun. Selain itu juga saya memohon Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan penangguhan tempoh pembayaran balik pinjaman atau moratorium di bawah Tabung Usahawan Tani, semua Skim Pinjaman Mikro Kredit Kerajaan Negeri dan agensi seperti PDC dan pengecualian sewa semua premis perniagaan di bawah seliaan Kerajaan Negeri, MBPP dan MBSP selama setahun atau sehingga selesai sepenuhnya pandemik wabak COVID-19 ini.

Selain itu saya juga menyokong pandangan beberapa ahli dewan lain agar rebat cukai tafsiran bagi tahun 2021 diteruskan bagi mengurangkan bebanan yang ditanggung oleh rakyat pada hari ini. Langkah ini saya rasa amat perlu bagi mencerdaskan semula ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Yang di-Pertua Dewan dengan cadangan-cadangan itu tadi saya memahami tekanan kewangan yang bakal dihadapi Kerajaan Negeri di dalam berhadapan dengan situasi semasa. Kutipan hasil yang berkurangan dan perbelanjaan yang besar untuk rakyat negeri ini. Kita maklum dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah membentangkan belanjawan defisit untuk tahun hadapan dan niat Kerajaan Negeri untuk menggunakan RM403.8 juta daripada baki simpanan terkumpul negeri yang hanya berbaki sebanyak RM1.07 billion pada akhir 2018.

Saya merasakan ini satu trend yang tidak baik sekiranya pandemik COVID-19 dan cabaran ekonomi berpanjangan sehingga tahun 2021 dan 2022. Saya merasakan langkah Kerajaan Negeri untuk menggunakan hampir separuh daripada simpanan terkumpul negeri bagi membiayai defisit yang dicatatkan adalah tidak sihat saya berharap Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan semula langkah ini dengan mengambil pendekatan sedikit berbeza ada baiknya jika Kerajaan Negeri mempertimbangkan untuk mengambil pinjaman dari institusi kewangan mahupun bekerjasama dengan agensi dan Kerajaan Persekutuan untuk

memastikan kewangan negeri stabil kekal kukuh walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi dan COVID-19 ini.

Bagi membiayai projek mega seperti PTMP, PSR juga saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri menawarkan kepada GLC-GLC Persekutuan seperti KWSP, KWAP, PNB dan juga Pelaburan Hartanah Berhad satu pakej yang memberangsangkan untuk mereka terlibat langsung di dalam projek-projek mega Kerajaan Negeri sekali gus meningkatkan pelaburan domestik. Selain itu langkah penjimatan juga harus dicari bagi membolehkan lebih perbelanjaan ini ditanggung mengambil contoh daripada kepimpinan Perdana Menteri Jacinda Adern di New Zealand, mungkin langkah penjimatan ini boleh dimulakan dengan memotong gaji dan elaun anggota eksekutif Kerajaan Negeri bermula dengan Ketua Menteri dan semua ahli MMK.

Seterusnya projek *Penang Project South Reclamation* seperti yang semua tahu adalah projek mega Kerajaan Negeri yang mana saya sendiri telah terlibat secara langsung sebelum ini dalam membina usaha untuk mendapatkan kelulusan EIA dan SIA pada 2019. Saya faham maksud dan tujuan projek mega ini dan saya terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah dalam jawapan bertulis memaklumkan bahawa Jawatankuasa Task Force Nelayan yang saya pergunakan dahulu telah diambil Yang Berhormat Pinang Tunggal.

Di dalam jawapan itu juga saya terima kasih kerana menjadi ianya menjadi *testament* dan menjadi bukti bahawa semua cadangan yang telah saya dan pasukan deraf kan sebelum ini di dalam jawatankuasa itu telah diterima. Ini adalah bukti bahawa setiap pihak nelayan, penduduk dan semua pemegang taruh *stakeholders* telah dilibatkan di dalam proses ini namun saya berharap pihak Kerajaan Negeri dapat memberitahu dalam dewan yang mulia ini secara terperinci berapakah geran nilai *ex-gratia* yang dipertimbangkan dan berapakah dana yang akan disediakan untuk melaksanakan semua program mitigasi termasuk koperasi, latihan projek infrastruktur yang telah dibincangkan.

Yang di-Pertua Dewan. Merujuk kepada jawapan yang bertulis telah disediakan oleh Yang Berhormat Datok Keramat tentang isu perumahan di Pulau Pinang, saya telah menanyakan satu soalan tentang pemilikan rumah di kalangan golongan orang muda di bawah umur 40 tahun di semua projek perumahan kerajaan sama ada kos rendah sederhana rendah dan mampu milik. Saya difahamkan kita dah ada kuota dari segi etnik dan juga kaum dari segi pembahagiannya sudah disusun tetapi apabila saya dibekalkan dengan statistik pemilikan ini, saya melihat ada sedikit deskripsi di dalam jumlah akhir atau berapa ramai sebenarnya yang memiliki rumah.

Yang saya maksudkan di sini adalah kalau kita lihat untuk semua jenis rumah kos rendah kos sederhana rendah dan RMM rumah mampu milik daripada 6,007 rumah yang dimiliki oleh mereka yang berumur 40 tahun ke bawah hanya 649 orang daripada warga etnik India yang memiliki rumah, hanya 1,791 orang daripada warga melayu yang memiliki rumah dan 34 orang yang memiliki rumah dalam projek-projek Kerajaan Negeri selebihnya dimiliki oleh 3,533 orang daripada warga Cina.

Yang saya bangkitkan ini bukan isu kaum tetapi yang saya bangkitkan ini adalah polisi kita yang telah menetapkan kuota tetapi apabila dilihat kepada statistik pemilikan sebenarnya tidak mencerminkan kuota yang ditetapkan. Jadi, saya berharap kepada Yang Berhormat Datok Keramat mungkin wajar untuk kita bincangkan melihat kepada satu *study* kenapa perkara ini berlaku kerana kalau kita lihat dari segi pecahan kaum, 58% rumah-rumah ini dimiliki oleh mereka yang berbangsa Cina, 11% berbangsa India, 30% berbangsa Melayu. Jadi yang saya maksudkan ini adalah kuota yang kita set tetapi *outcome* dia tidak sama macam kuota.

Jadi perkara ini saya ingat kita perlu *study*, kita perlu lihat kenapa perkara ini berlaku, mencari apa masalahnya kerana saya rasa ada masalahnya. Tujuannya adalah bukanlah untuk saya membezakan antara kaum tetapi apabila di set atau ditetapkan supaya jurang di antara kaum itu dapat dirapatkan. Kuota itu mengikut kuota yang telah ditetapkan oleh

Jawatankuasa Kerajaan Negeri saya sendiri pernah masuk dalam jawatankuasa itu tetapi bila kita tengok kepada *actual fact* jumlah yang memiliki rumah itu ianya tidak *translate* kepada jumlah kuota.

Jadi mungkin dari kiraan saya berdasarkan statistik yang diberikan ini, saya lihat ada satu perkara yang mungkin kita boleh lihat dan bincangkan dalam sesi sidang Dewan ini. YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, perkara terakhir yang saya ingin bangkitkan di sini, ada 20 minit lagi?

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

2 minit sahaja lagi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan di sini adalah mengenai usul anti lompat parti. Saya ingin mengambil peluang untuk merekodkan dalam Dewan yang mulia ini tentang kronologi apa yang berlaku kepada saya dan kedudukan beberapa rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini.

Pertamanya, untuk mengatakan saya lompat parti itu adalah tidak betul. Saya setuju dan saya berterima kasih kepada kepimpinan YAB. Ketua Menteri apabila beliau telah memanggil saya untuk saya melepaskan jawatan saya sebagai EXCO, saya bersetuju dengan beliau untuk melepaskan jawatan saya sebagai EXCO Kerajaan Negeri. Sejurus selepas itu saya telah mengumumkan bahawa saya serahkan kedudukan saya kepada parti yang saya wakili pada ketika itu. Tidak pernah sekali saya lompat daripada parti yang telah saya sertai daripada awal sehinggalah sebelum saya dipecat.

Sebulan setengah selepas itu barulah Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk memecat saya keluar daripada kerajaan. Saya tanya juga kepada beberapa rakan-rakan lama saya, kenapa saya kena pecat? saya duduk di rumah PKP dan kebetulan pada masa itu saya baru keluar hospital *accident*. Kemudian saya diberitahu parti lama *you* minta *you* dipecat daripada kerajaan dan saya kata okey. Jadi saya terima, dan saya kata kalau saya dipecat dari kerajaan apa yang akan berlaku kepada saya? Peruntukan saya ditarik, saya dihalau keluar dari pejabat, saya diminta untuk tidak bekerjasama dengan MPKK saya, saya diminta untuk tidak melakukan apa sebarang urusan dengan Kerajaan Negeri, pegawai-pegawai saya semua di minta berhenti dan diberikan notis satu bulan dan ini semua berlaku semasa pandemik COVID-19.

Saya terima kerana saya tahu ini adalah liku-liku perjuangan dalam kehidupan kita sebagai seorang Ahli Politik. Apabila saya terima itu, saya dijemput oleh YAB. Perdana Menteri untuk berjumpa dengan beliau, saya berjumpa dengan beliau, beliau bertanya saya okey kah? Saya kata saya tidak okay, peruntukan sudah tiada, pegawai-pegawai saya sudah dipecat, mereka ini tengah pandemik, mereka hilang pekerjaan.

Jadi YAB. Perdana Menteri kata tidak mengapa *you* boleh bantu kita *InsyAllah* kita akan bantu *you* untuk selesaikan masalah di kawasan kerana rakyat perlukan peruntukan. Saya perlu salurkan peruntukan dan bantuan kepada rakyat, jadi saya hendak menyebut bahawa saya melompat parti adalah tidak betul. Saya betul saya letak jawatan kerana pada saya jawatan yang saya pegang sebagai Ahli Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri itu bukan hak saya, jawatan itu adalah amanah yang dipinjamkan kepada saya untuk saya laksanakan sehabis boleh saya sebab itu kalau Allah kata tujuh tahun, tujuh tahun lah, berhenti di situ maka berhenti di situlah, saya berhenti saya tiada masalah. Saya tidak perlu panggil orang lain pengkhianat. Saya tidak perlu pun panggil orang lain zalim. Ada orang itu sebab semalam nak tubuh kerajaan hari ini dua hari tidak datang Dewan, saya malas hendak sebut.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Peraturan-Peraturan Mesyuarat, sangkaan jahat terhadap seorang Ahli Dewan Undangan Negeri yang lain. Saya minta tarik balik.



**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Boleh saya teruskan? 2 minit.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*You* tidak sebut nama apa pun, so kamu sambung dengan perbahasan kamu.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Okey terima kasih YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tetapi dia merujuk kepada salah seorang Ahli Dewan.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Tetapi dia tidak sebut nama dan tidak sebut kawasan. Tidak apa ini demokrasi, dia tidak sebut siapa-siapa.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya percaya kawan saya daripada DAP juga setuju dengan saya. Haa tengok ramai angguk.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Saya tidak setuju, ya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Oh tidak setuju.

**YB. Timbalan Ketua Menteri II:**

Tidak, tidak setuju. Rekod saya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Tidak, ramai angguk, saya tengok ramai angguk.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*Okay you* sambung please, *one more minute only*, satu minit lagi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Jadi saya hendak sebut di sini untuk mengatakan bahawa kami ini lompat parti adalah tidak betul, untuk mengatakan kami ini tidak menjaga amanah rakyat adalah tidak betul, kita terpaksa berada dalam kedudukan ini.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Yang Berhormat ada di Sheraton hari itulah, *you are at Sheraton the other day, how you said you not there....*(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

*I want to record this to teh Dewan*, supaya rakyat di luar sana tahu, di Pulau Pinang sebelum ini kita ada pasukan yang baik, ada pembangkangnya ada kerajaannya, saya tidak ada masalah dengan YB. Yusoff, dua (2) penggal kita berlawan berbincang, saya pergi program YB. Yusoff, YB. Yusoff datang program saya, dia duduk dalam mesyuarat saya, saya duduk dalam mesyuarat dia, tiada masalah kerana kita menggunakan medan politik ini untuk selesaikan masalah rakyat di bawah.

Kita guna medan politik ini untuk laksanakan amanah kita. Saya pegang jawatan EXCO bukan untuk saya bermegah saya ni pegang jawatan EXCO Kerajaan Negeri, tidak pernah sekali saya sebut begitu. Yang kita buat adalah kita laksanakan tanggungjawab dan kuasa

yang diberikan itu untuk selesaikan masalah rakyat di bawah. *Alhamdulillah* hari ini sebahagian besar program yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 itu program yang kita perkenalkan sebelum ini.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB. Ahli Kawasan Seberang Jaya, 1 minit saja lagi.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya hendak cadangkan kepada Y.A.B. Ketua Menteri untuk tahun ini kita calonkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan untuk dapat gelaran Dato'. Semua sokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*You* cadanglah apa pun saya tidak akan tambah masa, saya tidak akan tambah masa.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Ini *think of thing* seperti Putrajaya juga.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Jadi *moving forward* saya ingat tadi pun saya sudah berikan pandangan saya dalam perbahasan beberapa perkara yang kita boleh buat bersama *because the people need us out there* rakyat di luar sana perlukan kita untuk bekerjasama baik peringkat pembangkang dan juga di peringkat negeri baik di peringkat negeri dan juga di peringkat persekutuan sudah-sudahlah kita bergaduh ini, yang marah sangat ini sebab hilang jawatan saya pun hilang jawatan tidak marah pun.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Seberang Jaya, yang marah ini bukan sebab hilang jawatan sebab mandat rakyat itu dicuri. Rakyat memilih satu parti untuk mewakili mereka menjadi kerajaan. Yang ini....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Bagan Dalam duduk, sekali lagi Seberang Jaya, yang *you* menghadap lagi mereka buat apa?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Yang Berhormat, rakyat pilih Ahli Dewan Undangan Negeri, rakyat pilih Ahli Parlimen....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Mereka tidak pilih Dr. Afif sebagai seorang individu, Dr. Afif calon PKR yang dipilih....(gangguan). Pakatan Harapan yang dipilih....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Lepas itu khianat pula....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya minta semua duduk, saya minta semua duduk....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Panggilah saya pengkhianat 1000 kali pun, rakyat dekat luar sana tengah susah. *You* panggil....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sudah-sudah minta Ahli Kawasan Pulau Tikus, Ahli Kawasan Batu Lanchang, Ahli Kawasan Perai duduk, duduk duduk, semua duduk. Okey Seberang Jaya, *you* ada lagi

setengah minit saja, *you look at me, you* tengok saya dan berbahas. Jangan tengok belakang, jangan tengok tepi. **(YB. Timbalan Yang di-Pertua mematikan semua mikrophone)**

Perai diminta duduk. Okey Ahli Kawasan Seberang Jaya setengah minit, *half minute* lagi ya Ahli Kawasan Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya sebagai seorang Muslim saya diajar oleh ustaz-ustaz, guru-guru saya, sabar, bagi saya bercakap. Kuasa dan juga jawatan ini bukan hak kita dalam sistem demokrasi yang tentukan ini adalah rakyat....(gangguan). Jadi bila rakyat yang tentukan, kan saya sudah cakap prosesnya pilihanraya sudah betul. Saya akui benda yang berlaku itu masalah....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Gulung, tolong gulung

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Gulung?

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*Finish it up*, habiskan .

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Jadi saya beginilah YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri pada saya *to move forward* kita letak tepi perbezaan yang ada ini kita *work together*. Bekerjasama baik di peringkat negeri baik di peringkat persekutuan and *we can be open* tidak ada masalah sebab itulah tujuan kita *we are here to serve the people, we are here* untuk membela nasib rakyat di luar sana. Jadi sebab itu saya harap rakan-rakan Ahli Dewan cukuplah bangkitkan soal usul ini sebab saya pun tahu kalau lepas ini Kerajaan Negeri kata hendak bangkitkan lagi yelah, Kerajaan Negeri bagi alasan kata kerana COVID-19 jadi usul ditarik balik, masa hendak bawa usul tu pun COVID-19 ada tapi kenapa bawa juga.

Jadi saya ingat tidak perlu, tidak ada keperluan itu kerana kami juga di sini ada pengalaman kami juga di sini ada pandangan dan kami di sini juga rasa kami menyumbangkan kepada pembangunan dan usaha Kerajaan Negeri untuk berdepan dengan cabaran COVID-19 ini bagi membela nasib rakyat diluar sana. Jadi sebab itu saya ucap terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

*Last, last*, saya mahu tanya satu soalan.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*No time.*

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya ucap terima kasih kepada YB. Yang Timbalan di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terima kasih kepada Kerajaan Negeri, saya sudah ucapan saya dengan ucapan terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Satu soalan saja, alah YB. Seberang Jaya.

**YB. Timbalan Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih, Seberang Jaya, seterusnya. Okey.

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

YB. Timbalan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam harapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Puan-puan dan Tuan-tuan yang berada di dalam Dewan yang mulia ini. Tadi hangat sikit, sekarang kita *cool* kan. Pertama sekali saya ingin memanjangkan ribuan terima kasih kepada YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk berbahas Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 di dalam Dewan yang mulia ini.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, bantuan COVID-19 terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di atas pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan tiada golongan yang terpinggir dalam setiap inisiatif dan bantuan yang dihulurkan kepada pendudukan negeri ini sepanjang musim penularan COVID-19.

Bantuan ini juga telah banyak membantu mengurangkan beban penduduk termasuk dari segi bantuan kebajikan demi kesejahteraan warga Pulau Pinang. Di sini saya ingin sentuh tentang taska, tadika dan pusat jagaan. Saya ingin menyambut baik inisiatif kerajaan negeri dalam membantu memudahkan proses pemutihan dan pendaftaran taska, tadika dan pusat jagaan di Pulau Pinang untuk mendapatkan perakuan pendaftaran demi keselamatan kanak-kanak dan penghuni. Kerajaan telah menawarkan diskaun sebanyak 90% terhadap tukar guna bangunan kepada semua pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan yang beroperasi sebelum 15 September 2017.

Dengan tempoh permohonan bagi diskaun bermula dari 15 September 2017 hingga 30 Jun 2020 dan saya yakin bahawa dengan kelonggaran sebegini lebih ramai lagi pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan akan tampil ke hadapan untuk mendapatkan sijil pendaftaran bagi menikmati manfaat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Selain daripada diskaun di atas, Kerajaan Negeri juga memberi jaminan melalui jawapan bagi soalan bertulis saya iaitu soalan yang ke-30 di mana ianya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk memberikan beberapa pengecualian kepada 250 taska, tadika dan pusat jagaan yang belum berdaftar tetapi sudah mempunyai rekod permohonan di dalam sistem JKM.

Pelbagai pengecualian ditawarkan termasuklah pengecualian sumbangan tempat letak kereta dan motosikal, penanaman pokok dan sebagainya. Tambahan pula Kerajaan Negeri juga menyatakan sedang menyediakan satu garis panduan bagi memudahkan carakan pengusaha taska, tadika dan pusat jagaan di Pulau Pinang untuk mendapatkan perakuan pendaftaran dari Jabatan Kebajikan Masyarakat. Oleh itu saya ingin menekankan supaya Kerajaan Negeri mempercepatkan ya mempercepatkan penyediaan garis panduan ini yang perlu dipatuhi untuk menjalankan operasi secara sah sebagaimana yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan. Panduan ini adalah selaras dengan visi Penang 2030 bagi inisiatif strategi A3 iaitu memperkukuh sistem penjagaan dan kebajikan di Negeri Pulau Pinang.

Secara kesimpulan, garis panduan atau polisi ada banyak kebaikannya dan saya selalu ditanya-tanya bila rakyat jelata, pengusaha difahamkan ada pengecualian semua ini yang disebutkan oleh saya tadi dan mereka tertanya-tanya, manakah garis panduan itu, mereka ingin tampil ke depan sekarang, mereka tengah tunggu untuk membuat pendaftaran dan mereka ingin menjalankan taska, tadika dan pusat jagaan mereka dengan secara sah tetapi garis panduan itu masih dalam persediaan.

Maka saya berharaplah ia akan mempercepatkan kerana ia memang akan memudahkan dan menjamin keselamatan kanak-kanak dan penghuni. Ini adalah sangat penting dan ini juga senang untuk pelbagai pihak dalam merancang, mengawal dan memantau pelaksanaan penyediaan taska, tadika dan pusat jagaan. Pada masa yang sama, saya juga menyambut baik inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang baru-baru ini telah meluluskan suatu skim bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi pengusaha taska dan ibu bapa dari keluarga golongan B40. Ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke taska yang berdaftar

dan dicaj yuran bulanan kurang dari RM500, maka mereka layak untuk menerima subsidi yuran sebanyak RM50 setiap bulan atau pun RM600 setiap tahun. Bukan ini sahaja malah pengusaha taska yang berdaftar dan mengenakan yuran bulanan kurang dari RM500 juga akan diberi inisiatif secara *one off* iaitu sebanyak RM1000.

Syabas saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri atas usaha ini ke atas taska, tadika dan pusat jagaan di Pulau Pinang. Usaha ini akan memberi impak positif kepada banyak pihak yang terlibat dan merupakan suatu usaha *win-win* kepada mahupun pengusaha ataupun ibu bapa dan kanak-kanak. Ia juga dapat menggalakkan wanita terutama yang telah berkeluarga mereka boleh keluar bekerja dan menyumbang tenaga serta kemahirannya secara produktif dalam usaha meningkatkan ekonomi negara.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh, bangkit tentang isu dari taska, tadika dan pusat jagaan. Sekarang saya ingin menyentuh pusat jagaan ibu bersalin dan anak iaitu...(dengan izin) *confinement centre*. Yang ini, *confinement centre* begitu penting dan kerana ia melibatkan kesihatan dan keselamatan para ibu yang baru bersalin dan bayi mereka. Isu ini memang kian lama dan perlu diselesaikan serta merta sebelum perkara yang tidak diingini berlaku.

Pusat jagaan ibu bersalin dan anak telah didirikan untuk memenuhi keperluan ibu-ibu termasuk yang bekerja memberi sebagai sokongan kritikal selepas melahirkan anak. Kita perlu faham bahawa masyarakat kita sentiasa berubah dan ada pasangan baru yang tidak lagi duduk lagi dengan ibu bapa atau mertua mereka disebabkan tarikan ekonomi Pulau Pinang ada yang telah berhijrah ke negeri ini. Ada pula yang lebih selesa terus tinggal di Pulau Pinang dalam masa pantang supaya dekat dengan suami mereka. Maka perkhidmatan pusat jagaan ibu bersalin dan anak adalah penyelesaiannya.

Walaupun begitu, sehingga hari ini tidak ada garis panduan untuk mendaftar pusat-pusat ini secara rasmi. Siapakah yang akan memastikan kesihatan dan keselamatan ibu dan anak di pusat jagaan tersebut...(gangguan). Okey, dipersilakan.

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Minta laluan Yang Berhormat Sungai Pinang. Okey, terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang menyentuh tentang atas *confinement centre* sebab saya telah sebut tadi sebagai *mother to be*, saya beberapa bulan dulu, saya telah melawat *confinement centre* lebih kurang 10 *confinement centre* saya buat lawatan disebabkan saya perlu mendapatkan sebuah *confinement centre* yang saya akan masuk selepas saya bersalin anak dan biasanya saya tanya soalan begitu. Adakah *confinement centre* ini ada permit? Dan soalan ini ditanya kepada 10 pengusaha tetapi jawapan adalah sama disebabkan Kerajaan Tempatan tidak ada garis panduan, jadi tidak ada permit mereka boleh diperolehi terdapat *confinement center* sudah berbelanja lebih RM10,000 untuk tukar *structure* bangunan mereka dengan memenuhi sesetengah syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan tetapi masih tidak ada permit mereka boleh dapat.

Jadi boleh dikatakan ada kebaikannya *confinement centre* sesiapa sekarang pun boleh pergi *register* dan juga buka satu *confinement centre* untuk buat bisnes tetapi keburukannya adalah mereka memang tidak ada garis panduan. Kedua adalah soalan yang saya tanya selalu jika tidak ada garis panduan jadi, macam mana dengan sebab di *confinement centre* bukan sahaja jaga ibu yang lahir anak tetapi bayi baru dilahirkan iaitu bayi yang sangat-sangat *fragile*. Jadi disana saya tanya kalau ada seorang bayi yang jatuh sakit adakah bilik berasingan akan diadakan dan apakah itu SOP *confinement centre* akan buat tetapi setiap *confinement centre* akan bagi jawapan yang lain disebabkan tidak ada SOP, tidak ada garis panduan.

Jadi di sini bukan sahaja keselamatan dan seperti yang adakah permit Bomba dan sebagainya sudah didapat tetapi juga macam mana seorang pelanggan iaitu rakyat yang perlukan perkhidmatan ini, macam mana mereka boleh pastikan *confinement centre* yang mereka pergi adalah selamat. Kalau tidak ada garis panduan bukan sahaja susahkan orang

buat bisnis tetapi juga susahkan pelanggan iaitu rakyat yang hanya boleh pilih *confinement centre* tidak ada garis panduan iaitu sesiapa pun boleh buat garis panduan sendiri.

Saya juga nak tanya Yang Berhormat Sungai Pinang, adakah Yang Berhormat Sungai Pinang setuju dengan garis panduan seperti macam mana *operate* satu *confinement centre* perlu diadakan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih kepada Yang Berhormat Berapit. Berapit sekarang adalah bakal ibu yang akan *pergi confinement centre* selepas bersalin. Persoalan saya juga iaitu saya telah bangkitkan sebelum itu di dewan yang lepas dan saya memang setuju sebab bila kita katakan tentang kesihatan dan keselamatan ibu-ibu yang terutamanya bayi yang baru lahir, imun sistem mereka itu lemah dan siapakah yang akan pastikan sama ada *confinement centre* ini adalah selamat atau mengikut SOP dan sangat kesal bahawa tiada satu SOP.

Saya berjumpa dengan beberapa pengusaha *confinement centre* mereka sedang membuka *confinement centre* tetapi mereka bila pergi ke jabatan dikatakan mereka nak jalankan perniagaan mereka dengan sah tetapi tiada SOP, tiada garis panduan dan masalah ini telah wujud banyak tahun....(gangguan). Ini bukanlah isu Negeri Pulau Pinang sahaja, seluruh negara...(gangguan)

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Mohon mencelah. Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang. Saya pernah menyuarakan tentang isu *confinement centre* yang mana kita tidak mengetahui SOP penjagaan ibu-ibu bersalin ini dan setelah mendapat keterangan dari pihak Jabatan Kesihatan, saya difahamkan salah satu syarat yang dikenakan adalah mewajibkan penjaga dalam *confinement centre* untuk memiliki sekurang-kurangnya sijil ataupun Diploma Kejururawatan. Mungkin boleh pihak Yang Berhormat merujuk kepada Jabatan Kesihatan untuk SOP tersebut, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Berangan. Kalau tentang pusat jagaan, kita semua faham pusat jagaan taska JKM yang terlibat, tadika JPN yang terlibat, pusat jagaan selalunya di bawah JKM tetapi bila *come to confinement centre* dia terlibat dengan Kesihatan dan juga sebab ia adalah pusat jagaan. Jadi Kesihatan dan juga JKM yang patut terlibat tetapi kedua-dua jabatan ini sekarang masih tidak ada untuk kefahaman saya juga, kalau dulu bila saya melahirkan anak saya, jururawat akan datang untuk *postnatal* untuk perkhidmatan *postnatal*. Tetapi jikalau kamu sekarang pantang, bila waktu pantang di *confinement centre* dia tak akan datang, jururawat tidak akan datang sebab ia adalah *confinement centre* di mana ia kata "Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengarahkan pemberhentian perkhidmatan perawatan *postnatal* oleh anggota jururawat kesihatan awam KKM kerana isu keselamatan pesakit dan perundangan *medicolegal*".

Maka, sekarang pusat jagaan ibu bersalin dan bayi macam tak ada orang yang jaga. Kalau untuk Pihak Berkuasa Tempatan, ia cuma akan melibatkan ia akan melihat tentang isu premis itu, bangunan itu. Bagaimana dengan kesihatan dan keselamatan, kesihatan anak kita dan ibu. Untuk satu kisah, saya ingin ada satu *sharing* bahawa ada 10 ibu datang jumpa saya bahawa ada masalah yang dihadapi semasa di *confinement centre*. 10 bayi itu telah dijangkit bakteria apa tu penyakit *infection*. Maka yang ini siapa yang ambil tahu....(gangguan). Okey dipersilakan.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Minta pencerahan. YB. Timbalan Yang di-Pertua. Tentang pusat jagaan ibu bersalin ini saya ingat Yang Berhormat Sungai Pinang telah membangkitkan sejak sidang pertama bukan *last* sidang bererti sidang kalau tak silap sudah masuk yang ke lima sebab dan mengikut jawapan yang diberi oleh pihak Kerajaan Negeri pada April yang lalu di Pulau Pinang di MBPP

iaitu bahagian Pulau terdapat 42 pusat jagaan yang tidak berlesen, yang berlesen 0 dan di Seberang Perai yang berlesen 9, yang tidak berlesen 2. Tetapi apa yang selalu dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Pinang ialah walaupun MBSP memberi lesen kepada premis pusat jagaan tetapi tidak melibatkan ulasan daripada Pejabat Kesihatan atau Kementerian Kesihatan. MBSP hanya lihat dari segi kelulusan dari segi tukar guna dan juga mendapat kelulusan plan bangunan kalau melibatkan pindaan tetapi di MBPP masih lagi memerlukan mereka masih lagi memerlukan input daripada Pejabat Kesihatan atau Kementerian Kesihatan. Oleh demikian, sehingga kini MBPP masih lagi tiada garis panduan dan dalam perkara ini saya dengan Yang Berhormat Sungai Pinang banyak kali membangkitkan dalam MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga dan walau bagaimanapun, perkara ini melibatkan EXCO yang berlainan atau kedua-dua PBT.

Oleh itu saya berharap pihak yang bertanggungjawab untuk menggariskan garis panduan ini perlu dengan segera menyelesaikan masalah ini. Dan garis panduan yang tersedia oleh MBSP pada tahun 2015 boleh dijadikan sebagai panduan dan dipinda dan diperbaiki untuk mengadakan satu garis panduan yang menyeluruh bagi kedua-dua PBT. Sekian.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Sungai Pinang, saya tambah sedikit.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey, dipersila.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Kerana apabila kata ada ibu dan anak-anak, orang akan kata, eh! ini bukannya ada di bawah portfolio Pembangunan Wanita Dan Kanak-Kanak? Tetapi *local government* bukan saya jaga, kesihatan bukan saya jaga dan lagi satu apa, bomba pun bukan saya jaga. Tetapi saya memang ambil berat tentang isu ini. Apabila Kementerian Kesihatan adalah di bawah Menteri PH, saya pernah ke Putrajaya bincang dengan beliau. Dan beliau kata akan *look into it* tetapi selepas itu sudah tukar kerajaan. Dan saya pun tak tau kerajaan ini dia sangat sibuk, dia sangat sibuk, tak tau lawan COVID ke atau nak buat apa lain, ya. Kerana ini semua sudah banyak tahun. Yang PH jadi kerajaan 22 bulan saja sebelum itu, dia pun tak ambil kepentingan. Jadi saya rasa, yang Pejabat Kesihatan di sini kata, mereka mesti dapat pandangan di pusat. Di Pusat pula, saya tidak tau sama ada mereka ada satu pendirian ataupun mereka ada ambil berat atau tidak. Jadi sehingga sekaranglah ia tak dapat bergerak. Jadi saya mintalah yang sekarang ADUN di sana sudah tambah bilangan. Bolehkah minta kerajaan kamu di Pusat, supaya lihatlah, bolehkah ambil perhatian untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Kerana Kesihatan pun dia mesti dapat pandangan di Pusat, di Putrajaya. Jadi saya pun kata, sekiranya Putrajaya boleh berubah sekali lagi, baiklah kita boleh selesaikan masalah ini.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Mohon mencelah. Yang Berhormat Padang Lalang, saya bersetuju dengan saranan yang dibawa oleh Sungai Pinang dan perkara ini memang perlu tanpa mengira latar belakang politik. Jadi saya cadangkan kepada MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga untuk mencadangkan permohonan ini kepada Kementerian Kesihatan. Walaupun perbezaan kerajaan sekarang dan kepentingan ini adalah perlu untuk memastikan *confinement center* ini mematuhi SOP dan juga garis panduan yang ditetapkan untuk keselamatan dan kesihatan. Jadi tak ada isu pertukaran kerajaan, jadi isu ini adalah penting untuk ibu bersalin dan juga anak yang baru dilahirkan. Maka cadangan ini elok dibawa oleh MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Yang Berhormat Permatang Berangan. Saya nak tanya sikit. La ni ada Kementerian Wanita tak? Sapa menteri dia? Tak kenal lah. Menteri Doraemon? Okey, okey kenal.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Saya terima kasih kepada YB. Permatang Berangan yang sokong tapi sayangnya YB. bukan di Putrajaya. Kalau YB di Putrajaya, jadi senanglah kita berpendapat sama. Tapi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Boleh bawa cadangan. Boleh bincang.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Sudah bawa, bukan tak bawa. *Letter* pun telah pergi. *Face to face* kepada Pengarah Kesihatan Pulau Pinang pun sudah sampaikan. Jadi tolonglah.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Boleh ulang semula.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Boleh ulang lagi? ulang-ulang.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sungai Pinang lagi tiga minit.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Sibuk dengan COVID kan, jadi mungkin boleh ulang selepas ini.

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Ini sebelum COVID. Sudah sampaikan. Jadi tak ada alasan. Ini memang urusan Putrajaya. Jadi jangan bagi apa-apa alasan dan di sini jangan kata Kerajaan Negeri, apa *you* buat, tanya diri sendiri dulu, Kerajaan Pusat apa yang *you* buat?

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Saya tidak mempertikaikan. Kita cuma mengulas apa yang disebut oleh Sungai Pinang. Jadi saya pun bersetuju dengan saranan yang dibawa. Jadi apa salahnya kalau MMK Pembangunan Wanita dan Keluarga membuat satu kertas kerja untuk dibentangkan di peringkat persekutuan supaya tindakan diambil. Itu sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey, okey. Terima kasih kepada Padang Lalang, kepada Bukit Tambun, kepada Permatang Berangan atas keprihatinan. Sebagai seorang ibu, saya juga seorang ibu, maka sekarang macam Berapit, dia faham akan keperluannya ada bilik laktasi sebab ramai yang membuat keputusan itu, dia tak faham, dia tak faham tentang keperluan terutamanya kalau boleh keputusan itu dia tidak *sensitive enough* dengan apa keperluan rakyat jelata kita. Dan di sini sebab *confinement center* itu memang dia terjatuh di bawah Kementerian Kesihatan, cuma sejak 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia tidak mengawal selia penubuhan mana-mana *confinement center* di Malaysia yang menyediakan penjagaan ibu dan anak baru lahir yang sihat. Ini adalah jawapan yang saya terima. Okey, jadi di sini kita semua faham, untuk isu ini premis adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan, ini di bawah Kerajaan Negeri, ini Kerajaan Negeri. Tetapi tentang isu kesihatan itu, adalah di bawah Putrajaya, di bawah *Federal*. Maka inilah isu saya berharaplah, saya betul-betul minta supaya isu ini kita, mereka dapat, pemimpin-pemimpin yang di sana, tolong, tolong mempercepatkan. Sebab kemungkinan yang ibu melahirkan, yang melahirkan anak itu juga anak kamu, bayi itu juga cucu kamu. Ini tak ada isu tentang persendirian tetapi untuk kebajikan semua.



Jadi saya berasa sakit hatilah sebab bila 10 ibu datang jumpa dengan saya dan beritahu bahawa isu masalah yang berlaku di *confinement center* dan bagaimana sengsaranya dan bagaimana perasaan mereka sebagai seorang ibu dan dapati bahawa anak mereka menjangkiti penyakit, *infection* semua ini. Sampai menangis 10 ibu menangis di depan saya tetapi isu ini bukankah saya pohon, kalau siapa-siapa yang berpeluang, tolong bawa isu ini dan mempercepatkan. Ini adalah sesuatu untuk kebaikan rakyat kita. So jadi kita faham sebab selaras dengan Visi Penang2030...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan. Selaku EXCO Kesihatan, saya rasa saya, selama ini saya ingat isu ini di bawah Kerajaan Tempatan dan ataupun di bawah EXCO Kebajikan ataupun Wanita. Jadi disebabkan benda ini telah di*highlight*, *Insyallah* saya boleh bawakan ke pihak menteri secepat mungkin kalau YB. boleh bagi *all the details and all the issues* dan juga untuk MMK Kesihatan juga boleh mungkin kami bersama, boleh memikirkan jalan yang paling cepat untuk menangani masalah ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Saya setuju, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya, terima kasih kepada Penanti. Kita kena ambil pemikiran yang positif dan walaupun sudah agak lewat tetapi memang lewat pun lebih baik daripada tidak lakukan. Jadi inilah, inilah pemimpin Pakatan Harapan. Ini model Pakatan Harapan. Jadi dengan itu saya ingin katakan bahawa kita hendaklah sentiasa beri keutamaan terhadap perlindungan kebajikan, keselamatan terhadap kepada rakyat jelata kita dan ucapkan terima kasih ke atas keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mengorak langkah progresif dalam memudahcara pendaftaran pusat-pusat iaitu adalah setakat pusat jagaan, taska dan tadika.

Iaitu saya, cuma saya pun ada sedikit *confuse* bahawa pusat jagaan. Pusat jagaan ada pusat jagaan warga tua juga tetapi untuk pusat jagaan warga tua, Jabatan Kebajikan Malaysia, ia ada terlibat tetapi bila pusat jagaan ibu bersalin dan bayi, siapa yang akan mengambil tahu? Yang bertanggungjawab. Maka saya rasa janganlah ada pendirian atau pemikiran bahawa ini bukan di bawah seliaan saya, cubalah ambil inisiatif bahawa apa yang kamu boleh salurkan. Bantuan kah atau apa-apa yang kamu boleh salurkan untuk mempercepatkan garis panduan atau SOP yang begitu penting kepada pengusaha atau kepada rakyat jelata kita. Dan di sini, saya berharaplah *confinement center*, ia terkecuali daripada inisiatif tersebut. So saya syorkan satu garis panduan dibina untuk memastikan keselamatan dan kesihatan ibu serta anak dijaga di *confinement center*. Garis panduan ini dapat digunakan oleh pengusaha untuk mendaftar dan supaya langkah pemantauan dan penguatkuasaan boleh diadakan. Jadi saya sokongkan kita kena mewujudkan persekitaran yang selamat dan sihat. Bukan sahaja kepada ibu-ibu, kepada sesiapa pun kalau kamu adalah di dalam sebuah pusat jagaan. Pusat jagaan ibu bersalin dan anak, jadi dia perlu adakan satu persekitaran, *environment* yang sihat. Jadi ini sangat penting, anak merupakan harapan kita. Merupakan harta, *something it is very valuable to us*. Jadi dari bila dia dilahirkan kita kena ambil pendekatan yang lebih baguslah untuk mereka...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sungai Pinang, satu minit lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Tadi ada banyak celahan. *Okay I will* cakap pasal...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*You told from confine to confinement* saja.

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey, okey. Saya pergi ke, jadi tentang Dasar Keluarga Selamat dan saya berasa bangga kerana Kerajaan Negeri telah sebulat suara meluluskan Dasar Keluarga Selamat iaitu sebuah dasar yang telah dimulakan di Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendepani permasalahan berkaitan keganasan domestik iaitu saya suka mendepani permasalahan. Jadi *confinement center* itu dia jadi satu isu di sini. Marilah kita semua berdepan dengan masalah yang ditimbulkan di *confinement center* dan kita bersama-sama menangani isu ini dan okey.

Pulau Pinang menerajui sekali lagi dengan memperkenalkan Dasar Keluarga Selamat iaitu *Safe Family Policy*...(dengan izin), sebagai langkah awal dalam mewujudkan khidmat sokongan. *First support point* di kaunter-kaunter agensi-agensi Kerajaan Negeri. Jadi dia akan juga bukan sahaja di agensi Kerajaan Negeri, saya rasa untuk pusat khidmat atau agensi-agensi yang mana-mana yang boleh ambil bahagian juga. Saya rasa inilah adalah satu langkah yang begitu baik untuk mewujudkan khidmat sokongan. Stigma serta kurangnya pemahaman dan pendedahan berkaitan keganasan rumahtangga telah menyebabkan masyarakat mengambil pendekatan yang pasif. Jadi keganasan domestik bukan sahaja masalah individu, *actually*, sepatutnya dia perlu diselesaikan secara bersama dalam keadaan yang penuh harmoni dan mesra.

Jadi dengan itu saya menyeru agar kita semua berganding bahu demi menggalas amanat ini agar kita dapat menghantar satu mesej yang jelas kepada masyarakat bahawa Negeri Pulau Pinang tidak akan sama sekali tolak ansur dengan keganasan domestik. Saya ingin sentuh tentang...(gangguan).

### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Akhir sekali? Akhir sekali? Akhir sekali?

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Bukan, bukan, *Sex Disaggregation Data*. Seterusnya saya ingin menekankan mengenai Laporan *Sex Disaggregation Data* yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya amat kagum bahawa sekali lagi Kerajaan Negeri telah menerajui dalam menyediakan laporan bagi meneliti bidang mana yang mempunyai perjurangan gender. Walau bagaimanapun saya masih tertanya-tanya akan langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kita dapat merapatkan perjurangan yang terdapat dalam laporan STD tersebut.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Pembangunan Wanita, Keluarga dan Keterangkuman Gender. Pada pendapat saya, saya rasa kemungkinan di sini semua akan setuju bahawa PWDC telah memainkan peranan yang penting dalam memperjuangkan agenda berkaitan dengan keterangkuman gender. bertujuan memberi keutamaan untuk mengurangkan diskriminasi, ketidaksamaan dan menggalakkan penyertaan golongan berkepentingan termasuk golongan wanita dan kaum ibu, kaum lelaki dan bapa, golongan kurang upaya, warga emas dan remaja. Saya ingin menyambut baik dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menyediakan peruntukan untuk tahun depan untuk melaksanakan program JPWK, Program Keusahawan Wanita, Program Wanita Jana Rezeki, Program Sidang Wanita yang bakal diadakan pada hari Selasa depan. Saya jemput semua Yang Berhormat juga turut menyertai Sidang Wanita pada Selasa depan.

Usaha untuk memperkasa pelaksanaan agenda pembangunan wanita, keluarga dan keterangkuman gender oleh PWDC amat dikagumkan dan telah menerima sambutan baik dikalangan wanita dan komuniti. Jadi dengan sini saya ingin cadangkan jika boleh. Saya suka supaya pohon peruntukan ditambahkan lagi untuk tahun hadapan atau bila kita nampak ada banyak program. Memandangkan begitu giat dan pelbagai program dan pelan tindakan yang dilaksanakan oleh PWDC yang memanfaatkan kaum wanita serta komuniti dan secara keseluruhannya. Syabas PWDC.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit mengenai pusat penyembelihan babi, di Jalan Sungai, dalam KADUN Sungai Pinang. Pusat penyembelihan ini diselia oleh Kerajaan Tempatan dan ianya telah berusia 60 tahun dan dalam keadaan yang usang. Menurut jawapan bagi soalan bertulis saya yang ke-29, Kerajaan Negeri telah memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sedia maklum mengenai keperluan menaiktaraf pusat penyembelihan babi di Jalan Sungai di bawah MBPP dan saya menyambut baik inisiatif perancangan jangka pendek dan panjang bagi memastikan kecekapan operasi pusat penyembelihan.

Untuk makluman semua, pusat penyembelihan itu di kawasan Sungai Pinang dan selaku seorang wakil rakyat, kita sering mendorong seruan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kita supaya sentiasa dengar suara rakyat. Saya telah berkesempatan untuk mengadakan beberapa mesyuarat dan lawatan tapak bersama wakil-wakil terlibat. Kami mendapati keadaan pusat penyembelihan agak usang dari segi usianya, fasiliti sedia ada seperti mesin dan peralatan digunakan juga kurang memuaskan. Oleh itu, saya amat menyokong inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menaik taraf pusat sembelihan dan fasiliti sedia ada demi keselesaan pengguna dan meningkatkan kapasiti operasi.

Di sini saya ingin sentuh tentang Taman Kejiranan Sungai Pinang 7. Cadangan untuk mewujudkan Taman Kejiranan Lebu Sungai Pinang 7 telah dibentangkan semasa pembentangan bajet dengan tema "Penang2030, Teras Kejayaan Kemakmuran Bersama" ketika Mesyuarat Kedua Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ke 14 pada 1 November tahun yang lalu. Jadi pada tahun yang lalu, November. PWDC telah menjalankan satu aktiviti pengumpulan maklum balas di kalangan penduduk setempat bagi tujuan pembangunan taman kejiranan ini iaitu kumpulan tumpu, bincang dan undi keperluan. Ramai penduduk setempat dalam menyuarakan cadangan mereka dan telah mengundi pilihan komponen mengikut pecahan jantina dan umur. Mengikut hasil undi keperluan, kami telah mempertimbangkan apakah komponen yang utama dan apakah yang disuarakan oleh penduduk dan saya ingin mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada PWDC di atas usaha mereka dan baru-baru ini sahaja, 4 Oktober, Kerajaan Negeri telah mengadakan satu majlis pecah tanah bagi Taman Kejiranan Sungai Pinang 7 yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri. Tanah yang 3 ekar, keluasan 3 ekar ini telah menjadi konsep untuk menukarkan tanah lapang menjadi taman kejiranan dalam bandar yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan riadah sebagai salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk menambah kemudahan rekreasi dalam kawasan bandar yang mempunyai ruang dan tanah yang terhad. Jadi, kerja-kerja projek penghijauan ini dijangka akan siap sepenuhnya pada Julai 2021. Dengan beberapa kemudahan infrastruktur. Jadi ada banyak komponen, 9 komponen. Saya tertarik dengan ada taman teraputik dan taman rama-rama dan saya rasa kita akan wujudkan kalau boleh ada *family square* bila taman itu disiapkan.

Jadi, projek penaiktarafan seperti ini amat bertetapan dengan visi Penang2030 dimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang ingin menjadikan negeri ini sebagai sebuah Negeri Berorientasi Kekeluargaan, Hijau Dan Pintar Untuk Inspirasi Negara. Selaku wakil rakyat di kawasan Sungai Pinang, ia amat membanggakan untuk saya dan rakyat jelata di Sungai Pinang untuk mempunyai satu taman yang begitu simbolik dan saya juga berharap Kerajaan Negeri dapat dengan berjaya menyelesaikan penaiktarafan taman ini tanpa sebarang rintangan dan cabaran.

Terima kasih sekali lagi saya mengucapkan kepada Kerajaan Negeri.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan :**

Sungai Pinang. Machang Bubuk, tolong tunjuk jam tangan dekat *you* ke Sungai Pinang supaya beliau tahu dah berapa minit. Kita bagi hanya 20 minit dan dah heret selama 30 minit.

#### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Saya tahu Yang Berhormat tetapi kami telah membangkitkan isu yang sangat penting, semua setuju dan ada banyak yang..(gangguan).

### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ada masa yang dihadkan. Kalau *you* nak ikut teks saya boleh berhenti *you* daripada menggunakan teks. *You* kena cakap *ex-tempo* kalau tak da.

### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey. Saya akan habiskan. Terima kasih. Tabung Penyelenggaraan Maksima iaitu terima kasihlah dan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang meluluskan sebanyak 250 permohonan bagi Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang (TPM 80 PP) yang berjumlah sebanyak RM36,090,000 juta. Daripada perincian 50 permohonan, sebanyak 29 permohonan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Pulau Pinang yang diluluskan adalah daripada KADUN Sungai Pinang. Manakala sembilan (9) daripada permohonan di kawasan saya ini masih dalam proses perolehan. Jadi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih tetapi saya haraplah bahawa permohonan yang masih dalam perolehan itu dapat dipercepatkan dan saya faham bahawa banyak KADUN juga berdepan dengan masalah ini. Dan sebab kita berharap bahawa supaya kita dapat melahirkan suasana yang lebih selamat untuk penduduk di kawasan kita.

Timbalan Yang di-Pertua, akhir sekali. Izinkan saya menzahirkan penghargaan kepada segala usaha dan amanah yang digalas oleh semua pihak bagi kesejahteraan negeri kita terutamanya kepada mereka yang ditugaskan sebagai barisan hadapan atau *frontlines*. Pengorbanan mereka tidak pernah mengenal erti penat mahupun takut hinggakan nyawa dan keselamatan diri sendiri menjadi taruhan demi menjaga kemaslahatan dan kepentingan orang ramai.

Dengan kesempatan ini, dengan bangganya saya ingin memaklumkan bahawa KADUN Sungai Pinang juga telah menubuhkan satu pasukan CDERT MPKK Sungai Pinang yang pertama di Negeri Pulau Pinang di mana CDERT juga memainkan satu peranan yang penting lantaran berperanan sebagai *frontlines* di bawah Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) bagi sebarang bentuk bencana mahupun *insiden* yang melanda negara kita. Situasi terkini perkembangan kes COVID-19 dalam Negeri Pulau Pinang yang menunjukkan *trend* terkawal adalah hasil peranan dimainkan oleh petugas kesihatan serta semua anggota barisan hadapan seperti MPKK, JPWK, Briged Wanita, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam dan pelbagai agensi lain termasuk para sukarelawan yang bertungkus lumus yang melaksanakan tugas masing-masing. Dan saya juga mahu doakan agar kita semua terus diberikan kekuatan bagi berhadapan dalam menangani penularan wabak COVID-19.

Saya ingin merakamkan setinggi tahniah buat Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang yang diterajui oleh Timbalan Speaker yang telah berjaya menjadikan Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang melangkah ke Liga Super Malaysia 2021 selepas meduduki tangga pertama dalam Liga Primer Malaysia musim ini. Tahniah.

Akhir sekali, saya berharap permohonan dan cadangan yang telah saya bantangkan dalam ucapan tadi akan mendapatkan sokongan daripada semua, akan dapat sokongan dari semua pihak demi kepentingan rakyat.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan dan Usul Anggaran Pembangunan 2021 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang. Sama-sama kita bersatu bagi merealisasikan Visi Penang2030. Terima kasih.

### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Sungai Pinang.

### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Speaker.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Seterusnya, Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Saya berdiri.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Permintaan dibuat awal lagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Terima kasih Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahitaala hi wabarakatuh* dan selamat petang. Bacaan doa. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah membentangkan belanjawan ataupun bajet kali ini dan saya dapat sama-sama terlibat di dalam membincangkan bajet ini.

Setahu daripada Telok Bahang, kita memang bergantung kepada sumber perkhidmatan iaitu daripada pelancongan. Jadi kita memang bergantung harap kepada pelancongan yang besar dan kita tahu bahawa sumbangan yang telah diberikan sepanjang masa kepada membangunkan Pulau Pinang ini terlibat diantara negeri dan juga persekutuan.

Kita juga faham tadi ada pembahas-pembahas, ADUN-ADUN yang telah memberikan *figure*, angka-angka bagaimana persekutuan juga terlibat di dalam membantu dalam masa-masa COVID sekarang ini. COVID-19, kita tahu bahawa daripada persekutuan juga telah membantu sehingga RM2.95 billion kepada Pulau Pinang. Di samping itu, kita juga mendapat sokongan daripada bantuan-bantuan lain seperti feri yang kita pertikaikan ataupun kita bincangkan pada awalnya tadi.

Bagaimana Feri Pulau Pinang ini telah menyumbang kepada pelancongan yang tinggi kepada kita sebab ingin hadirnya orang ke Pulau Pinang ini antara sebabnya adalah feri. Dalam laporan di pihak mereka, mereka telah menunjukkan satu peruntukan yang besar berjumlah RM90 juta untuk menaiktaraf, pembelian feri baru yang telahpun dilakukan untuk pembangunan perkhidmatan feri dan setiap feri yang lalu datang ke Pulau Pinang dan balik ke tanah Seberang telah makan kerugian RM700.00 mengikut laporan. Itu adalah sumbangan yang telah dibawa supaya feri ini terus berada di Pulau Pinang dan menjadi satu tarikan pelancong di samping penggunaan orang ramai di atas feri, di atas pengangkutan. Kita juga mempunyai pengangkutan alternatif di jambatan. Kita ada dua jambatan lagi yang boleh ambil kira.

Jadi, sekiranya feri ini perlu diperbaiki dan ditambahbaikkkan dan kita minta sokongan yang padu kepada seluruh pihak supaya ia dapat dipertingkatkan. Dulu Bukit Bendera pun sama, tetapi Bukit Bendera pernah tutup sekian lama untuk menaiktarafkan keretapi Bukit Bendera supaya orang ramai dapat menerima *service* yang lebih baik. Kita harap bahawa begitulah juga apabila feri ini mendapat, melalui proses pembangunan baru. Kita juga perlu memberi sokongan yang padu kepada feri ini. Dengan COVID-19 ini.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Yang Berhormat Telok Bahang. Sikit saja pasal feri. Terima kasih kawan saya daripada kawasan Telok Bahang. Sebut pasal *mode* pengangkutan tentang feri ini. Hari ini juga kita terpaksa mengalami sekali lagi penundaan atau tergendalanya perkhidmatan feri akibat bukannya isu feri itu sebab feri itu memang berjalan. Ia memang boleh mengambil penumpang dari Butterworth. Tapi malangnya *platform* yang berada di Pengkalan Tun Raja Uda ini tidak dapat berfungsi, kedua-dua *platform* pun tidak dapat berfungsi. Jadi, feri itu memang bergerak. Tapi bawa penumpang dari Butterworth sampai ke Pulau terpaksa patah balik dan tambang feri itu terpaksa di *refund*, bagi *refund* kepada penumpang itu. Jadi, saya rasa ini merupakan satu masalah yang amat besar. Bukan feri tersebut tetapi *platform*. Jadi saya harap pihak yang berkenaan seharusnya mengambil tindakan serius memandangkan serius terhadap ini seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Bahang. Ini merupakan adalah satu ikon

yang penting dan meyumbang kepada sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang ini tapi apa yang berlaku hari ini sememangnya memalukanlah negeri kita.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Terima kasih Pengkalan Kota, itulah pembangunan feri ini bukan feri bukan enjin feri bukan kapten feri. Pembangunan feri ini adalah keseluruhan proses feri kalau Bukit Bendera itu kalau kita tak besarkan *platform* di bawah kereta api Bukit Bendera pun tak boleh servis untuk semua perkhidmatan jadi bila disebut tentang pembangunan baru feri ini dia mestilah menyeluruh kita faham hari ini saya pun terlibat bila saya nak *cross* feri dia cakap *ramp* yang rosak bukan feri tapi inilah sistem yang mesti lengkap melengkapi. Jadi kita harap bahawa kita akan terlibat kita akan pastikan bahawa kita akan terus menjadi ikon pada pelancongan ini melalui feri di samping dia menjadi mod pengangkutan kepada masyarakat dan kita faham bahawa di samping itu juga yang membawa kepada pelancongan kita ini adalah forum-forum besar di Pulau Pinang kita. Sepanjang saya menjadi Yang Berhormat di baru-baru ini daripada saya duduk belah kerajaan sampai saya jadi pembangkang, saya lihat program yang menarik orang ramai datang ke Pulau Pinang yang boleh membelanja lebih besar itu agak kurang.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Sekejap minta celah sekejap, saya mencelah Sekejap, terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang saya tadi tertarik kepada pernyataan mengenai feri kita juga lah. Apabila dicakapkan dikatakan bahawa feri adalah icon untuk negeri Pulau Pinang mestinya kita pastikan dia tidak akan mendapat masalah yang kini *you know* berlaku tetapi kerana ia sudah berlaku kita tak boleh buat apa, bolehkah Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan untuk Kerajaan Negeri ambil alih kalau Kerajaan Persekutuan tak boleh jaga bagilah Kerajaan Negeri jaga. Itu sahaja terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Terima kasih sahabat saya, saya rasa untuk memperbaiki feri ini bukan masalah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan, dia ada sistem yang lama yang perlu diangkat jadi kita perlu kepada kesabaran kita bukan nak tutup feri bukan ada kenyataan nak tutup feri bukan nak habiskan feri di Pulau Pinang dari masa untuk membaiki kita ada pengalaman kereta api Bukit Bendera lama kita tutup tapi sekarang kita dapat satu perkhidmatan yang baik sebab kita perlu *recon* benda-benda ini supaya dia lebih baik kita dapat perkhidmatan. Tapi yang saya bincang ini adalah lebih daripada itu saya tengok daripada forum-forum besar saya sebut tadi yang boleh membawa orang ramai berbelanja lebih besar menjadikan kita punya bilik-bilik hotel segar, restoran-restoran yang mampu menggajikan orang dengan EPF dan SOSCO pekerja dia, mampu dibelanja. Ada satu iaitu *Asia Pacific Urban Forum* sahaja yang berjaya membawa satu jumlah yang besar duduk di Pulau Pinang dan berbelanja dan saya tengok di situ ekonomi makin segar semasa berlakunya forum antarabangsa ini.

Forum-forum seperti inilah yang perlu di bawa ke sini yang mungkin melibatkan syarikat-syarikat besar yang berpangkalan di Pulau Pinang untuk membantu menarik lebih ramai pelancong-pelancong yang boleh mampu berbelanja tinggi di samping kita mencari pelancongan- pelancongan kecil yang belanja sebagai *backpacker* yang mungkin duduk di rumah tumpangan dan sebagainya.

Ini penting untuk kita bawa supaya ekonomi Pulau Pinang dapat dikembangkan diperkukuhkan lagi dan juga di samping itu kita menambah pekerjaan di kalangan rakyat Pulau Pinang apabila kumpulan yang *high class* ini datang ke Pulau Pinang. Saya harap Kerajaan Negeri lebih tertumpu pada itu apabila pandemik COVID-19 ini akan berkurangan nanti.

Isu COVID-19 ini juga telah dikaitkan dengan saya dan juga beberapa orang ADUN di sini tentang bagaimana COVID-19 ini telah menyebabkan kita akan bersatu bersama tetapi dalam masa yang sama telah ada satu usul walaupun ditarik balik untuk mengosongkan kerusi ini sedangkan saya tidak terlibat lompat parti, saya tak terlibat tukar parti, tapi telah dibawa seolah-olah saya ini melompat parti dan mengkianati apa tanggungjawab sebagai wakil rakyat.

Kita faham bahawa dalam COVID-19 ini, Pakej Prihatin Kerajaan Persekutuan juga tinggi, pakej Kerajaan Negeri juga ada. Kita faham Penang Perangi COVID itu berjaya berkesan dalam masa yang samalah ketika COVID sedang melanda Malaysia kami dinafikan ada apa-apa perbelanjaan kami telah diberhentikan dan juga pekerja-pekerja pejabat diberhentikan. Masa yang sama di Telok Bahang saya menghadapi situasi banjir, banjir masa itu tanpa ada peruntukan. Nasib baiklah masa itu persekutuan bantu, kita bolehlah sama-sama untuk membantu penduduk di Telok Bahang dari Sungai Rusa tenggelam pada hari itu. Jadi saya harap bahawa kita faham bahawa keadaan ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta laluan, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, terima kasih Telok Bahang memberi laluan tapi tak betullah kalau kata Kerajaan Negeri tidak memberikan peruntukan kepada Ahli-ahli Pembangkang, *in fact* Ketua Pembangkang sendiri boleh mengakui hadir Mesyuarat Khas Keselamatan Negeri seperti yang KOMTAR nyatakan tadi hampir setiap mesyuarat beliau hadir dan untuk pembangkang dan juga *backbenchers* dan juga untuk EXCO pun sebagai ADUN semuanya dapat bantuan untuk salurkan kepada semasa COVID ini RM30,000 semua serata, semua dapat.

So tak betullah kalau kata tak dapat apa-apa bantuan dan ADUN-ADUN yang telah berhijrah ke sebelah sana pun sebelum ini memang ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan saya rasa ada juga digunakan tetapi saya tidak tahu lah dah habis ka belum tapi ada juga peruntukan. So sebelum itu sebelum hijrah tu dah digunakan pun so tak betullah kalau kata kita pilih kasihlah dan sebagainya. Yang pilih kasih adalah Kerajaan Persekutuan, ADUN-ADUN pembangkang di Negeri Pulau Pinang dapat kami tak dapat, so boleh saya tau berapa yang ADUN-ADUN pembangkang di negeri Pulau Pinang ini dapat daripada Kerajaan Persekutuan untuk memberikan sebagai bantuan kepada rakyat dan kenapa kami dinafikan hak itu? Bila kami pun menyumbang kepada cukai pendapatan dan berbagai cukai persekutuan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Terima kasih Bagan Dalam. Bagan Dalam bukan dapat untuk pegawai di pejabat RM15,000 sebulan?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Itu semua dapat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Saya tak dapat, macam mana nak sukat persekutuan dengan negeri adil tak adil? Saya tak dapat, saya tak dapat pegawai jadi saya tak dapat RM15,000 itu jadi masa COVID berlaku, banjir saya kehilangan kakitangan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Kita merasa Ahli-Ahli Parlimen kita pun sudah tarik balik semua. Kalau nak adil dua-dua adillah...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Kalau Telok Bahang nak adil...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Semua nak cakap macam mana ni?

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Kalau persekutuan bagi kita, kita boleh adil, kalau persekutuan tapi tak bagi *then what's the point?*

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Okey masa Pakatan Harapan ambil Putrajaya kita punya Air Putih Jadi Menteri Kewangan masa itu pun saya tengok Ahli Parlimen Pembangkang dapat RM100,000 Ahli Parlimen Kerajaan dapat RM3.5 juta masa tu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Tapi *the other way round* apa pun tak dapat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Sama sahaja kalau kita nak banding tulah yang saya kata yang lepas lepaslah yang kita nak bincang kita nak bersatu di dalam hadapi COVID kalau bincang yang lepas PH kuasai Putrajaya dia batal buang semua peruntukan Ahli-Ahli Parlimen sama sahaja.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Masa itu, Telok Bahang di Pakatan Harapan juga.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bagan Dalam sila duduk sat, Telok Bahang *face mask*.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

*Face mask* pun turun dah sebab banyak peruntukan turun dia pun turun sama. Jadi tak apa. Apa yang saya hendak di sini adalah kita faham bahawa dalam keadaan itu kita hilang bantuan, sokongan daripada pejabat dan dalam masa yang sama kita terpaksa menggunakan apa yang ada pada kita untuk bergerak. Kita faham dalam masa sama juga dilantik sebagai ADUN angkat dan sebagainya, ADUN angkat dan Penyelaras KADUN dan sebagainya. Masa banjir saya yang ada di dalam kawasan ini saya yang berada di kawasan banjir. Saya tak nampak angkat ka mak tiri ka bapa angkat tak ada. Jadi saya terima kasih kepada Kerajaan Negeri lah kalau terus nak pakai keluarga angkat apa wakil rakyat angkat teruskan sebab saya suka di sana rakyat suka saya sebab saya sentiasa ada yang angkat-angkat ini memang dia angkat duit sahaja kot untuk perbelanjaan dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan yang ada di belakang yang telah membantu ataupun *frontliner* kita yang telah banyak membantu kita semasa berlaku banjir tapi *Alhamdulillah* sekarang ini banjir tidak berlaku cuma saya dok risau ini sebab pengangkutan air pula daripada Sungai Pinang di bawa ke Dam Air Itam. Saya takut nanti akan jejas pula pertanian di peringkat Balik Pulau sebab bila ada pengangkutan pengambilan ada pengisytiharan pengambilan air di sana.

Jadi saya harap bahawa di dalam hal ini Kerajaan Negeri pertimbangkan balik daripada menyalahkan kami Wakil Rakyat, macam saya tak lompat parti manapun dan menyalahkan kami menarik semua bantuan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Telok Bahang boleh?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Sila.

**Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain):**

Sedarkah Telok Bahang bahawa Kerajaan Negeri telah membina jambatan di Kampung Nelayan yang telah kalau kita lihat di kawasan Telok Bahang pekan Telok Bahang itu telah tidak berlaku banjir lagi dan juga Kerajaan Negeri juga telah dalam pembinaan jambatan di Jalan Hassan Abbas. Itu adalah projek Kerajaan Negeri yang dijanjikan oleh Kerajaan Persekutuan yang dulu tetapi tak dibina-bina di pekan Telok Bahang. Yang Berhormat Telok Bahang perlu sedar sekarang ini tidak berlaku banjir lagi buat masa inilah okay.



**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Terima kasih, itulah saya kata kerjasama tadi untuk rakyat kita sama-sama bangunkan untuk rakyat bukan kita sekat jadi kalau pemberhentian belanjawan dan sebagainya kita penting dia untuk kita angkat supaya Pulau Pinang dan rakyat Pulau Pinang mendapat manfaat daripada apa yang berlaku. Saya amat berterima kasih merakamkan di dalam Dewan ini kepada kariah-kariah masjid-masjid, *Alhamdulillah* semasa berlaku COVID boleh kata hampir semua kariah telah menghulurkan tangan dan bantuan hampir semua anak-anak kariah diberi bantuan yang memerlukan ada masjid yang minta kontrak dengan kedai runcit boleh ambil kupon di masjid boleh ambil barang di kedai ada kupon, ada yang mengguna kupon, ada yang letak mengambil barang di masjid dan bantu. Ini satu tanggungjawab yang cukup baik yang dilaksanakan oleh rakyat di bawah sama-sama membantu dalam keadaan masa yang sama saya ditarik semua pengawai, jadi saya terpaksa menggunakan apa alternatif yang ada *Alhamdulillah* masyarakat di bawah sama-sama mambantu untuk memastikan rakyat tidak dapat makanan ketika berlaku PKP yang pertama kita laksanakan di peringkat dulu.

Sekarang kita melalui gelombang yang ketiga gelombang ketiga apa COVID ini sekarang melanda lagi sekali kita takut sebab kita tak buat MCO PKP kita di menyeluruh seluruh Malaysia, kita buat berperingkat-peringkat dan kita yakin bahawa dan kita faham bahawa kehadiran domestik pelancongan domestik dan apa ini pengunjung-pengunjung di Pulau Pinang ini mereka datang dari Kuala Lumpur dan Putrajaya dari Wilayah Persekutuan. Sekarang di sana berlaku PKP bila berlaku PKP di sana sama juga kita akan kurang orang yang datang di sini dan dia akan memberi kesan kepada kita walaupun orang salahkan pasal orang politik menyalahkan orang politik sebab berlaku pilihanraya Sabah, dan Sabah ini satulah macam wakil rakyat kita dari Seberang Jaya kata, patutnya dia serah sajalah dah tau hilang majoriti sebab di Malaysia ini kita kira majoriti siapa ada majoriti dia berkuasa tak perlulah pilihanraya di situ sebab sebelum ini pun bukanlah Parti Warisan itu menguasai seluruh ADUN di sana, ada yang lompat parti, lompat masuk Warisan sokong Warisan dan jadilah macam dianggap yang sebagai kerajaan masa itu PH sokong....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Telok Bahang kalau ikut *argument* itu, Perdana Menteri sekarang sudah patut letak jawatan dah, semalam UMNO kata nak tarik balik sokongan kalau dia betul-betul ikut prinsip yang dicakap oleh Telok Bahang dia sepatut letak jawatan bila sudah ada, ini Ketua Pembangkang UMNO sendiri nak cakap ini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Jadi saya ingat perkara ini kita tak payah bincang di sinilah tentang UMNO nak masuk ke, Anwar Ibrahim dan sebagainya ini saya rasa. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Bila UMNO nak keluar dari PN tanya?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

UMNO sebenarnya kita tidak menyertai PN tetapi menyokong Ahli Parlimen menyokong, Ahli Parlimen menyokong untuk menjatuhkan Kerajaan Pakatan Harapan untuk tukar kerajaan itu sahaja, kita masih bersama dengan PN tetapi tidak secara *personally* UMNO tidak masuk, Ahli Parlimen kita serahkan kepada Ahli Parlimen untuk membuat keputusan. Itu yang berlaku jadi UMNO sekarang sedang membincangkan, keputusan belum dibuat dan saya rasa tidak akan UMNO tidak akan menyertai sebab UMNO dengan DAP ini, mohon maaf kalau saya silap memang dah lama tidak sehaluan langsung, PAS pernah bersama dulu tapi kita tak pernah langsung daripada tahun awal-awal pilihanraya dulu tahun 69.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Ketua Pembangkang kita cakap mengenai PN dan UMNO apa pasal DAP pula masuk sekarang?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya cerita..saya cerita.. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Cakap pasal PN, tak keluar dari PN. Cakap pasal DAP pula.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya cerita UMNO dan DAP tidak akan..saya tak nampak akan. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Kami pun tak nak beriya-iyanya minta UMNO jadi kawan dengan kita pun.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Macam yang Yang Berhormat Satees cakap tadi tak betul. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tak betul mana satu Ketua Pembangkang?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Yang kata UMNO nak masuk..

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

No. saya tak cakap UMNO masuk. Saya cakap UMNO kaji sokongan kepada Perikatan Nasional pimpinan Perdana Menteri..itu, itu. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Mohon mencelah, mohon mencelah.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Itu kenyataan rasmi UMNO malam semalam. Setiausaha Agung UMNO yang cakap. Bukan saya yang cakap. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Memang mengkaji. ....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Diminta duduk dan Telok Bahang tolong sambung dengan.. ....(gangguan). Kita bincang tentang Negeri Pulau Pinang dulu.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Ya, betul saya setuju. Ini isu di peringkat persekutuan sekarang kita di pentas negeri. Elok kita bincangkan isu-isu di negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Tetapi kenapa kita bincang pasal Sabah. Kita di Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Persekutuan kan..parti.. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Pergi ke Sabah, so kita terpaksa pergi ke Putrajaya lah. Yang Berhormat Telok Bahang ambil Air Asia *flight* dia pergi sampai Sabah. Kami ambil bas sahaja.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

So bincang pasal *Penang* sahaja.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Okey, tadi kita dah dengar pengakuan daripada UMNO dan minta kenyataan UMNO untuk selesaikan. ....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Isu tempatan ada banyak, jangan dok keluar daripada Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Ya, jadi apa yang kita buat adalah untuk sama-sama kita memastikan supaya COVID ini dapat kita perangi bersama. Jadi kita harap bahawa kita perlu kepada satu sokongan yang padu dan juga kerjasama bagi memastikan perkara ini berjalan dengan baik. Dan sama juga dengan isu Empangan Telok Bahang. Saya ingin bangkitkan sebab dia dalam DUN saya. Empangan Telok Bahang ini telah menjadi kritikal dalam 2, 3 bulan lepas, turun sehingga ke 16 peratus air takungan dia. Dulunya dia menjadi sehingga tempat kita bermain apa kita melancarkan *dragon boat* ataupun perahu naga yang berjaya menarik beberapa buah negara datang ke Malaysia ini untuk sama-sama terlibat.

Tapi hari ini bukan boleh main perahu naga, boleh main ski sahaja, atas selut. Makin pendek dia punya jarak dan air makin sedikit, aktiviti di situ tidak dapat kita jalankan. Dan saya tak tau di mana kesilapan, adakah pelanggaran ataupun kemusnahan kawasan tadahan berlaku? Sebab di atas sana ada pusat-pusat pelancongan yang membina bilik-bilik tumpangan atau rumah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang mengamalkan kawasan begitu luas di atas Telok Bahang itu. Adakah ini punca menyebabkan tasik ataupun empangan yang kita buat sejak tahun 2009 untuk mula?

Jadi itu telahpun berlaku kekurangan air di sana dan kita harap bahawa tindakan ini boleh disegerakan untuk membantu dan saya dimaklumkan pihak PBA telahpun berusaha, pihak berkuasa air telahpun berusaha untuk membawa air daripada Sungai Pinang untuk dibawa ke tadahan Sungai Pinang untuk di bawa membantu memenuhi takungan kita di Dam Telok Bahang. Jadi itu juga akan kita perlu melihat kepada kesannya nanti kepada penduduk di Telok Bahang. Iaitu, air daripada Titi Kerawang itu sebahagian besarnya diguna oleh petani-petani di bawah sana pula. Sekarang diambil sumber itu, adakah dia akan menyebabkan kesan sampingan pada masa yang akan datang.

Di kawasan Telok Bahang juga, kita tidak nafikan di sana ada nelayan yang ramai. Kita ada empat (4) pengkalan nelayan di sana yang bekerja untuk mencari nafkah di laut. Dan dengan kita katakan isu PSR ini, ia juga menjadi isu kepada nelayan-nelayan di sana. Tapi apa pun isu PSR ini perlu dilihat lebih menyeluruh, kita faham bahawa dengan pembinaan pulau ini sama ada yang pertama, yang kedua atau yang ketiga, kita nak pastikan supaya mereka yang tinggal di sana memang terbela dalam bentuk bukan sekadar kita membagi peruntukan, bukan sekadar *ex-gracia*, ataupun peruntukan-peruntukan sementara ataupun latihan sahaja. Mereka mesti dijamin dapat ekuiti dalam bentuk ekuiti, dalam bentuk harta dan hak mereka sama di sana dan untuk pastikan mereka terus berada dan boleh menjadi penduduk di sekitar persekitaran pulau tadi ataupun di selatan Pulau Pinang ini.

Kita perlu pastikan mereka ini berada di sana dan mampu tinggal di sana sama tua dengan pulau yang akan kita bina ini. Kita boleh lihat sebagai contoh, Koperasi Tunas Muda, sebuah koperasi yang telah lebih 30 tahun. Mereka telah memiliki bank tanah yang terbesar di Pulau Pinang suatu masa dulu. Mereka telah membangun kawasan ini, tidak ada masyarakat di Bayan Lepas, Sungai Ara yang lari keluar daripada kampung ataupun yang bergaduh ataupun menangis sebab dihalau daripada kampung. Sebab mereka terlibat sama di dalam pembangunan di Sungai Ara dan di Bayan Lepas di bawah Koperasi Tunas Muda. Sejak 30 tahun koperasi ini berjalan di sana, semua pemilik asal memiliki rumah rumah lebih daripada tiga (3) buah. Paling kurang pun ada tiga (3) unit. Kalau rumah jiran dia RM5 juta, rumah dia pun sekarang RM5 juta. Kenapa? Kerana mereka diletak sama di dalam pembangunan di sana. Memiliki ekuiti yang bersama. Ini penting kepada kita untuk melihat

bahawa pembangunan penduduk di selatan Pulau Pinang ini dipastikan bukan sekadar memberi duit *one off* kepada mereka, bukan sekadar memberi latihan kepada mereka, mereka mesti dipastikan boleh tinggal di sana, duduk di sana dan cari makan di sana lebih panjang masa.

Dan kalau boleh kita juga mesti memperkenalkan sumber laut baru dengan menyediakan kolam-kolam ikan di laut supaya memastikan mereka ini dapat mencari makan lebih mudah, lebih tersusun dan lebih terjamin. Itu yang penting untuk kita pastikan bahawa berlaku pembangunan di sana, rakyat di sana juga ikut sama terbela.

Isu perumahan yang telah kita tengok dalam pembentangan ini saya terima kasih kepada kerajaan yang telah membina rumah baru lebih daripada seratus lebih unit. Semua skim rumah dibangunkan. Tapi di dalam beberapa mesyuarat yang lepas, kita tengok Ketua Menteri telah bantangan masalah kita bukan rumah sahaja semata-mata. Masalah kita tentang pinjaman. Masalah kita tentang pembiayaan beli rumah. 70% pada pembeli rumah ini telahpun gagal meminjam. Ini dicatitkan di dalam laporan hansard ataupun laporan ucapan Ketua Menteri pada sidang yang lepas. 70% ini mereka tidak mampu membeli rumah tapi kerajaan hari ini membawa pendekatan membina rumah, bukan menyelesaikan masalah keseluruhan iaitu bagaimana mereka membeli rumah.

Tadi saya tengok kawan saya daripada Pengkalan Kota minta dalam skim sewaan rumah, tak kisahlah dalam apa saja. Kita mesti pastikan rumah yang kita bina ini mampu dibeli oleh rakyat Pulau Pinang. Tak kira dia apa. Kita tengok tadi Dr. Afif daripada Seberang Jaya, dia bantangan bagaimana. Saya yakin bahawa itu sebahagian besarnya kerana *finance problem*. Dalam *finance problem* kita tak cari penyelesaiannya. Macam mana kita nak seimbangkan. Masyarakat yang apa muda, Cina beli tiga ribu lebih unit, pemuda Melayu hanya seribu, India baru lapan ratus. Saya yakin ini semua sebabnya kemampuan untuk membeli. Jadi kita mesti pastikan benda ini tidak dilihat sebagai Pulau Pinang ini nanti orang kata DAP ini memihak ataupun *chauvinist* Cina dan sebagainya. Dia akan gunakan pada harini sebab bukan itu sahaja. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Mohon laluan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md. Lazim):**

Kalau kita tengok laporan sukan..ya sila. Sat saya perabis dulu. Kalau kita tengok laporan sukan dikeluarkan oleh EXCO Sukan. Saya tengok ada wushu, ada karate ada judo, tetapi tak ada silat. Ini terang-terang laporan dikeluarkan oleh pihak EXCO Kerajaan Negeri. Menafikan hak satu etnik di dalam Pulau Pinang. Jadi bila kita bangkit jangan kata kita perkauman. Tapi kita ditinggalkan. Di dalam laporan, di dalam pembelian rumah, semua ini kena dilihat semula.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Boleh? Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang. Sedarkah Telok Bahang bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif mewujudkan skim *rent-to-own* yang sebenarnya berada dalam DUN Telok Bahang itu sendiri sebanyak 1,124 biji rumah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong):**

Mungkin Telok Bahang..bagi laluan. Mungkin Telok Bahang tersilap. Tak tahu apa yang berlaku di kawasan dia. Sedang sibuk dengan keadaan sekarang itu, kita faham apa dia sibuk sekarang tu. Tentang isu yang empangan air yang tadi dibangkitkan itu dia pun tak tau mengapa tak ada air di sana.

Saya ingat dia tak baca apa yang telah dikeluarkan oleh PBA di surat khabar begitu besar. Empangan di Telok Bahang itu adalah 20 kali lebih besar daripada Air Itam. Kalau nak penuhkan air itu lebih kena dua (2) tahun hujan tak henti-henti so dia kena faham hakikat apa

yang berlaku. So dia kena faham, dia tak faham langsung apa yang berlaku di Telok Bahang sendiri. Saya ingat *quite* kesian juga dekat dia.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Yang Berhormat Telok Bahang, saya nak mencelah juga lah sebab tuduhan katakan sesuatu parti itu *chauvinist* itu tak betul. Kalau ikutkan *argument* itu, kami pun boleh cakap macam-macam benda. Yang Perdana Menteri yang ada sekarang, dulu masa dia jadi Menteri Dalam Negeri, dia menidakkan apa yang dijanji oleh Pakatan Harapan untuk memberikan kewarganegaraan kepada mereka yang lahir di negara ini, mereka yang lahir untuk rakyat Malaysia, dinafikan. Dia tak bagi. Masa dia jadi Menteri Dalam Negeri. Dan satu lagi yang tentang sukan untuk semua ini, ini pun nak pergi jadikan isu perkauman kah? Dulu UMNO pun bukan macam ni? Kenapa Bersatu jadi macam ni? Teruklah. Saya cukup kecewa dengan rakan saya daripada Telok Bahang ini. Ini saya tengok ada satu wushu sahaja. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Okey, okey.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tak ada silambam.. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Okey, okey.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tak ada permainan yang berasal daripada India, saya tak komplén. Sukan ini untuk semua, jangan kita masukkan *argument* perkauman dalam sukan pun. Sukan mampu menyatukan kita. *Sports unite us, should not divide us*. Itu pandangan saya Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Okey terima kasih. Cukuplah. Itu pun ada lagi? Okey terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Telok Bahang, tinggal 1 minit lagi.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Tak apa, okey tak apa. 1 minit pun tak apa. Saya cakap tentang tadi, masalah saya nak selamatkan kerajaan ini. *Perception* orang, bukan saya yang tuduh. Laporan-laporan ini akan membuat *perception* ini lebih besar, dia akan merenggangkan penduduk. Kita bukan nak bergaduh. Kita bukan nak suruh rakyat Pulau Pinang bergaduh, Cina lebih, India lebih. Laporan dari buku ini, laporan daripada rumah tadi akan menyebabkan *perception* masyarakat menjadi tak baik dan renggangnya masyarakat ini sebab itu kerajaan mesti pastikan belanjawan ini akan mengimbangkan kedudukan ini. Tadi Bagan Dalam kena faham, tak mau ambil kelas Bahasa Malaysia. Tapi masalah pasal air itu tak apa. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sukan ini, saya tengok, saya pun baru tengok laporan ini. Dia ada. ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Tadi saya bukan bincang pasal sukan, saya bincang tadi *perception* masyarakat.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

*Perception*, kita kena betulkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Telok Bahang.. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Kena betulkan. Kita mana boleh membiarkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Yang Berhormat Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Kena betulkan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Yang Berhormat Telok Bahang.. Timbalan Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Yang Berhormat Bagan Jermal boleh jawab.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Izinkan saya turunkan *mask*.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md. Lazim):**

Bubuh *mask* dulu.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Sebenarnya esok masa gulung saya nak ucap sikit....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Pakai *face mask* dulu.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Okey. Kerana sukan untuk semua, *magazine* ini adalah buku pertama. Kalau Telok Bahang masih ingat, inisiatif Sukan Untuk Semua, *Sports For All* yang saya lancar mulai tahun lepas, 2019. Jangkaan 3 tahun berturut-turut, 46 sukan akan dianjurkan, dalam masa...bukan dianjurkan. Klinik-klinik sukan pembangunan sukan untuk 46 jenis sukan akan dijalankan di Negeri Pulau Pinang sampai tahun ketiga.

Tahun pertama, 1 bulan 1 sukan. Tahun ini kerana ada COVID kita berhenti pada bulan Mac. 1 bulan 2 sukan. Tahun depan, 1 bulan 3 sukan. Ini adalah untuk pembangunan sukan. Bukan kita *favorisme* tak ada silat dan untuk Cina nya dan untuk sukan seperti Adun Air Putih yang katakan pada hari Isnin yang mana sukan adalah menyatukan semua kaum dan bangsa dan buku ini kita lihat, kita promosikan, kita bukan promosikan sukan yang popular sahaja. Contoh, sukan yang kurang popular seperti tenis, sukan yang kurang popular seperti bola tampar, *netball*, *floor-ball*, Telok Bahang pernah main *floor-ball* kah? *Floor-ball* adalah satu sukan yang kurang popular. Maka kita masukkan 1 bulan 1 sukan. Pembangunan klinik, kita akan sampai, silat akan sampai. Silambam pun akan sampai. Silambam, kavadi, seperti contoh rahsia.. Yang Berhormat Batu Uban tak ada?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Silambam tak ada, kavadi tak ada, saya tak tuduh Bagan Jermal sebagai *racist* pun. Ini kata *chauvinist* la sebab 1 sukan tak ada. Sepak takraw ada. Sepak takraw itu permainan Malaysia.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Tahun lepas kita ada buat *beach* kavadi pada bulan Disember. So saya rasa tunggulah sampai tahun 2021. Ini buku pertama. Akan ada buku kedua, buku ketiga. So Telok Bahang boleh simpan edisi-edisi tiga buku dan masa itulah, barulah putuskan sama ada kita ada *racist*

atau tidak *racist*. Untuk sukan, Sukan Untuk Semua. Semua kaum, semua bangsa termasuk jantina. Okey.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sedikit sahaja tentang isu. Tadi saya dengar Yang Berhormat Batu Lancang bercakap. Saya ingat saya mohon untuk di, ditarik balik ka atau pun perkataan, "Telok Bahang tidak faham, tidak jelas, tidak apa".

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

*It's a fact.*

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak pa la.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Itu, fakta, fakta yang saya berikan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mungkin pandangan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Memang (kurang jelas)

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mungkin pandangan Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Yang tadi perlu ditunjukkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Dari segi kawasan-kawasan hutan dari segi.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Bayan Lepas pun dah bagitau.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Kawasan sekitar.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Apa yang berlaku.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Yang ditarah, dibotakkan dan sebagainya. Mungkin ada kaitan dengan yang tu.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Aah, Saya minta Sungai Dua duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak palah. Sikit ja, sikit ja. Tentang masalah perumahan tadi. Apa yang dibangkitkan oleh Telok Bahang, kalau boleh diambil perhatian yang positif daripada Kerajaan Negeri. Perumahan *okay*, perumahan dia sentuh. So, kita mungkin ada, ada benda yang tak kena, tersilap sikit ka kita perbetulkan. Kalau kita duk pertahankan, ia akan jadi masalah yang lebih panjang. Betulkan, *quota* itu. Kenapa dia jadi macam tu. So, mungkin Telok Bahang dah jelaskan. Mungkin kemampuan pembeli dan sebagainya. Kalau ada sebab lain, *quota* tu

lain, jadi kita perlu betulkan. Dan dari segi sukan tadi, dah dijelaskan saya ingat mungkin salah faham dan sebagainya, tak timbul....(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Kita, saya, kita, membantah juga. Sukan bukan untuk satu agama, sukan dibangkitkan sukan karate, *teakwondo* itu bukan untuk satu agama.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Timbalan Dato' Speaker.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya minta semua duduk. Semua duduk. Saya minta semua duduk. Semua duduk. Baca apa dia Peraturan tu.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

46 (17) (C) Perkataan-perkataan yang harus akan menimbulkan niat jahat dan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum-kaum yang berasingan di Negara Persekutuan, adalah salah pada peraturan jikalau digunakan. Saya minta Telok Bahang tarik balik menyatakan perkataan seolah DAP *chauvinist*. Dia kata DAP *chauvinist*. Tadi dia kata.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Saya....saya

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ada.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Bukan saya kata.

**Ahli Kawasan (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ada. Ada.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Hei ni, boleh tak dengar.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ni. Saya minta. Saya minta duduk.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Saya minta Timbalan Speaker buat *rolling*.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya agak perkataan yang diguna tadi, adalah persepsi orang di luar bahawa DAP adalah *chauvinist*. Tapi, perkataan tu telah dikeluarkan oleh mulut Telok Bahang. Saya minta Telok Bahang tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Okey. Saya tarik balik.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Jangan guna lagi.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Telok Bahang. Diminta Bagan Dalam, duduk.



**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim)**

Bukan saya kata, saya nak selamatkan...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Telok Bahang tolong sambung, dan habiskan perbahasan dalam 1 minit dan berita bagus menunggu semua ADUN-ADUN di sini.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya nak minta satu penjelasan sahaja. Saya duk sabar, duk mendengar bahawa kata *quota*. Kouta yang dipakai ini, siapa yang wujudkan kouta ini. 35, 55 dan 15. Siapa. Barisan Nasional. Barisan Nasional yang buat, UMNO yang memerintah pada masa itu. 35 untuk orang Bumiputera, 55 untuk Cina dan 15 untuk kaum orang Hindu. Siasat sebelum cakap.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Yang saya faham, kouta ni diputuskan mengikut kawasan. Kalau kawasan orang Melayu, Melayu lebih. Orang Cina, Cina lebih. Itu, yang saya faham dulu. Dulu yang saya faham. Kouta tu, kouta yang saya faham la. Kouta untuk perumahan ni macam tu. Kos rendah, rumah kos rendah kawasan yang majoriti Melayu, Melayu lebih. Kawasan Cina, Cina lebih yang saya faham.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Anda sudah silap faham. Anda telah silap faham. Seperti di Kepala Batas, kerana ada perumahan. Orang Melayu hendak, tetapi sudah sampai kouta. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Untuk kos rendah, haa...

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Kos rendah dan sederhana. Dan di sana, dan di sana kita pun tidak lepas. Saya kena minta bahawanya, spesifik di tempat itu ada orang Bumiputera yang lebih dia hendak, potong untuk apa ni pemaju ni untuk orang Bumiputera. So, inilah membuktikan bahawa Parti DAP, Parti PH di Negeri Pulau Pinang jaga pada semua orang bukan satu kaum sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Faham.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya *check* balik.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

*Check*. Kalau saya betul macam mana. *If I'm right, what is your stand?*

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Belanja makan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya tak mau makan. *You*, orang boleh makan. *Apologize*. Minta maaf di dalam sini.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya *check* dulu, saya *check* dulu.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Telok Bahang. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Saya nak teruskan ucapan saya....(gangguan)

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Okey, Telok Bahang tolong sambung.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Telok Bahang. Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Saya rasa dah bincang lewat merata dah ni.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Kalau Jawi nak mencelah, tolong minta kebenaran daripada Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Saya minta di sini supaya, Belanjawan ini mempertimbangkan dan melihat tentang kelemahan. Kelemahan perumahan tadi bukan di sekadar bangunan dia. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Tapi dari segi *finance*, dan juga pembiayaan. Ini yang penting, perlu kita lihat bahawa satu skim pembiayaan yang lebih baik kepada....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Telok Bahang. Satu minit, Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Kepada pemilik rumah perlu kita angkat, dan kita jadikan dia sebagai satu model untuk kebaikan semua kita di Pulau Pinang, rakyat Pulau Pinang boleh memiliki rumah di sini. Saya juga ambil kesempatan ini untuk mengakhiri ucapan saya ni, untuk mengucapkan terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Telok Bahang. Satu, satu. 30 saat. Telok Bahang yang tadi Telok Bahang rujuk buku ini dan kritik sebab sukan silat yang tak ada cetak dalam buku ini. Tetapi, Telok Bahang, saya nak ingatkan Telok Bahang, sukan memang untuk semua. Sukan untuk semua politik juga, sukan untuk semua orang tanpa politik. Telok Bahang cuba rujuk muka surat 9.

Dalam muka surat 9 ini, ada gambar juga wakil daripada ADUN Bertam. Kalau kita mengirakan politik, kita tak akan masuk gambar ADUN Bertam dalam muka surat 9 ini. So, saya minta la. Saya minta, tepikan politik dalam sukan, tepikan kritik sebab silat tak ada cetak dalam buku ini, kemungkinan dalam edisi yang kedua akan masuk, edisi yang ketiga akan masuk. Buku ini bukan *Wikipedia*. Bukan semua sukan akan catat dalam sini. Kalau nak cetak, *in direct google*, mesti ada.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Jadi, terima kasih kawan saya Jawi. Sahabat baik saya ni, tak jumpa tak boleh. Tapi, itulah *Alhamdulillah* hari ni saya dapat kemukakan perkara yang perlu dibangkitkan dan semua perasan benda ni. Dan semua hendak perbaiki benda ni.

Jadi saya ucap terima kasih pada Dewan ni, buat kita memperbaiki kelemahan yang ada pada kita. Dan saya cuma bawa ke Dewan ini, apa yang ada di luar sana dan apa yang akan menjadi persepsi. Jadi kita semua kena faham, bahawa kita duduk di dalam satu negeri yang negeri Pulau Pinang, yang mempunyai pelbagai kaum dan juga pelbagai apa status kedudukan masyarakat. Jadi saya harap bahawa saya punya banyak ni. Tapi tak apa la, lain kali kita bawa benda ni. Cuma. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Ong Ah Teong):**

Timbalan Yang di-Pertua, boleh tak saya mintak Telok Bahang tarik balik tadi. Buku yang ditunjukkan itu, hanya dia memainkan isu perkauman. Buku itu memang untuk sukan dia, dia bangkitkan sukan karate, sukan taekwondo. (kurang jelas). Bukan untuk cina.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Batu Lencang.

**Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Ong Ah Teong):**

Untuk semua kaum. Apa dimaksudkan untuk kaum.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Beliau telah minta maaf dan telah tarik balik perkataan beliau.

**Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Ong Ah Teong):**

Isu perkauman.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tarik balik lain. Tarik balik *chauvinist* DAP.

**Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Ong Ah Teong):**

Yes.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Bukan yang tentang buku ni.

**Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Ong Ah Teong):**

Isu perkauman.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tapi (kurang jelas) kita juga lah.

**Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Ong Ah Teong):**

Bukan tentang buku tu.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya. Saya. Saya agak Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Jadikan isu perkauman.

**Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Ong Ah Teong):**

Bila Cina ja main sukan.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Telok Bahang.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Timbalan Dato' Speaker.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Tolong, perbahasan kamu boleh berhenti dalam satu minit lagi ka?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Timbalan Dato' Speaker. Timbalan Dato' Speaker, sebelum dia habiskan saya minta beliau tarik balik.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Kita minta dia tarikh balik. Kita minta dia tarik balik.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Seperti semalam yang Air Putih katakan.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Memang isu perkauman dimainkan di dalam Dewan ni.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Yang Air Putih katakan, sukan ada untuk mensatukan semua kaum.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Ya. Mana tunjukkan bukti mengapa?

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Katakan buku ini....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Saya. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Tinggal tarik balik.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya minta semua orang duduk. Saya minta semua orang duduk.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Kalau semua orang nak cakap, macam mana saya nak cakap. Tapi, saya. .  
...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Telok Bahang. Dengar, dengar Telok Bahang sat. Telok Bahang dah kata tadi, buku ini tidak mempunyai apa tentang silat. Ada perkataan itu betul, atau salah?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Betul, di dalam buku ni tidak ada aktiviti sukan silat.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Memang dalam buku ini tak ada. Tapi EXCO Sukan, telah jelaskan ini edisi yang tak ada.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ya.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Saya terimalah. Takkan la kerana....(gangguan)

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Dato' Speaker. Dato' Speaker. Dia tak henti di sana. Dia kata silat tak ada, tapi tengok wushu ada, karate ada, judo ada. Ini bukan sukan untuk satu-satu kaum. . ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Yes.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Kalau, kalau. . ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Jangan main persepsi kaum.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Nak jadi. . ... (gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Saya minta duduk. (*Mikrophone dimatikan*)

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Dato' Speaker ini memang ada motif. Kalau tak dak motif tak akan angkat buku Untuk *highlight*kan isu ini.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Saya bercakap pasal buku ini, dengan fakta di dalam. Bukan di dalam hati saya. Ini bukan saya cakap dalam hati, saya cakap dalam buku. Jadi sekarang. . ... (gangguan). Sahabat saya EXCO telah jelaskan.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Timbalan Speaker. Tolong. ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Buku ini. . ... (gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Memang isu yang dimainkan.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

*Statement* yang dikeluarkan oleh Telok Bahang tadi. ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Kalau ikut buku ni, tak ada.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Memang dengan satu niat mengatakan silat diketepikan. Setuju atau tidak?

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Masalah sekarang saya katakan. ...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

So, saya agak perkataan itu memang ada niat.

**Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):**

Dato' Speaker, kita nak tau saja daripada apakah pandangan mereka. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Timbalan Speaker, Peraturan Mesyuarat.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Boleh saya bercakap.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Peraturan Mesyuarat.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Memang berniat jahat. Jangan mainkan *racial*.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Peraturan Mesyuarat, 46.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Okey, okey semua duduk. Telok Bahang, saya agak kenyataan oleh yang dibuat oleh kamu memang ada niat yang tak betul. Saya mintak *you* tarik balik.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Okey, Tuan Speaker. Saya nak tarik balik atas apa. Saya cakap dalam buku ni tak ada silat. Tak kan saya nak kata dalam buku ni ada silat. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ni, Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Bagi, bagi saya bersama dengan Telok Bahang. Telok Bahang cara *you* berbahas tadi, *you* dah banding bahawa silat tak ada dalam buku ni tapi sukan-sukan lain seperti wushu, semua ada dalam. Atau *you* dah campurkan dengan niat yang tak betul.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Lepas itu ayat, dia katakan....(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Tarik balik perkataan tadi.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

No. Dia katakan. Ayat yang dia katakan...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Bagan Dalam. Timbalan Speaker, ada sini biar. Timbalan Speaker yang berurus dengan Telok Bahang.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Timbalan Speaker, dia teruskan putar belit fakta yang dicakapkan tu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Macam mana saya nak tarik niat. Saya bukan pada niat, bukan zahir niat. Saya bercakap tentang buku. Tapi Speaker, apa EXCO telah jelaskan.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ya, tapi daripada buku dan perkataan yang keluar tu, daripada mulut kamu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Ya, saya terima kot penjelasan EXCO.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

So, tarik balik. Itu sahaja.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Nak tarik di mana. Saya nak kata dalam buku ni ada silat.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Bukan macam tu.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Saya kata okey.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Tapi niat yang jahat itu, niat yang tak betul dan buat pertuduhan itu datang daripada kamu bukan daripada buku.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Bukan. Saya tak tuduh, tadi Tuan Speaker tengok aa. Saya kata dalam buku ni tak ada silat. Sekarang saya dapat penjelasan sahabat saya EXCO, ini akan ada bersiri.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

So, dengan. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Saya belum jawab kata saya nak terima. Ya. Saya tak bersalah. Saya. ...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Kamu telah buat satu kenyataan yang tak betul.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Dak. Kenyataan, kenyataan berdasar buku. Buku ni tak ada. Sekarang saya nak kata, saya nak boleh saya *respond* kepada ni. Kepada EXCO, yang telah buat penjelasan tadi, kata buku ini siri, siri. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

*What is your point. What is your point.* Cakap macam ni.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify Bin Md Lazim):**

Dia bila kata bersiri.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Apa, *what is your point.* Cakap macam ni.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Timbalan Speaker....(gangguan)

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Diminta semua duduk sekali lagi. Okey, Telok Bahang dah dapat keterangan daripada EXCO Belia Dan Sukan. Tapi sebelum *you* dapat itu keterangan daripada EXCO Dan Belia, tapi kamu telah membuat satu kenyataan di mana kamu kata tidak mengandungi silat, tetapi mengandungi wushu, *and all that*. *Right?* *You* telah buat macam satu kenyataan dengan niat yang tak betul.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Tuan Speaker, tolong bagi bantuan saya macam mana nak tarik niat. Saya bahas benda yang benar, dan EXCO telah jelaskan kepada saya dengan jelas, bahawa ini bersiri. Dan senanglah saya jawab di masyarakat luar, kalau ada orang bangkitkan kenapa tak ada silat. Ini bersiri. Ini masalah saya nak berdepan dengan masyarakat.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Tuan Speaker. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Masyarakat akan bertanya kepada saya. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Dia buat bandingan tentang bukunya tidak ada silat, tapi adanya wushu, karate, taekwondo.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly Bin Md Lazim):**

Ya.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Judo dan Cina dia kata.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ha. Isu kita di sini bukan dikatakan silat tak ada. Memang kita mengakui silat tak ada. Saya pun boleh cakap silambam tak ada. Tapi dia tuduh, lepas tu dia kata, ini silat tak ada. Tapi, wushu ada. Karate ada, Judo ada. Ini meminggirkan satu sukan untuk satu kaum. Kaum Melayu dia kata. *Cleary he said*. Persepsi perkauman dia telah mainkan. Ini.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Okey.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sukan patut...(gangguan).

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Minta. Minta semua duduk. Kita akan rujuk balik minit yang kita dapat, dan kita akan rujuk balik besok. Kalau tuan Telok Bahang tak mau setuju, kita akan dapatkan minit yang direkod. Dan kalau ada disebut, kita akan minta Telok Bahang untuk tarik balik.

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Timbalan Dato' Tuan Speaker. Saya selaku EXCO, walaupun saya telah memberi penjelasan, tapi saya nak minta Telok Bahang tarik balik. (**Ahli Dewan menepuk meja**). Kerana perkataan itu akan jadi sensitif. Buku ini, buku ni baru dicetak. Di luar masih belum kita agih ke *school*, kepada sekolah. Ini edisi pertama, tapi Telok Bahang sudah ucap dalam Dewan. Macam mempermainkan isu perkauman, saya mintak tarik balik. *No comment*.



**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):**

Oleh niat yang jahat itu. Tuan Speaker, niat itu. Niat yang jahat. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Semua kita *print out*, the sukan. Buku ini sekadar laporan.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md. Lazim)**

Sekarang saya dapat penjelasan daripada EXCO. Saya dah dapat penjelasan sekarang, daripada EXCO bahawa ini edisi. Ini bersiri. Saya terimalah. Apa yang niatnya. Apa niatnya. Di mana niat dia.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md. Lazim):**

Saya tadi tanya, kenapa tak ada.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Yang Berhormat. Ya.

**YAB. Ketua Menteri:**

Sudah buat satu keputusan tadi, untuk rujuk kepada *handsard* dan putuskan kemudian.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ya.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Dan saya juga minta Yang Berhormat yang berbahas. Tolong jangan bawak masuk politik ataupun perkauman dalam sukan. (*Ahli Dewan menepuk meja*) *It's sport for all, no religion, and no politics*. Terima kasih

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md. Lazim)**

Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada semua pihak di sini termasuk pihak apa, Kerajaan pihak EXCO yang telah memberi penjelasan kepada apa yang berlaku di sini. Ini akan memudahkan saya sebagai wakil rakyat, untuk menjelaskan kepada masyarakat di bawah kalau berlaku isu-isu yang berbangkit. Ini yang penting kepada kita. Dewan ini kita gunakan untuk mendapatkan penjelasan.

Bukan saya membangkang, bukan saya menuduh. Tapi saya nak dapat penjelasan hari ini, saya dah dapat penjelasan dari segi perumahan, dari segi sukan. Inilah benda yang kita rakamkan, untuk masyarakat. Di sini, Dewan kita buat keputusan untuk satukan. Apabila ada elemen lain, sebagai wakil rakyat saya kena bawa ke sini supaya masyarakat faham apa yang kita bincangkan. Bukan kita memihak, janganlah terlampau fikir tentang perkauman sampai nak hukum niat saya.

Saya niat dalam hati, saya tak pernah jelaskan benda tu. Saya cuma tanya dalam buku, tak ada. Dan dia cakap, EXCO cakap bersiri. Okey, bersiri. Kita terima. Lepas ni akan ada lagi, baguslah. Sukan untuk semua, jadi saya ucap terima kasih kepada semua yang telah terlibat sama, dan saya ucap terima kasih kepada semua pihak yang terlibat membantu ketika COVID ini. Dan semua rakan-rakan saya yang di sini, saya ucap terima kasih.

Sebenarnya banyak bagi kerjasama kepada saya, sama ada semasa saya dalam kerajaan, atau masa saya di pembangkang. Saya dapat kerjasama daripada Ketua Menteri sampai ke bawah agak baik, dan mereka adalah rakan-rakan saya di sini. Dan saya harap

bahawa Dewan ini kita teruskan ikat dia sebagai satu Dewan Yang Mulia untuk kita pastikan Pulau Pinang terus menjadi sebuah negeri yang baik dan maju.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Telok Bahang. Seterusnya Machang Bubuk.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan selamat petang saya ucapkan kepada Ketua Menteri, barisan EXCO dan juga Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang saya kasihi sekalian. Terlebih dahulu, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-Undang Enakmen Pembekalan Tahun 2021, yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri pada hari isnin yang lepas.

Syabas kepada Kerajaan Negeri, yang memahami kesusahan dan juga kepahitan yang dialami oleh rakyat Pulau Pinang, khasnya dalam pergolakan ekonomi akibat daripada pandemik COVID-19. Salah satu *wow factor* adalah Pembentangan Bajet defisit yang terbesar dalam sejarah negeri Pulau Pinang. Saya ingin ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, yang berani *decisive* serta *determination* dalam merangka satu Bajet defisit yang mencapai sehingga RM400 juta.

Ada tadi Ketua Pembangkang dan juga sahabat Seberang Jaya, telah mengkritik bahawa defisit ini adalah terlalu tinggi, dan juga akan membebankan apa status kewangan Kerajaan Negeri. Tapi bagi saya, kini bukannya masa untuk kerajaan berjimat-cermat atau mengamalkan Dasar Austerity dalam menguruskan kewangan. Rakyat di bawah memerlukan kerja dan juga memerlukan pembangunan ekonomi yang mampan, untuk membantu mereka berdikari dan juga bangkit semula dalam era pasca COVID-19.

Apa yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sebenarnya adalah *jump start the* ekonomi ya, bagaimana untuk memulih, membangkit semula ekonomi yang telah dirosak atau dimusnahkan oleh pandemik COVID-19 ini. Yang saya nak cadangkan sebenarnya, Kerajaan Persekutuan yang perlu memberi geran kepada Pulau Pinang untuk menangani pandemik COVID-19 ini, serta membantu Kerajaan Negeri untuk membangunkan ekonomi negeri ini. Adalah baik sekiranya boleh memberi RM100 juta kepada Kerajaan Negeri, untuk mengurangkan defisit yang telah dibentangkan oleh Kerajaan Negeri.

So, usaha Kerajaan Negeri sebenarnya untuk *jump start the* ekonomi ini, adalah dengan gabungan *keynesian demand management... (dengan izin)* iaitu meningkatkan perbelanjaan kerajaan dalam pembangunan, serta kurangkan kadar cukai untuk merangsangkan ekonomi. Bantuan kepada sektor industri, agar tidak luntur serta bantuan kewangan segera kepada golongan pekerja yang kehilangan kerja, atau putus bekalan pendapatan, adalah merupakan usaha yang tepat dan berkesan.

Kita di Sidang DUN ini juga berbincang tentang cukai taksiran, yang dikenakan *rebate* atau dikecualikan bayaran semasa COVID-19 ini. Ini juga merupakan satu langkah yang tepat, dan dapat meringankan rakyat Negeri Pulau Pinang. Namun, kita sedia maklum bahawa sumber hasil kutipan utama bagi kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MBSP dan MBPP adalah daripada kutipan cukai tafsiran. Maka, cukai kutipan hasil oleh MBSP atau MBPP juga akan menurun akibat daripada pemberian *rebate* kepada pembayar cukai tafsiran.

Akan tetapi perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan tidak boleh digadaikan, malah perkhidmatan PBT adalah penting khasnya pembersihan perbandaran semasa COVID-19. Maka, saya menyeru kepada Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan RM20 juta kepada setiap PBT, ya untuk mengharungi cabaran COVID-19, lebih penting adalah memastikan perkhidmatan PBT kepada rakyat tidak akan terjejas.

*Back to normal.* Ramai yang juga tertanya-tanya bilakah semua ini boleh akan berakhir? Bila kita boleh balik ke *normal*, atau *business as usual*. Selagi vaksin yang berkesan tidak ditemui, maka ancaman penularan COVID-19 ini tidak boleh diambil ringan. Negara kita masih dilandai gelombang ketiga COVID-19, malah Negeri Pulau Pinang juga dikejutkan dengan kes positif COVID yang menaik mendadak dalam 144 kes dalam masa sehari. Maka, bagaimana usaha kerajaan dapat membantu rakyat bangkit semula, dalam kesihatan dan ekonomi adalah penting.

Pelbagai program tranformasi pemulihan dan juga ketahanan ekonomi ke arah dimensi baru telah dirangkumi dalam Bajet 2021. Memang satu Bajet yang komprehensif dan menyeluruh, namun kita juga tidak boleh meminggirkan orang muda. Cuma, bagaimana Kerajaan Negeri dapat membantu fokus dalam golongan belia yang banyak terkesan daripada COVID-19 ini juga, menjadi satu persoalan yang penting. Golongan belia dan mereka yang berpendapatan rendah, adalah mereka yang paling terkesan dalam pandemik COVID-19 ini.

Orang muda amat kecewa dengan sosial mobiliti yang merosot, harga hartanah yang tinggi serta bimbang tentang kesan *climate change* pada masa akan datang. Ketaksamaan dan juga *in-equality* dari segi pendapatan, kekayaan dan juga peluang telah menyebabkan orang muda sukar untuk bangkit semula khususnya selepas COVID-19.

Maka Tuan YB. Yang di-Pertua, saya mencadangkan kerajaan juga boleh memberi bantuan kos sara hidup, atau Skim Subsidi Sewa kepada orang muda. Juga menyediakan latihan kemahiran kepada orang muda yang hilang pekerjaan, bagi insentif untuk *apprenticeships* dan beri insentif kepada platform *E-Commerce* untuk membuat promosi.

Yang di-Pertua, *work from home* adalah budaya kerja baru. Demi menggalakkan kerja dari rumah, saya mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri perlu menyediakan perkhidmatan Jalur Lebar bertaraf 5G di kawasan perumahan, serta pusat jagaan kanak-kanak yang, yang *affordable* atau yang mampu bagi keluarga-keluarga yang khususnya kaum ibu yang perlu keluar bekerja.

Mengikut statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, hanya 55.1% wanita menceburi dalam pekerjaan. Dan ramai yang telah keluar daripada bidang pekerjaan apabila mencapai umur 30 tahun, khususnya selepas mereka berkahwin dan beranak. Walaupun, kerajaan juga ingin *back to normal* atau *back to business as usual* tetapi, perubahan teknologi dalam pandemik COVID-19 ini berlaku dengan begitu pantas.

Gig ekonomi telah menunjukkan undang-undang pekerjaan, yang sedia ada sudah ketinggalan zaman. Kerajaan perlu menggubal undang-undang, agar hak pekerja dan juga tanggungjawab mereka akan terjamin, demi memastikan produktiviti kita tidak tergadai. Selain itu, kerja dari rumah, *work from home* juga akan mengubah ruang-ruang pejabat di pusat bandar. Bangunan-bangunan pejabat yang sedia ada, mungkin akan mengalami *over supply*. Maka, perancangan bandar untuk masa depan juga perlu dikaji semula, supaya tidak berlakunya *property overhang* atau projek-projek Gajah Putih yang berlaku seperti di kawasan-kawasan yang, yang *over supply*.

YB. Yang di-Pertua, untuk Digital Ekonomi Pendigitalan Komuniti. *Another wow factor* dalam Bajet 2021, adalah *Digital Coach Skim* dan juga *Digital Promoter Skim*. Saya mengalu-alukan sumbangan RM1.19 juta untuk membantu komuniti perniagaan mempercepatkan usaha pendigitalan dalam semua aspek perniagaan. Ya, ini perlu di bukan sekadar kepada SME atau PKS. Tetapi juga perlu sampai ke peniaga-peniaga kecil. Saya difahamkan *digital coach* ini sampai ada mendekati penjaja-penjaja di pasar, dan juga warga emas yang tidak tau bagaimana menggunakan *E-Wallet*. So, semua usaha ini adalah penting dan juga bagaimana kita boleh membantu peniaga-peniaga kecil ini untuk menyesuaikan diri mengadaptasikan perniagaan mereka dalam arus *E-Commerce* ini.

YB. Yang di-Pertua, pelaburan dalam infrastruktur selaras dengan strategi kedua Bajet 2021, iaitu membangunkan infrastruktur dan komuniti digital kearah ketahanan mampan. Keperluan untuk melabur dalam pembangunan infrastruktur itu, amat penting untuk

merangsangkan ekonomi secara keseluruhannya. Saya mencadangkan bahawa Rancangan Tebatan Banjir Sungai Junjung yang di bawah Kerajaan Persekutuan, perlu dijalankan dengan segera. Ini Sungai Junjung juga bersempadan dengan kawasan Sungai Bakap, yang di mana YB. Timbalan Speaker kawasan anda juga terlibat bersama dalam Sungai Junjung ini dan Sungai Junjung ini sudah lama tidak dilakukan penyelenggaraan. Ini adalah penting dan dalam Pelan Induk Perparitan SPT, terdapat pelbagai cadangan-cadangan yang penting untuk menaik taraf termasuk Sungai Kilang Ubi yang telah membabitkan dua kampung iaitu Kampung Kijang dan juga Kampung Permatang Tok Subuh. Kedua-dua kampung ini adalah terletak di kawasan yang rendah dan perlu ada *bypass* atau parit lencongan serta parit yang baru untuk menangani masalah banjir. Maka saya juga mencadangkan agar kerajaan dapat memulakan Sungai Kilang Ubi supaya menaik taraf Sungai Kilang Ubi supaya masalah banjir dapat ditangani dengan lebih baik.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana akan memulakan kerja-kerja pembinaan Kolam Takungan Alma dalam bulan November ini. So Kolam Takungan Alma ini dijangka kita akan menangani isu banjir di kawasan Taman Impian dan sekitarnya. Dan juga kita harap pembinaan selepas pembinaan Kolam Takungan Alma ini, isu banjir kilat di kawasan yang di sekitar Taman Impian, Taman Sukun dapat ditangani dengan lebih baik lagi.

Dan juga satu cadangan yang penting untuk menangani banjir juga iaitu menaik taraf atau membina satu projek membina rumah pam di Sungai Junjung Mati. So ini adalah satu projek yang memang diperlukan untuk dilaksanakan supaya kawasan-kawasan yang banjir selalu mengalami banjir dapat ditangani. Ada orang tanya ini begitu banyak projek infrastruktur yang nak diadakan di seluruh negeri pulau ini hanya di Machang Bubok, di seluruh Negeri Pulau Pinang mungkin ada banyak lagi yang perlu membina projek-projek infrastruktur ini. Dan duit datang dari mana? Duit datang dari mana? Kerajaan ada sumber yang terhad atau peruntukan yang terhad tetapi macam mana nak melaksanakan kesemua projek-projek yang saya sebut tadi?

Maka kita saya cadangkan sekarang kita juga ada *Green Financing*. Ya, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan serta mengkaji tentang mendapatkan dana daripada *Green Sukuk* atau *Green Islamic Bond* yang boleh membantu kerajaan untuk menutup jurang atau kekurangan dana yang melaksanakan projek-projek infrastruktur yang lestari atau mesra alam sekitar.

YB. Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil satu membangkitkan satu perkara yang saya rasa amat serius di Negeri Pulau Pinang ini iaitu tentang isu *online scam* atau *Macau Scam* atau *phone scam*. Banyak *scam* sekarang. Dan ini saya ada bertanya kepada Kerajaan Negeri tentang dalam soalan bertulis saya yang ketiga di mana saya minta supaya Kerajaan Negeri senaraikan kes-kes telefon atau *online scam* yang berlaku sejak Januari 2020 sehingga sekarang mengikut bulan, daerah dan bilangan kes.

YB. Speaker, angka yang saya amat mengkejutkan saya iaitu di negeri Pulau Pinang sahaja untuk *telecommunication fraud* ini statistik yang telah diberikan dari Januari hingga Ogos 2020, *telecommunication fraud* jumlah kerugian yang dilaporkan adalah *eleven point seven three million (11.73juta)*. Ini hanya untuk Negeri Pulau Pinang saja *telecommunication fraud*, dan juga ada *e-finance fraud*. Juga sama daripada bulan Januari tahun ini sehingga Ogos ada 889,000 kerugian iaitu bilangan yang telah ditipu itu. Dan juga ada *love scam*. *Love scam* yang telah mencecah 2.6 juta kesemua *fraud* sampai jumlah itu begitu juta-juta.

Dan juga ada e-dagang yang juga ada *scam*. Juga ada 2.19 juta kerugian ini dan juga pinjaman yang tidak wujud juga ada 3.199 juta. So ini satu kerugian yang begitu besar dan ini adalah wang yang telah ditipu atau hilang. Ya, ada ramai mangsa-mangsa yang telah dikenakan *scam* seperti ini. Dan di Machang Bubok saya juga ada terima beberapa aduan tentang perkara ini. Dan perkara ini walaupun kita tengok ada macam di Macau Scam, baru-baru ini PDRM, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Timbalan Pengarah dia Datuk Mohd Kamarudin Md Din telah berkata sebanyak 2,471 tangkapan telah dibuat dan

1,747 pula dituduh di mahkamah. Menurut beliau, modus operandi sindiket ini masih sama iaitu membuat panggilan telefon yang berpusat di luar negara.

Kadangkala kita saya sendiri pun pernah mendengar panggilan daripada mahkamah kata saya ada kes mahkamah. *You* kena pergi bayar untuk menyelesaikan satu kes yang dikenakan tindakan mahkamah. Padahal saya tak ada apa-apa kes mahkamah tapi dia *call* juga dan ada yang menerima panggilan daripada menyamar sebagai pihak polis pun ada. Kata dia pun ada kes yang satu kes yang saya terima iaitu seorang warga emas dia menerima telefon daripada yang kata dia daripada pihak PDRM menyamarlah ini sudah jelas kata ini tipu. Dia kata anak dia sudah ditangkap oleh polis kerana disyaki kenderaan anak dia didapati ada menyimpan dadah. Dan warga emas itu begitu risau dan dia kata pihak polis itu kata boleh bantu dia untuk *settle* tapi dia kena bayar RM30,000. Masa itu dia tak ada RM30,000. Dia pergi bank. Dia pergi bank, bank dia hanya ada RM15,000 sahaja. Dia ada RM15,000 dia pun masuk RM15,000 kepada satu akaun yang telah diberikan oleh pihak yang melakukan *scam* itu. So ini kita boleh tengok ada banyak warga emas atau pesara yang telah hilang semua wang simpanan mereka kerana *online scam* ini.

Dan ini adalah statistik yang begitu membimbangkan dan kita memang harap jangan ada orang untuk terpedaya atau ditipu. Maka saya di sini saya ingin mencadangkan bahawa saya minta supaya Kerajaan Negeri saya faham ini adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi ini berlaku di negeri Pulau Pinang dan ramai juga mangsa-mangsa. Saya minta supaya perkara ini dibincangkan dalam Majlis Keselamatan Negeri dan yang penting perlu melibatkan Bank Negara Malaysia. Kenapa saya sebut macam ini? Kerana saya kita tahu bahawa orang-orang yang ditipu itu kadangkala dia adalah warga emas yang kurang berpendidikan tinggi dan maka sebenarnya bank-bank tersebut perlu juga berwaspada.

Saya ada beberapa cadangan supaya boleh dikaji oleh pihak yang berkuasa di mana pihak bank sekiranya ada seorang warga emas, ada seorang yang datang untuk membuat *transfer* wang yang dalam satu bilangan yang besar maka dia wajib untuk yang pegawai di bank itu wajib minta pemilik akaun untuk *phone* anak dia atau waris dia supaya memastikan bahawa wang yang besar itu sama ada betul-betul nak *transfer* kepada orang tersebut.

Dan saya juga sini ingin mencadangkan bahawa Bank Negara juga perlu mewajibkan semua bank melaksanakan perkara yang sedemikian di mana tambahan SOP untuk warga emas dan golongan yang berisiko tinggi.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao- Leung):**

Boleh minta pencelahan?

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Okey boleh Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao- Leung):**

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubok. Saya tertarik dengan isu *scam* yang telah pun dibawa oleh Machang Bubok. Saya sendiri sebelum ini pun kena satu *scam* seperti yang diberitahu di mana saya telah menerima satu *telephone call* maklumkan bahawa saya ada tindakan kes mahkamah terhadap saya. Jadi saya pun seorang peguam, saya pun tahu ini *scam* dan bila saya tanya banyak soalan yang dia tak boleh jawab dia terus *hang up*. Tetapi bukan ramai orang akan menjadi mangsa kepada scam seperti ini Machang Bubok.

Cuma saya nak tanya juga selain daripada *scam-scams* ini apa yang kita juga lihat hari ni adalah peningkatan kes *cyberbullying*. Tadi Yang Berhormat Machang Bubok ada kata bahawa perkara-perkara ini boleh dibawa kepada Majlis Keselamatan Negara untuk perbincangan negeri. Di kawasan saya Dato' Speaker, memang baru-baru ini pun ada seorang anak perempuan yang telah pun *committ suicide* disebabkan facebook ada seseorang lelaki itu telah pun *posted* satu *posting* yang saya kira sebagai *cyberbullying* yang telah pun memfitnahkan nama baik anak perempuan ini seorang India yang bernama

Thiviyanyagi sehingga beliau telah pun mengambil nyawa diri sendiri. *She committed suicide* dan keluarganya telah pun membuat laporan polis dan malangnya sehingga hari ni saya rasa ada tidak tahu sama ada ada apa tindakan yang telah pun diambil.

Jadi saya harap perkara ini juga nanti boleh dibawa kepada Kerajaan Negeri untuk dapat perhatian mereka untuk mendapat penjelasan daripada pihak PDRM juga dan mungkin MCMC supaya tindakan tegas diambil untuk dalam kes ini dan juga untuk melarang perkara-perkara ini daripada berulang lagi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Sikit. Sikit sahaja. Terima kasih rakan saya daripada kawasan Machang Bubuk dan juga hujah yang dikeluarkan oleh rakan saya daripada kawasan Bukit Tengah. Bukan saja *scammer* ini dia menyamar sebagai agensi-agensi yang berlainan seperti pihak Polis Diraja Malaysia yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang Bubuk tadi. Baru-baru ini juga terdapat satu kes di mana terdapat seorang lelaki. Kes ini berlaku di negeri Johor. Seorang lelaki yang menyamar sebagai pembantu kepada Ahli Parlimen MCA. Ada dua (2) kes yang telah dilaporkan di negeri Johor yang menyamar untuk membantu warga emas untuk memohon ini Skim Bantuan Prihatin. Tapi dengan cara dia cuba mencuri dia punya *account number* dan juga *password* dan berjaya juga menjalankan *scam*. Jadi saya rasa banyak agensi yang mungkin terlibat ada dalam *scam* ini dan sememangnya pihak berkuasa yang berkenaan perlu mengambil tindakan segera berhubung perkara ini.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Pengkalan Kota dan juga balik kepada Bukit Tengah. Saya rasa *cyberbullying* ini *is another very serious issue as well* yang perlu ditangani dengan baik kerana saya rasa perkara ini agak kompleks juga kerana siasatan itu pun susah dijalankan tapi kita kena minta supaya pihak polislah dapat membuat siasatan yang sebaik mungkin.

Tapi untuk apa yang disebutkan oleh Pengkalan Kota, iya betul kerana apa yang kita, kita selalu terima adalah mangsa tersebut telah mempunyai satu akaun atau satu maklumat atau orang itu kadang kala dia tak pernah jumpa orang itu, dia hanya melalui *phone* atau melalui internet atau emel pun kadang kala ada, *facebook*, *social media*, dia boleh, telah boleh memperdayakan mangsa tersebut untuk mengirim wang atau men-*transfer*-kan duit itu kepada akaun itu. Dan masalah dia sekarang adalah apabila waris kepada mangsa atau anak-anak mereka sudah tau tentang perkara itu adalah satu *scam*, mereka pergi ke bank untuk nak menghentikan transaksi itu, Bank Negara kata sudah tak boleh, sudah tak boleh *stop*, *even*, jika pergi cari itu penerima akaun, akaun penerima itu pun juga duit itu kadang kala sudah dikeluarkan, atau akaun tersebut adalah digunakan oleh sindiket-sindiket yang melakukan *scam* ini.

So, maka modus operandi ini, saya rasa pihak polis sangat faham tentang perkara ini. Dan saya rasa, bukan sekadar mengharap kepada pihak polis, bank negara sekiranya telah mengenalpasti ada penerima akaun seperti ini, maka mereka perlu ada merancang sesuatu strategi untuk menghalang tindakan penipuan melalui *scam* ini, ya untuk diteruskan. So, saya rasa Bank Negara dia sebenarnya, dia perlu mewajibkan supaya semua bank komersial ini, dia perlu melaksanakan SOP-SOP tersebut, misalnya tadi saya sebut bila ada seorang warga emas atau orang datang untuk *transfer* duit dalam bilangan yang besar, maka dia perlu lebih memberikan perhatian, tanya lebih soalan, nak hantar kepada siapa, siapa dia, bagi dia sedar, bagi mangsa itu sedar sebelum pergi membuat transaksi itu.

Dan juga, polis mewajibkan tindakan pembekuan akaun milik *scammer* serta-merta sejam selepas menerima laporan. Masalah sekarang adalah pihak polis menyatakan mereka tidak ada hak untuk membeku akaun-akaun orang, so, kecuali mendapat perintah daripada mahkamah. Dan sekiranya kita nak menjalankan proses pergi mahkamah untuk dapatkan perintah untuk bekukan akaun, saya rasa itu penjenayah atau penipu itu sudah ambil duit lari ke satu tempat yang tidak dapat dicarilah.

So, memang itu adalah satu prosedur yang begitu membebankan siasatan dan juga tangkapan ke atas perlaku kesalahan tersebut. So, dan juga ada cadangan bahawa kesemua pemilik akaun yang digunakan sebagai *scammer* untuk memindahkan wang dan membersihkan wang tersebut, dibekukan atau wang tersebut wajib dikembalikan kepada pemilik asal atau diganti. Ini adalah cadangan tapi saya rasa memang ada pihak yang berkuasa menyatakan perkara ini tidak dapat dilakukan. Bank sudah di... apabila sesuatu wang telah di-*transfer*, tidak dapat dikembalikan. So, ini kita perlukan Bank Negara untuk terlibat sekali untuk membincangkan macam mana kita nak mengatasi masalah tersebut. Seperti yang juga dalam jawapan, cara yang terbaik untuk menangani *scam* ini, adalah kesedaran orang awam. Jangan terpedaya, jangan tertipu dari *scam-scam* seperti ini.

YB. Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa DUN, Dewan Undangan Negeri ini adalah satu institusi untuk kita pertahankan demokrasi. *We can't let the Coronavirus affect our democracy*. Tibalah masa untuk kita perkasakan cabang perundangan atau Dewan Undangan Negeri kita. Dalam usaha kita menyeru orang *work from home*, kerja dari rumah, sebagai wakil rakyat atau *law makers* kita perlu memastikan bahawa sidang DUN itu pun boleh menyesuaikan diri dalam keadaan *new normal*. Maksudnya, kita tak semestinya perlu bermesyuarat di sini, kita boleh juga mengadakan mesyuarat secara *online* sekiranya COVID-19 ini telah meningkat secara mendadak dan COVID-19 tidak boleh dijadikan sebagai satu alasan untuk kita kurangkan hari mesyuarat atau tidak mengadakan sidang DUN. Dan sekiranya perlu, tadi kita juga ada banyak membincangkan tentang undang-undang yang sedia ada telah ketinggalan zaman. Semalam saya dikejutkan oleh Datok Keramat, undang-undang yang sedia ada hanya menghukum kontraktor yang *negligence* itu, RM35,000 untuk kematian ke atas yang telah menyebabkan sembilan (9) kematian. Perkara ini bermaksud undang-undang yang sedia ada sudah ketinggalan zaman dan juga tidak begitu relevan dengan keadaan semasa. Maka saya rasa. ...(gangguan).

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Machang Bubuk, ada lagi satu minit.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Adalah perlu. Saya nak habis. Adalah perlu untuk kita membincangkan perkara itu sekiranya perlu, kita perlu pinda undang-undang tersebut, saya sebagai ADUN di Dewan Undangan ini tujuh (7) tahun, saya, memang kita ada meluluskan, membahaskan Rang Undang-Undang yang baru tetapi pindaan undang-undang saya rasa saya tak pernah, ada berbincang di sini. Kurang, jika ada, mungkin nanti pihak EXCO boleh perbetulkan saya sekiranya ada. Tapi sebagai seorang ADUN, kita tanggungjawab adalah untuk meminda atau menggubal undang-undang sekiranya biasa undang-undang itu sudah tidak relevan atau tidak berpatutan, maka ia perlu ditukar.

Akhir kata, YB. Yang di-Pertua, *solidarity makes us strong*. Kita semua adalah bersama dalam COVID-19 ini. kita perlu terima bahawa dalam keadaan *new normal* dan kita tidak akan balik ke normal yang dulu. Tugas kita ini bukan sekadar lawan virus COVID-19 agar boleh balik kepada *business as usual*, kerana *business as usual* itu kadang kala itu pun bukan sesuatu perkara yang baik. Yang dulu mungkin pun tidak begitu baik, *business as usual*, kadang kala dia pun ada masalahnya. Disebalik kita melawan COVID-19 kita juga perlu ubah *mentality business as usual* kepada pembangunan yang lebih berperikemanusiaan dan juga selamat. Semangat solidariti itu perlu ditunjukkan dalam usaha berdepan dengan pandemik COVID-19. Kita perlu bersedia untuk lebih banyak *turbulence* dimasa akan datang dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua *frontliners* kerana merisikokan diri untuk berkhidmat kepada negara dan bangsa. Dengan ini saya menyokong. Sekian terima kasih.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Machang Bubuk. Seterusnya, Sungai Acheh.

### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

*Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.* Terima kasih buat Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan ingin saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan buat semua anggota barisan hadapan sepanjang tempoh memerangi pandemik COVID-19. Tidak kira sama ada ianya daripada Jabatan ataupun Agensi di peringkat Persekutuan, Negeri. Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan, NGO, pihak swasta dan individu yang turut sama dalam membantu penduduk di Negeri Pulau Pinang berdepan dengan pandemik COVID-19 ini. Jasa anda semua hanya mampu dibalas oleh Allah SWT.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, ingin saya gunakan peluang dalam sesi perbahasan kali ini untuk membahaskan berkaitan beberapa isu, perkara, terutamanya dalam bidang pertanian. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas Bajet sebanyak RM5.6 juta bagi bidang pertanian oleh Kerajaan Negeri dan sudah pastinya agihan ini melibatkan beberapa sektor pertanian.

Selain daripada tanaman vanilla, mungkin justifikasi bidang saya boleh berikan cadangan untuk memfokuskan kepada tanam hidroponik sama ada dalam bentuk tanaman sayuran, buah-buahan ataupun bunga hiasan yang boleh dilaksanakan di Pulau Pinang di mana kita semua sedia maklum bahawa Pulau Pinang menghadapi masalah keluasan tanah yang terhad. Peruntukan tersebut boleh diagihkan kepada beberapa projek perintis kepada individu yang berminat untuk terlibat dalam bentuk berskala komersial dengan mengkaji bentuk tanaman nilai tinggi dengan melibatkan Jabatan Pertanian, MARDI dan syarikat swasta yang berminat untuk membantu petani ataupun petani muda yang berminat dalam tanaman hidroponik ini. Kerjasama Kerajaan Negeri bersama Jabatan Pertanian dan MARDI boleh digunakan untuk membawa tanaman secara tradisional, yang secara dulu kepada tanaman secara hidroponik untuk menjadi tambahan pendapatan kepada golongan petani dan ianya juga boleh dipraktikkan kepada tanaman bandar.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan, ingin saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Perikanan yang masih mengekalkan pengeluaran sumber akuakultur negeri sebanyak 41.2%. Ianya telah menunjukkan pengeluaran akuakultur ini perlu diberi ruang tambahan untuk para nelayan, penternak akuakultur dan juga ikan hiasan. Saya mendapat jawapan bertulis daripada Yang Berhormat EXCO di mana berkaitan dengan pembinaan tukun serta unjam untuk pengumpulan, tempat pengumpulan ikan dan juga sotong tetapi belum ada data daerah yang akan diletakkan untuk sasaran tahun 2021 dan 2022 kerana ianya masih dalam peringkat perancangan untuk peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12 yang dipohon. Saya minta supaya kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang ini mendapat manfaat tersebut kerana ianya dibuktikan memberi pendapatan yang baik kepada nelayan. Sudah pastinya Sungai Acheh mempelawa untuk diletakkan tukun terutamanya unjam bagi tujuan tersebut. Bakal unjam yang diletakkan di Perairan Cangkat amat baik buat nelayan serta kaki pancing kerana ianya dapat menambahkan hasil pendapatan para nelayan itu sendiri bahkan ia boleh diperbanyakkan lagi dengan Kerajaan Negeri membuat penambahan peruntukan khusus untuk perkara ini pada tahun akan datang. Itu cadangan sayalah.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, ikan hiasan juga menjadi penyumbang pendapatan pengeluaran dalam bidang ini dengan pemain yang sedia da bahkan minat kepada perkara ini, telah melahirkan seorang usahawan muda baru terutamanya ikan laga iaitu Saudara Mohd Hafizi bin Osman, seorang anak muda di Sungai Acheh yang gigih masuk ke dalam bidang ini bermula asalnya daripada tanggungjawab menjaga bapa beliau yang sedang uzur hingga mengusahakan secara serius kerana kebetulan ia juga adalah minat beliau. Sikap tanggungjawab sebagai seorang anak dan juga minat dalam bidang ini, saya mencadangkan Kerajaan Negeri, untuk melihat industri ini yang diusahakan secara kecil-kecilan oleh anak muda ini, kearah lebih komersial dengan membantu peruntukan khas bukan sahaja kepada beliau tetapi juga kepada pengusaha-pengusaha yang sama di daerah lain di Pulau Pinang.



Yang Berhormat Yang di-Pertua, memahami kepada kekangan Pulau Pinang yang mempunyai kekangan daripada segi kekurangan tanah, industri perladangan dan hasil ternakan. Pulau Pinang perlu memberi fokus hasil perladangan yang nilai tinggi. *Low volume, high value...*(dengan izin) dan oleh kerana kekurangan tanah ini tidak sesuai untuk Pulau Pinang meneroka industri perladangan yang rendah pendapatan ataupun hasilnya, maka sarang burung Walid merupakan antara industri yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Jabatan. Tidak ada hasil industri perladangan yang mampu mencecah RM7,000 ke hingga ke RM8,000 satu masa, sekilogram melainkan sarang burung Walid. Walaupun sarang burung Walid ini bukan makanan harian akan tetapi kerana nilai komersial dan permintaan yang tinggi di luar negara termasuk dengan melahirkan usahawan-usahawan baru dengan melibatkan Bumiputera.

Industri sarang burung walit ini dan juga produk-produk hiliran daripada burung walit untuk di eksport supaya dapat menjadi penyumbang kepada pendapatan Kerajaan Negeri terutamanya dalam masa iklim ekonomi yang mencabar akibat penularan wabak COVID-19.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, kawasan Sungai Acheh ini adalah kawasan penanaman padi di Seberang Perai Selatan, namun para petani menghadapi masalah pengairan dan perkara ini juga dah beberapa kali saya telah bangkitkan sebelum-sebelum ini. Terutamanya sejak pembinaan projek naik taraf sistem perparitan yang dilaksanakan oleh IADA. Bahkan aduan mengenai kadar air masuk ke sawah padi juga cukup menjadi masalah sekarang jika dibandingkan dengan dahulu sebelum dinaik taraf dibuat. Saya pohon kajian semula dengan melibatkan wakil-wakil kelompok petani di Sungai Acheh supaya perkara ini dapat diatasi dengan segera. Saya mengesyorkan satu *task force* yang melibatkan jabatan, agensi dan pihak berkepentingan di kawasan sawah padi ini supaya satu (1) kaedah dapat dilaksanakan dengan segera. Faktor keselamatan juga menjadi perkara yang perlu dititikberatkan terutamanya jalan-jalan ladang yang perlu dilihat kembali untuk mengelakkan perkara tidak diingini berlaku pada masa akan datang.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih pada JPS dan juga pada MBSP serta pejabat tanah dan juga Daerah SPS yang sentiasa membantu menyelesaikan masalah tempoh hari. Runtuhan bersebelah astaka makanan di Ampang Jajar dan mereka telah mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah tersebut dan juga masalah banjir di Kawasan Parit Permatang Tok Mahat di bahagian belakang dekat kawasan kelapa sawit yang menghadapi masalah banjir kilat apabila hujan lebat.

Ucapan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tanjong Bunga. Telah mengambil serius isu yang dibangkitkan oleh saya sebelum ini. Mengenai isu banjir kilat di beberapa taman-taman lama dan pada waktu itu Yang Berhormat telah memberikan bahawa akan membuat satu (1) kajian dan hasil kajian tersebut satu (1) peruntukan khas telah dimaklumkan oleh pegawai MBSP yang bersama dengan saya yang akan memfokuskan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tambun tempoh hari di Taman Pekaka juga Taman Sepadan dan hasil daripada kajian tersebut bahkan akan dibina rumah pam baharu sebab nak tengok kapasiti kadar hujan tahunan. Jadi saya berharap apabila kajian tersebut telah siap. ...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Sungai Acheh, boleh mencelah sedikit, ini berkenaan dengan isu tadi yang dibawa oleh Sungai Acheh menyatakan bahawa terima kasih kepada usaha-usaha JPS dan agensi-agensi yang lain. Tapi khusus saya nak fokus kepada JPS ini sebab saya lihat memang tanggungjawab JPS ini berat dan kita pun melihat daripada pengumuman Yang Amat Berhormat Ketua Menteri projek yang diluluskan untuk tahun depan bagi Pulau Pinang JPS sahaja RM96 juta ringgit.

Sebelum ini saya memang ada berpeluang untuk juga bercakap dengan beberapa anggota JPS dan saya juga dimaklumkan bahawa mereka ada 17, kalau tak silap saya *engineer* dalam JPS yang kini mempunyai satu tanggungjawab yang besar untuk mengurus

dan mengawal isu-isu daripada padi, pengairan, *coastal protection*, kualiti air dan sebagainya cukup kompleks dan kebanyakannya ke semua *engineer-engineer* ini sekarang adalah pada Gred 41 dan manakala pada masa yang sama JKR kebanyakan *engineer-engineer* mereka adalah Gred 48, bersetuju tak Sungai Aceh kalau kita boleh kita bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk meningkatkan gred *engineer-engineer* daerah, daerah JPS ini daripada 41 mungkin kepada 48 setaraf dengan *engineer-engineer* seperti dalam JKR? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Terima kasih, sahabat saya daripada Bukit Tengah. Saya bersetuju dengan pandangan beliau dan mungkin perkara ini boleh dipertimbangkan di peringkat kerajaan kepada jabatan kepada JPS itu sendirilah. Saya sambung pada ucapan saya, termasuk di Kampung Transkrian untuk MBSP melaksanakan kajian satu (1) tahunan untuk sebelum pembinaan rumah pam di Parit Monsun bersebelahan antara Taman Pekaka dan juga Taman Sempadan. Saya berharap amat berharap selepas kajian tersebut pembinaan segera rumah pam tersebut dapat disejajarkan bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, merujuk kepada jawapan bertulis yang sama daripada Yang Berhormat Tanjong Bunga menyatakan tidak ada perancangan lagi untuk menaik taraf sistem perparitan di Kampung Sungai Chenaam. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, janji Yang Berhormat untuk mengadakan kajian terperinci bagi mengatasi masalah banjir di Kampung Sungai Chenaam tersebut. Saya yakin dan percaya kesungguhan Yang Berhormat Tanjong Bunga dan saya mohon satu (1) *task force* diwujudkan mungkin boleh dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat dan saya sanggup untuk bersama turut serta dalam *task force* tersebut bagi membincangkan isu di Sungai Chenaam ini. Perkara ini perlu disejajarkan memandangkan kediaman tersebut kebanyakannya 400 unit lebih adalah kawasan PPRT. Kawasan PPRT di sana dan kebanyakan mereka yang terdiri daripada latar belakang bekerja sebagai nelayan, petani, buruh dan juga pekerja kilang. Jadi saya berharap usaha ini dapat disejajarkan ke arah tersebut.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, penjaja kecil dan juga peniaga-peniaga di pasar malam cukup terkesan dengan pandemik COVID-19 ini. Sekarang ini memandangkan jumlah di Pulau Pinang yang meningkat tinggi walaupun kebanyakan daripada penjara perlu juga kita kuat kuasakan SOP bagi penjaja, peniaga serta pengunjung di pasar malam ini. Ada beberapa pasar malam yang mengambil langkah penutupan sementara kerana kebimbangan mereka terhadap penularan ini. Harus juga diingatkan ada di kalangan peniaga yang hanya ini sahaja sumber pendapatan mereka. Justeru saya mencadangkan operasi ataupun satu-satu pasar awam, pasar hari ataupun pasar malam ini dibuat pemantauan bersepadu antara PBT, PDRM dan KKM di semua kawasan-kawasan supaya mengambil tanggungjawab dalam mematuhi SOP ini. Sebab apabila penganjur pasar malam tersebut ataupun pasar hari tidak sanggup untuk iya lah samada kerenah pengunjungnya ataupun peniaga mereka mengambil keputusan untuk menutup pasar malam ataupun pasar hari ini dan ia memberi kesan kepada peniaga-peniaga kecil itu sendiri. Saya berharap pihak berkuasa dapat menjalankan pemantauan kepada semua tempat tumpuan awam ini dengan menasihati mereka dan jika ingkar juga teruskan menguatkuasakan undang-undang sama ada kepada penganjur, peniaga ataupun pengunjung. Supaya kita dapat memutuskan rantai COVID ini.

Dato' Yang di-Pertua. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Yang Berhormat Sungai Aceh tambahan sikit *point-point* ke atas pelaksanaan khususnya pasar-pasar tu. Sememangnya Yang Berhormat Sungai Aceh membawa isu yang pentinglah khususnya dari segi pematuan SOP khususnya ketika Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini dan sememangnya menjaga nasib dan juga pendapatan bagi golongan-golongan peniaga kecil ini memang kita patutlah berusaha untuk memulihkan

semula operasi pasar pagi ataupun pasar malam bagi membantu mereka untuk mendapatkan ataupun memulihkan sumber pendapatan mereka.

Tapi saya rasa mungkin dari segi pemantauan itu agak susah sikit sebab apabila kita berbicara tentang pematuhan pada SOP ini bagi sebagai contoh di Pasar Malam Gat Lebu Macallum. Pihak penganjur iaitu MPKK sendiri terpaksa perlu mengeluarkan kos yang lebih tinggi untuk memastikan SOP-SOP ini dapat dipatuhi lah. Jadi saya rasa mungkin pemantauan itu mungkin tak cukup tak memadai untuk memastikan SOP-SOP dapat dipatuhi di kawasan-kawasan ini. Tapi saya rasa ia juga mungkin mendatangkan beban dari segi kos operasinya sekiranya pematuhan SOP ini perlu dilaksanakan tapi memanglah sepatutnya kita perlu lihat agensi-agensi yang berkenaan untuk mencari satu (1) jalan penyelesaian yang sesuai untuk membantu para peniaga kecil ini untuk kembalikan pendapatan mereka.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Terima kasih Pengkalan Kota, saya minta masukkan dalam perbahasan saya dan inilah isu yang berbangkit di kawasan terutama di kawasan Sungai Aceh juga adalah berbangkit isu yang sama apabila peniaga-peniaga ini tiba-tiba *last minute* dapat arahan untuk pasar malam itu di tutup. Tetapi saya juga percaya kerana kebimbangan dan juga kos yang diuruskan oleh MPKK itu sendiri bebantuan kepada mereka sebab apabila mereka membuka satu-satu kawasan pasar hari ataupun pasar malam ataupun pasar pagi. Pengunjung-pengunjung yang sedia ada ini ada yang mengikut SOP yang telah ditetapkan bahkan ada juga yang ingkar bila nak bercakap macam dok katalah dia akan timbul apa ketegangan dekat kawasan tersebut. Bahkan ada juga peniaga yang berniaga di kawasan pasar malam yang berniaga barang permainan bila kita penganjur tidak bagi kanak-kanak masuk dia katakan bahawa dia meniaga alat mainan. Jadi macam mana kalau kata anak-anak nak masuk tak boleh nak tengok apa nama barang-barang mainan. Sebab itu tarikan untuk kanak-kanak, jadi ini semua dia melibat antara satu sama lain jadi saya rasakan mungkin kaedah ataupun cara penyelesaian yang boleh dilihat oleh agensi ataupun badan-badan yang berkaitan tetapi yang paling penting sekali yang saya khususkan bahawa pemantauan yang melibatkan tentang kegagalan mengikut SOP contohnya keluar di tempat awam tidak pakai *mask* dan lain-lain lagi. Jadi ini yang perlu ditekankan kerana kalau kita masuk dalam kedai yang bertutup kita kena *scan MySejahtera* nya kita masuk kena dengan *mask* dan ada kedai-kedai yang patuh SOP sekarang ini yang ada sekian-sekian pelanggan di tak benarkan pelanggan-pelanggan yang lain masuk. Tetapi kalau kata di pasar malam ni masuk ramai tak ada pengawalan langsung, ini yang berlaku kat bawah ni jadi saya harap perkara ini dapat dilihat secara lebih. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Sungai Aceh sikit sikit.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Okey, okey.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Memang saya tertariklah dengan hujahan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Sungai Aceh tentang pematuhan ketat kepada SOP-SOP yang ditetapkan khususnya oleh Kementerian Kesihatan. Tadi Yang Berhormat mengeluarkan hujah ini jadi saya menganggap Yang Berhormat daripada Sungai Aceh bersetujulah supaya tindakan juga diambil terhadap menteri-menteri yang gagal untuk mematuhi SOP yang ditetapkan, balik dari luar negara tanpa menjalankan kuarantin dan akhirnya rakyat terpaksa mengharungi sengsara yang dibawa oleh pandemik COVID-19 ini.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Pandai Pengkalan Kota menjolok ni. Dia isu menteri ni saya tengok daripada hari pertama sampai hari ini masih dok berbangkit. Biarlah di peringkat penguatkuasaan ataupun agensi yang terlibat bahkan kalau kita tengok daripada laporan media pun PDRM telah menjalankan siasatan dan menyerahkan laporan siasatan pun. Jadi tak perlu kita bincang kat sini pun...(gangguan), saya fokus kepada peniaga-peniaga yang berada di pasar malam dan pasar hari yang ini sahaja pendapatan mereka. Saya membawa isu rakyat, saya membawa isu di bawah yang di mana ini yang berlaku di bawah iaitu masalah peniaga-peniaga kecil pasar malam... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Bukan-bukan, saya cuma minta pandangan Yang Berhormat Sungai Aceh setuju. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Saya dah bagi tahu dah tadi, pandangan saya iaitu serahkan pada pihak berkuasa. Biar pihak berkuasa mengambil tindakan ataupun apa-apa sahaja keputusan yang telah ditetapkan itu jelas tiada dakwa dakwi lagi dah.

Jadi saya teruskan Yang Berhormat Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan perkhabaran pelantikan Yang Berhormat Dato' Sr Kuvenaraju a/l Pachappen dalam pentadbiran selaku *Non Executive Director*...(dengan izin) dengan bayaran fungsi khas sebanyak RM47,600.00 sebulan dan elaun bulanan *Non Executive Director* sebanyak RM1,000.00 dan juga elaun mesyuarat sebanyak RM300.00 di dalam PBA Pulau Pinang dan kuasa-kuasa yang ada mungkin daripada segi nilai ini saya rasa mungkin keperluan dalam seruan Kerajaan Negeri, penjimatan yang dilaungkan oleh Kerajaan Negeri. Ia mungkin akan menjadi bebanan kepada PBA itu sendiri. Jadi apa nama, saya rasa apa nama di dalam PBA sekarang ini adalah Syarikat Air Kerajaan Negeri yang kos-kos pengurusan ini saya mengharap supaya dilihat kembali dalam keadaan sekarang ini kalau kita dengar kata sekiranya untuk kita naikkan atau pun selenggara balik, atau pun naik taraf sistem-sistem. Kita terpaksa menilai balik tarif-tarif air ini, dan saya rasa mungkin di peringkat pengurusan juga kita dapat lihat balik supaya. Saya tak tahulah satu bayaran fungsi khas sebanyak RM47,600 ini adalah munasabah atau pun tidak.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mohon mencelah. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Sungai Aceh berkaitan dengan pelantikan YBhg. Dato' Sr Kuvenaraju sebagai Pengarah Bukan Eksekutif PBA Pulau Pinang. Saya ingin mendapatkan penjelasan mungkin daripada pihak Kerajaan Negeri, pihak Padang Kota nanti. Apa rasional keperluan untuk kita melantik YBhg. Dato' Sr. Kuvenaraju sebagai Pengarah Bukan Eksekutif yang tugasnya cukup besar, tugasnya untuk memperkukuhkan pentadbiran, mengukuhkan struktur kawalan dalaman, perancangan penggantian, menyelia seksyen-seksyen, ada tujuh (7) seksyen yang dia selia.

Sedangkan saya tengok Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), setakat yang saya tengok dalam keterangan audit dan sebagainya, merupakan satu GLC yang begitu kuat dan mantap. Yang mampu menguruskan pengurusan air dengan baik selama ini. Tidak ada masalah catuan dan sebagainya. Dan pentadbiran PBAPP pun saya rasa dah cukup cantik, dah cukup baik. Kita sebagai *board* mungkin boleh membantu, memberi pandangan, menyusun strategi di peringkat *board*. Dan saya rasa tak perlu untuk kita wujudkan satu (1) jawatan atau pun pengarah bukan eksekutif yang begitu banyak fungsinya yang kadang-kadang mengganggu tugas-tugas CEO, pada pandangan sayalah. Dia ada *meeting* dan sebagainya. Mungkin tugas itu boleh diberi kepada *board* untuk mengawasinya. *Okay, you awasi pentadbiran, you awasi kawalan dalaman, you awasi struktur lain dan sebagainya. Boleh diagihkan di kalangan board yang banyak ini.*

Jadi minta penjelasannya lah, apakah rasional keperluan ini yang memberi satu kesan yang tidak baik yang mungkin kepada CEO. CEO dok ada, ada orang lain lagi. Jadi, menjejaskan reputasi dia sebagai CEO. Itu pandangan saya, saya minta penjelasan, RM47,600.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

RM46,000. Saya minta untuk dimasukkan juga dalam ucapan saya. Cuma itulah, persoalan saya. Itu bayaran sebanyak RM47,600 sebulan dan juga elaun bulanan sebagai *Non-Executive Director* sebanyak RM1,000 dan lain-lain. Itu sahaja yang menjadikan persoalan kepada saya, kerana ia mungkin menjadi bebanan kepada PBAPP itu sendiri.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang sebelum sini saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini berkaitan dengan masalah kera, masalah beruk dan saya juga bangkitkan masalah babi hutan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) sebelum-sebelum ini, di mana ia menjadi masalah kepada DUN-DUN lain. Saya tengok Ketua Pembangkang pun semalam berucap benda yang sama, Permatang Berangan dan juga beberapa ADUN lain, di mana ianya tidak dapat diselesaikan tambah masalah di Kawasan Sungai Aceh ini, dia masalah dia babi hutan itu duduk di DUN Jawi, yang langgar itu orang Sungai Aceh. Lepas itu, itu yang saya juga berucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Jawi yang hubungi saya tanya macam mana kaedah yang saya pakai. Saya buat perangkap, cuma masalah ini kita kena lihat secara serius sebab dia melibatkan nyawa dan juga keselamatan itu sendiri. Jadi saya harapkan isu babi dan juga isu babi hutan dan juga beruk ini kita pandang serius, kerana dia dah tambah, beruk sekarang ini berani. ...(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih, minta masuk pencelahan. Terima kasih Sungai Aceh. Memang isu babi hutan dekat Jalan Teluk Ipil memang adalah satu (1) masalah yang membawa sakit kepala kepada DUN Sungai Aceh disebabkan kebanyakan orang daripada Tanjung Berembang merentasi jambatan tersebut dan selalu langgar, tetapi untuk makluman semua, saya telah membuat tiga (3) perangkap babi hutan dan mulai, *I think since January....*(dengan izin). So saya rasa telah tangkap lebih daripada lima (5), enam (6) ekor dan saya serahkan kepada Jabatan Perhilitan untuk uruskan. Dan kemungkinan kebelakangan ini memang dah kuranglah, kemungkinan masa perayaan Aidilfitri mungkin ada orang-orang kampung main meracun. Ada bunyi ataupun babi hutan itu memang dia dah pandai apabila lihat perangkap itu dia takkan masuk. Jadi kita pun harap Jabatan Perhilitan membantu atas perkara ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Terima kasih kepada ADUN Jawi. Itulah kebimbangan di Kawasan saya sendiri, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Kalau kita tengok di Sungai Aceh ini, pukul 1:30 tengah hari dekat Taman Pekaka, dia boleh masuk duduk dekat taman itu. Dia tak peduli dengan orang langsung. Jadi ini masalah-masalah dia, di Taman Harapan itu, di belakang dengan Astaka Restoran Pak Omar itu dia *relax* sahaja, dia jumpa orang pun tak takut. Jadi mungkin kita perlu lihat secara serius perkara ini sebab dia telah melibatkan nyawa dan keselamatan terutanya penunggang-penunggang motosikal dan kalau kes di Jawi ini, yang langgar ini banyak duduk di Sungai Aceh. Itu masalahnya.

Jadi justeru itu, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan, sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan di atas dan juga pasukan bola sepak Pulau Pinang di atas kemenangan yang cemerlang, yang membawa kemajuan, kejayaan dalam pasukan bola sepak Pulau Pinang, mengharumkan nama Negeri Pulau Pinang. Terima kasih juga kepada semua yang bertugas di barisan hadapan, semua ketua-ketua jabatan, agensi, pegawai-pegawai yang masih bekerjasama, selaku saya ADUN pembangkang, walaupun sehingga sekarang ini saya masih belum mengumumkan parti mana. Jadi saya ucapkan

terima kasih semua. Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta penjelasan sebelum duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Ya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Belum masuk mana-mana parti lagi, tapi saya nampak Yang Berhormat sudah pergi ke Putrajaya jumpa dengan Perdana Menteri. Saya ada satu (1) soalan sahaja, saya tanya ramai. Mereka tak mahu jawab, Ketua Pembangkang tak mahu jawab, Seberang Jaya tak mahu jawab, Telok Bahang tak mahu jawab. Berapa peruntukan yang dapat daripada Perdana Menteri untuk ADUN-ADUN Pembangkang di Pulau Pinang? Kami pun nak *share* untuk kami lah, bagi untuk ADUN di Negeri Pulau Pinang juga. Boleh jawab?

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Tak apalah itu untuk Sungai Aceh, kita akan serahkan kepada Sungai Aceh sahajalah. Terima kasih.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Sungai Aceh, seterusnya Telok Ayer Tawar.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):**

*Bismillahirrahmanirrahim*, terima kasih kepada YB. Timbalan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya hormati sekalian.

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T dan terima kasih kepada YB. Timbalan Yang di-Pertua kerana Telok Ayer Tawar diberi peluang membahaskan Bajet Negeri Pulau Pinang 2021. Tahniah juga kepada Ketua Menteri Pulau Pinang yang telah membentangkan *budget surplus*....(dengan izin) berjumlah RM909,824,959 sahaja yang bertemakan 'Transformasi Pemulihan Dan Ketahanan Ekonomi Ke Arah Dimensi Baharu Terbilang', ke arah merealisasikan Visi Penang2030 dengan 4 strategi utama. Iaitu, Menggalakkan pelaburan dan meningkatkan produktiviti pemacu pertumbuhan ekonomi, Membangunkan infrastruktur dan komuniti digital ke arah ketahanan mampan. Memperkukuh dan mensejahtera kualiti hidup rakyat, Memperkasa peranan dan bakat modal insan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, di kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syukur kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana telah berjaya membawa Negeri Pulau Pinang terus maju ke hadapan dengan lebih cemerlang sebagai antara salah satu (1) negeri peneraju ekonomi Malaysia sekali gus menjadi modal atau pun menjadi model serta contoh kepada negeri-negeri lain. Pertumbuhan ekonomi yang rancak dan kukuh, selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat daripada penularan wabak COVID-19, pembangunan negeri yang mampan serta pentadbiran yang telus, amanah dan berintegriti akan menjadikan Negeri Pulau Pinang terus mengorak langkah menuju satu (1) gagasan 'A Family-Focused Green and Smart State That Inspires The Nation'....(dengan izin) menjelang tahun 2030. Berkat semua usaha pihak khususnya barisan kepimpinan negeri yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang bijaksana, kakitangan kerajaan yang sentiasa bekerja kuat untuk melontarkan idea-idea yang bernas merupakan aset dan faktor yang penting untuk membawa Pulau Pinang merealisasikan impian dan matlamat seperti yang dirancangan.

Untuk rekod, pertumbuhan ekonomi yang telah diumumkan oleh Bank Negara Malaysia, unjuran KDNK Malaysia bagi tahun 2020 dianggarkan antara negatif 2% sehingga 0.05 peratus berbanding pertumbuhan pada 4.3% pada tahun lalu, kesan daripada penularan wabak COVID-19 ke atas pelaburan asing. Komoditi dan juga pelancongan selain daripada kejutan domestik susulan Perintah Kawalan Pergerakan, Bank Negara Malaysia juga menjangkakan pertumbuhan ekonomi domestik meningkat semula sebelum akhir tahun ini. Dan seterusnya pada tahun 2021, apabila risiko daripada pandemik itu reda, sejajar dengan pemulihan dalam ekonomi global.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana meluluskan peruntukan membina Robina Eco-Park yang telah dirasmikan pada 25 Julai 2020 yang lalu. Telah menjadikan salah satu (1) tarikan pelancong dan keluarga untuk beriadah serta menepati sasaran Kerajaan Negeri yang ingin menjadikan 'A Family Focused Green and Smart State That Inspires The Nation'....(dengan izin) pada tahun 2030.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, mengupayakan keberhasilan pertanian. Sektor pertanian hanya diperuntukkan RM5.6 juta daripada keseluruhan perbelanjaan bajet yang telah dibentangkan. Kita seharusnya menghargai golongan para petani, pesawah dan pekebun kecil. Mereka ini hidup di dalam keadaan cukup miskin, sekiranya mereka hanya bergantung kepada hasil pendapatan semata-mata. Hasil daripada kebun mereka, purata pendapatan mereka adalah RM1,000 sebulan sahaja. Tanpa basah peluh mereka, nescaya kita semua akan kebuluran. Selepas perut kita kenyang, kita terus melupakan usaha jernih mereka. Kita hanya mengingati golongan petani, pesawah dan pekebun bila harga tiba-tiba naik mendadak dan jualan beras dicatu. Tetapi, di waktu kita mengagihkan kenaikan gaji, pengumuman bonus, peruntukan dan dividen serta komisyen, mereka langsung tidak menikmati apa-apa imbuhan.

Menjana hasil melalui guna tanah yang optimum. Saya menyokong cadangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil negeri melalui hartanah yang dimiliki, usaha yang sedang diambil untuk mengkelaskan semula tanah-tanah desa yang telah dibangunkan menjadi bandar di seluruh Pulau Pinang yang mana hasil yang dijangkakan sebanyak RM56 juta selepas pelaksanaan program ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pemberdayaan generasi muda. Persoalan yang sering diajukan anak muda di luar bandar adalah bagaimana mereka hendak memiliki kediaman sendiri untuk membeli sesuatu aset kerana mereka tidak mempunyai kelayakan kewangan. Ini adalah kerana, kebanyakan mereka hanya bekerja mengambil upah, atau bekerja sendiri dan generasi muda luar bandar mesti diperkasakan dengan memberi lebih banyak peluang mencari pendapatan. Terutamanya anak muda di dalam DUN Telok Ayer Tawar. Saya menerima baik dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang akan membantu golongan yang menghadapi masalah pembiayaan terutama golongan muda di luar bandar untuk memiliki rumah mampu milik dengan menyasar penyediaan 22,000 unit sewa beli yang telah dipohon secara rasmi pembinaan Program Perumahan Rakyat atau pun PPR melalui Rancangan Malaysia Ke-12.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, prasarana rekreasi. Telok Ayer Tawar ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang telah memperuntukkan sebanyak RM2.0 juta bagi pembangunan Robina Eco Park Fasa Dua (2) antara lokasi tarikan pelancongan terbaru di Seberang Perai, terutamanya di dalam DUN Telok Ayer Tawar. Untuk pengetahuan Ahli Dewan, antara yang menarik menanti pengunjung ke Robina Eco Park adalah pengunjung bukan sahaja dapat beriadah, tetapi pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang juga ada menempatkan sebanyak lima (5) jenis pondok ataupun kita kenali sebagai 'Little Library' khas untuk kanak-kanak yang mana bersesuaian dengan saranan Kerajaan Negeri ingin menjadikan 'A Family Focused Green and Smart State That Inspires The Nation'.....(dengan izin) pada tahun 2030.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Program Keusahawanan Wanita. Program Wanita Penjana Rezeki antara program yang telah berjaya melibatkan 31 orang usahawan wanita dengan telah mengetengahkan 65 produk hasil perusahaan masing-masing. Oleh itu, program ini seharusnya diteruskan lagi di masa-masa yang akan datang kerana program seumpama ini dapat melahirkan lebih banyak golongan wanita yang mampu berdikari dan mampu menyumbang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Cukup besar keistimewaan seorang usahawan, pastinya Baginda Nabi Muhammad S.A.W melihat peranan yang cukup besar dan hebat oleh usahawan. Fokus untuk menjadi negeri mempunyai ramai usahawan wanita begitu tepat bagi menyelesaikan separuh isu masalah wanita berkaitan pekerjaan dan pengangguran. Seorang usahawan kecil paling minima akan mempunyai seorang pembantu. Maksudnya, usahawan akan mencipta perniagaan. Sebab itu, ungkapan 'sembilan (9) daripada 10 punca rezeki datang daripada perniagaan'. Ini cukup popular, ini cukup tepat sekali. Kerana punca ekonomi individu akan banyak bergantung harap dengan perniagaan yang dijalankan. Peluang dan ruang lebih terbuka dengan panduan daripada pelbagai agensi yang sedia ada juga boleh menubuhkan agensi baru untuk pembangunan khusus bagi usahawan. Kita tidak mahu lagi mendengar para usahawan terpaksa bertarung dengan kelompok elit usahawan yang ada kaitan dengan pemimpin negara dan negeri.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, pada tahun 2021 nanti akan menjadi satu (1) tahun yang mencabar untuk kita semua, memandangkan keadaan ekonomi negara dan dunia yang tidak menentu. Semoga Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2021 ini akan membawa manfaat kepada keseluruhan rakyat di Negeri Pulau Pinang dan membolehkan Negeri Pulau Pinang terus maju di hadapan dengan lebih cemerlang lagi. Saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan, agensi kerajaan dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri yang telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang. Dan saya ingin menegaskan bahawa wang yang dibelanjakan ini adalah wang rakyat. Setiap ringgit dan sen yang dibelanjakan mesti sampai kepada rakyat. Marilah kita bersama berdoa supaya kita dijauhkan daripada wabak COVID-19 ini dan menjadikan Pulau Pinang bebas dari wabak Covid-19 dan menjadikan sebuah negeri '*baldatun toyyibatun wa rabbun ghafur*'. Yakni sebuah negeri yang baik dan aman, saya juga memohon kepada Allah S.W.T agar kita semua dijadikan, diberikan petunjuk dan hidayah, kekuatan dan kesetiaan untuk melaksanakan keadilan kepada semua.

Saya akhiri ucapan ini dengan menyokong Belanjawan Negeri Pulau Pinang 2021 yang bertemakan "**Transformasi Pemulihan dan Ketahanan Ekonomi ke Arah Dimensi Baharu Terbilang**". Sekian, terima kasih.

#### **YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Telok Ayer Tawar. Seterusnya Pulau Tikus.

#### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya membahas Rang Undang-undang Pembekalan 2021 dan Usul Anggaran Pembangunan 2021. Tahun ini adalah sebuah tahun yang mempunyai cabaran yang tidak pernah dirasai dalam generasi kami.

Pandemik COVID-19 bukan sahaja telah membawa penderitaan dari segi kesihatan, tapi dari segi ekonomi juga. Oleh itu, saya amat berterima kasih kepada YAB. Ketua Menteri yang telah membentangkan satu (1) belanjawan yang amat prihatin terhadap rakyat Pulau Pinang. Perkataan prihatin ini adalah satu perkataan yang jujur dan bukan satu topeng untuk menutupi agenda merampas kuasa secara paksa dan tidak menghormati mandat rakyat pada PRU ke-14. Ada orang tadi kata gila kuasa tapi walaupun kalah PRU, nak masuk kerajaan secara paksa juga. Siapa yang gila kuasa? Politik adalah sesuatu institusi yang amat penting..(gangguan).



## YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Telok Ayer Tawar, tolong tutup *mic*.

## Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Politik adalah sesuatu institusi yang amat penting dalam hati rakyat Pulau Pinang. *Penangites will not take nonsense and will punish who those will betray the trust....*(dengan izin). Kita semua ADUN Pakatan Harapan akan memastikan mandat rakyat akan dipeliharakan dan tidak akan dikhianati. **(Ahli Dewan menepuk meja)**. Rakyat Pulau Pinang boleh lega dan tahu bahawa kita akan mempertahankan Kerajaan Negeri kita dari jatuh ke tangan mereka.

Dato' Yang di-Pertua, Pulau Pinang amat memerlukan infrastruktur yang akan membawa negeri tercinta kita ke masa depan yang cerah. Projek Gurney Wharf yang telah menyelamatkan Gurney Drive yang hampir dimusnahkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dah hampir siap. Saya juga ingin memohon Kerajaan Negeri untuk mepercepatkan projek ini secepat mungkin. Projek Gurney Wharf ini boleh dijadikan *benchmark* untuk projek tambahan yang lain. Oleh itu, projek ini mesti menunjukkan bahawa penambahan laut boleh dijalankan dengan sempurna. Saya juga ingin memohon bahawa semua perancangan untuk projek Gurney Wharf boleh menambahkan kawasan hijau sebanyak mungkin khususnya di kawasan di depan Persiaran Gurney yang sedia ada.

Saya juga harap Kerajaan Negeri akan mempercepatkan kelulusan garis panduan pematuhan senarai semak *audit accessibility* berdasarkan reka bentuk sejagat bagi kemajuan di Pulau Pinang. Garis panduan ini adalah penting dan perlu dikuatkuasakan di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Pulau Pinang. Garis panduan ini telah diluluskan dalam Jawatankuasa Penang Accessibility Action Group ataupun PAAG yang kini dipengerusikan oleh saya. Kalau kita masih lambat dalam kelulusan, dan dalam pelaksanaan garis panduan, saya rasa akan ada banyak lagi yang akan membina kemudahan-kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) yang salah. Kita semua mesti faham aksesibiliti sejagat atau *universal accessibility....*(dengan izin) bukan sahaja untuk saudara saudari kita yang kurang upaya tetapi untuk semua warga emas ataupun wanita yang mengandung akan memerlukan aksesibiliti sejagat. *That is why you don't call it OKU accessibility, you call it universal accessibility....*(dengan izin).

Tadi saya hendak mencelah perbahasan YB. Heng Lee Lee, tetapi saya rasa lebih baik bagi ruang untuk YB. Heng Lee Lee untuk menghabiskan pendirian beliau dulu. Saya amat setuju dengan pendirian beliau bahawa fasiliti untuk wanita mengandung mesti ada juga. Dan itu adalah dalam *universal accessibility*. Aksesibiliti untuk semua, *universal accessibility* maksudnya semua boleh akses satu tempat.

Dato' Yang di-Pertua, Negeri Pulau Pinang ada perkhidmatan internet yang bagus, tapi banyak tempat khususnya *landed property* yang lama masih tidak dapat perkhidmatan *fiber optic*, untuk mendapat perkhidmatan internet yang paling pantas. Ini akan melambatkan kehendak kita untuk memajukan negeri tercinta kita kerana internet pantas amat penting untuk kemajuan. Saya harap semua pihak akan menyokong, saya juga harap semua pihak akan menyokong kemasukan pesakit-pesakit hospital yang warga asing juga, yang telah menjalankan kuarantin dan lain-lain SOP untuk mendapat rawatan di Pulau Pinang atas sebab kemanusiaan juga. Kerana ada banyak kes warga asing di negara asal mereka tidak ada fasiliti. Tapi saya mesti menegaskan bahawa kesihatan warganegara Malaysia adalah keutamaan. *Okay, we prioritize Malaysian health first, but we can slowly I hope....*(dengan izin), *I hope that we can slowly open up for those for national who are really in need.*

Saya juga berharap supaya Kerajaan Negeri akan menggalakkan pembinaan lebih banyak *co-working spaces* kerana ini mungkin adalah konsep untuk pejabat masa hadapan, ada kemungkinan besar pada masa hadapan konsep pejabat besar akan pupus dan semua akan kerja di rumah, atau kawasan *co-working space* kerana memerlukan kemudahan pejabat dari masa ke semasa. Kerajaan Negeri boleh menggalakkan pemilik bangunan-bangunan lama,

komersial untuk menubuhkan *co-working spaces*, untuk menyediakan negeri tercinta kita, untuk perkembangan masa depan.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan juga kerana prihatin terhadap rakyat Pulau Pinang dengan menjaga keselamatan melalui pemasangan CCTV di seluruh Negeri Pulau Pinang. Khususnya di kawasan *hot spot* jenayah, pembuangan sampah haram dan di jalan-jalan yang mempunyai aliran trafik yang tinggi. Saya mohon lebih banyak akan dipasangkan khususnya di kawasan yang sering ada kemalangan. Saya harapkan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri akan memperketatkan undang-undang sedia ada ataupun menubuhkan undang-undang baru untuk penguatkuasaan terhadap bukti yang diperolehi melalui CCTV demi keselamatan rakyat Pulau Pinang. Saya juga ingin menegaskan satu *point*. Walaupun kita akan menyokong Pihak Berkuasa Tempatan-Pihak Berkuasa Tempatan kita, untuk penguatkuasaan terhadap penjaja-penjaja tanpa lesen dan pendaftaran juga, sekarang saya juga ingin menegaskan bahawa isu penjaja tanpa lesen dan pendaftaran masih merupakan satu-satunya isu yang diwarisi daripada kegagalan dasar-dasar kerajaan dulu. Tapi sekarang kita mesti cari penyelesaian khususnya pada masa ini apabila COVID-19 telah menekankan sara hidup semua orang. *Everybody is facing a hard time to make a living, this is the time that we have to go forward and try to find other options for them....*(dengan izin). Saya juga faham akan kesusahan rakyat jelata pada masa ini dan mengharapakan Kerajaan Negeri dapat menolong mereka untuk mencari makan jugalah. Mungkin dengan membina lebih banyak astaka makanan atau memperbesarkan kompleks pasar untuk memberi lebih ruang kepada penjaja.

Rancangan seperti NCER, *Enforcement Programme* yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri juga adalah satu (1) alternatif bagi semua di mana yang dekat luar sana. Sekarang pada masa ini banyak orang susah, kita sebagai pemimpin-pemimpin negeri mesti faham dan cuba cara penyelesaian. Tadi saya pun dapat satu (1) *whatsapp* baru lagi, penjaja dapat notis penguatkuasaan. Oleh itu, saya rasa pada masa ini kita mesti cari penyelesaian, dan bukan sahaja penguatkuasaan. Saya juga mengharapakan jabatan-jabatan utiliti dapat menyelaraskan masa pembaikan atau penyelenggaraan mereka, rakyat Pulau Pinang memang penat dengan penggalian apabila satu (1) jabatan utiliti hendak membaiki atau menambah baik sesuatu, lepas penurapan, selepas habis kerja, beberapa minggu kemudian gali lagi oleh jabatan yang lain. Ini akan memastikan rakyat kita sentiasa tidak rata lah. So oleh itu saya rasa bukan sahaja dari pihak Kerajaan Negeri, tetapi dengan pihak Kerajaan Persekutuan juga boleh bekerjasama untuk menyelaraskan kerja-kerja utiliti. Kita boleh keluar boleh nampak dah *you know utility* yang kurang berkomunikasi di antara satu sama lain beri kita masalah ini sudah tibalah masa kita ambil langkah ke masa depan yang lebih *worst to worst to organize...*(dengan izin).

Dato' Yang di-Pertua. Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang atau *Penang Transport Master Plan* (PTMP) ini adalah sesuatu yang saya sudah bercakap sejak hari pertama saya berada di dalam Dewan Undangan Negeri, Dewan yang mulia ini. Saya berharap PTMP akan dilaksanakan secepat mungkin. Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa saya tidak mahu Pulau Pinang menjadi sebuah muzium yang hanya bangga dengan masa silam kita ataupun sebuah tanah taman permainan hanya untuk orang kaya. Saya mahu melihat sebuah Negeri Pulau Pinang yang maju untuk semua bukan untuk kita sahaja bukan untuk ibu bapa kita tetapi untuk anak-anak kita. Masyarakat maju Penang2030 perlukan infrastruktur masa depan seperti dalam PTMP. *No more delays*.

Dato' Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Seri Delima berucap semalam saya amat tertarik dengan konsep *Penang Arts Council* dia, sebagai seorang juga yang meminati *art* dulu pernah jadi seorang pelakon dalam *Actors Studio* dan *Penang Arts Council* yang dulu pun ada saya pun pernah buat persembahan di Dewan Seri Pinang di sini. Oleh itu saya amat tertarik dengan konsep ini. Berlakon dan bernyanyi, dua-dua pun ada haha menari pun ada pernah tapi yang penting ialah mengapa saya bangkitkan isu ini sekali lagi kerana banyak orang yang meminati seni, kesenian-kesenian persembahan semua tak ada *platform* dan lama

mereka juga meminta daripada banyak-banyak jabatan-jabatan *you know* tetapi masih tidak diambil serius.

Saya rasa untuk masa depan bagi orang yang meminati kesenian ini kita mesti mengambil serius dan menyokong penubuhan *Penang Arts Council* ini...(dengan izin). *This is not just for myself and I ask to us this is fact that we want Penang economy to also in cooperate the art, not only as a show but also to make a profit and keep it running and make it self-sustaining...*(dengan izin). Ini paling penting sebab dulu bila saya berlakun memang macam demi kerana saya minat sahaja, tak ada cara untuk dapat wang. Bila pergi ke Kuala Lumpur untuk buat persembahan kena tidur di atas lantai di rumah kawan. Itulah kehidupan seorang artis. Adakah ini masih akan berterusan? Kalau ini berterusan maksudnya artis-artis, bakat-bakat muda kita akan ke luar negara sahaja. Kena cari makanlah kalau tak dapat cari di sini pergi ke luar negaralah. Siapa yang untung, negara-negara macam UK, US dan Australia yang ada persembahan tiap-tiap hari, tiap-tiap malam. Bila saya pergi ke negara macam UK kat West Ham sana ada persembahan Aladdinlah, semua tiap-tiap hari, tiap-tiap malam ada persembahan tapi apabila kita buat persembahan di sini, *all the time it is just for a festival...*(dengan izin), *or it just for a one Show over a weekend why because is not self-sustaining*, dia tak boleh, *he cannot continue on his own, cannot survive on his own....*(dengan izin) oleh itu saya minta Kerajaan Negeri mengambil serius kerana artis-artis kita tak boleh bertahan lama jika tidak ada sokongan....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Pulau Tikus minta laluan. Sebenarnya Dewan Undangan kali ini kita nampak banyak juga rakan-rakan ADUN yang berjiwa seni, Seri Delima, kita ada YB. Tanjong Bunga dan juga daripada Pulau Tikus. So sebenarnya saya setuju dengan pandangan Pulau Tikus di mana perlukan sokongan Kerajaan Negeri untuk golongan artis ataupun seni dan saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan juga terima kasih. Kepada Kerajaan Negeri, Ketua Menteri dan juga EXCO berkaitan yang *I think* saya tidak tahu kalau negeri lain ada ke tak tapi Pulau Pinang kita adakan satu peruntukan khas RM200,000 untuk membantu golongan artis masa pandemik COVID ini tahniah kepada COVID dan *Show Penang* dan saya Seri Delima dan juga Pengkalan Kota menjadi panel dalam jawatankuasa pemilihan untuk *Show Penang* itu, dan memang cukup banyak artis tempatan kita yang bukan sahaja artis yang *Western Art Artist, Local Traditional Art Artist, Cultural Art Artist* semuanya memang pernah memohon dan pernah dapat kelulusan, So saya mengucapkan tahniah dan ingin menyatakan penghargaan saya kepada Kerajaan Negeri kerana sokongan sebegini. Terima Kasih.

#### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr Afif Bin Bahardin):**

Saya nak menyokong usaha yang Pulau Tikus bangkitkan saya harap mungkin saya nak tarik sikit memori Yang Berhormat Tanjong Bunga sebelum kita berdua jadi ADUN dulu, semasa Yang Berhormat Tanjong Bunga di *Penang Institute* saya ketika tu membantu rakan-rakan di sini juga kita pernah ada bincangkan idea tentang tokoh seniman kita P. Ramlee. Jadi untuk mewujudkan dan meneruskan legasi P. Ramlee mungkin di sini Yang Berhormat Pulau Tikus boleh bersetuju dengan saya kita cadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk wujudkan satu Anugerah Seni P. Ramlee yang mana anugerah ini diberikan kepada semua penggiat-penggiat seni dalam apa juga bidang khusus ditaja oleh Kerajaan Negeri yang mana dijemput artis sama ada dari segi muziknya, dari segi lukisannya, dari segi penulisan, *script play* dan macam-macam lagilah saya dulu pernah berlakon jugaklah tapi pada waktu di tadika.

Saya ingat ini boleh kita jadikan sebagai ikonik untuk Negeri Pulau Pinang kerana Almarhum Tan Sri, Allahyarham Tan Sri P. Ramlee juga asal daripada Pulau pinang jadi untuk menghidupkan nama legasi P. Ramlee itu kita wujudkan satu anugerah seni khusus atas nama Tan Sri P. Ramlee. Jadi pandangan Pulau Tikus.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB Lee Chun Kit):**

Okey Yang Berhormat Seberang Jaya ini membuktikan walaupun kita sama ada dalam Kerajaan atau Pembangkang kita juga boleh bersetuju. *You know* yang paling penting ialah untuk membawa kesenian ini ke masa hadapan dan ini hanya boleh dilakukan kalau Kerajaan Negeri mengambil serius kerana dulu bila saya, 2005 masa itu ada *company-company* swasta yang akan buat *art festival* dari semasa ke semasa dan akan memberi pertolongan kewangan untuk *art festival* itu, tetapi lepas tu berhenti memang pun susah semua sudah berhenti.

*For artist like my self...(dengan izin) for artist like my self, acting is a way of expression is the way of finding your internal self and finding ways to express new ways to express...(dengan izin) back stage* Dewan Seri Pinang. *This back stage is childhood. When I go back stage I walk back stage one from a while it bring back memories to me.* Itulah kepentingan kesenian kepada artis-artis dan saya harap dengan penubuhan *Penang Art Council* pada masa depan saya harap-harap penubuhan ini akan jadi, kita akan melihat kesenian ini jadi punca ekonomi yang baru untuk...(gangguan)

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB Syerleena Binti Abdul Rashid):**

Saya ingin, minta maaf ya, saya ingin nak tambah sikit saja, saya pun amat setuju dengan idea di mana Yang Berhormat Seberang Jaya telah nyatakan mengenai Anugerah Tan Sri P.Ramlee dengan ini saya nak tambah jugak apa kata kalau kita dapat ya tubuh satu lagi untuk Ahmad Nawab sebagai contoh dan memandangkan di Pulau Pinang ya, kita sebenarnya ada ramai, banyak ya kawasan-kawasan tempat-tempat lokasi seperti Dewan Sri Pinang mungkin selepas pembinaan *re-construction.....(dengan izin)* di Dewan Undangan Negeri itu dah selesai kita boleh *re-look into using, utilizing* Dewan Sri Pinang sebagai satu lokasi untuk memperbanyakkan lagi persembahan dan sebagainya dan kedua adalah mengguna pakai auditorium-auditorium di KOMTAR sebab ada juga ya beberapa perbadanan *Organization* dan sebagainya seperti contoh *Penang Philharmonic Orchestra* yang telah menyuarakan bahawa lokasi seperti auditorium yang sedia ada di KOMTAR itu sebenarnya agak sesuai untuk lakukan persembahan dari segi orkestra sebagai contoh. Jadi dengan ini saya rasa memang ya kita ada lokasi tempat apa yang kita perlukan adalah untuk menubuhkan *create a movement....(dengan izin)*. Terima Kasih.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya bukan pelakon tapi saya pengarah, jadi saya juga berminat dari segi kesenian saya juga diamanahkan untuk melihat dari segi skop Kesenian Warisan Kebudayaan dan Perlancongan. Jadi kalau kita nak laksanakan *Penang Art Council* kalau boleh kita masukkan juga kesenian-kesenian pelbagai kaum. Kita ada kesenian Boria, Kesenian Ghazal Parti untuk orang Melayu, kita ada kesenian hadrah dan juga kita ada yang lain-lain dan kaum lain juga ada kesenian-kesenian kalau boleh kita buat khusus ataupun bersama-sama khusus untuk kesenian pelbagai kaum ini untuk dipersembahkan supaya dia nampak satu tarikan mungkin kepada pelancong mungkin kepada tempat lain macam di negeri-negeri luar dia buat macam tu.

Jadi orang nak pi tengok satu persembahan pi tapi persembahan yang tidak keterlaluanlah persembahan yang boleh memberi kebaikan kepada rakyat tidak ada *rock-rock* yang melampau mungkin kesenian yang mencerminkan budaya-budaya yang baik untuk rakyat. Sekian terima kasih.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB Lee Chun Kit):**

Terima Kasih Yang Berhormat Seri Delima dan juga Yang Berhormat Sungai Dua, Ketua Pembangkang kita, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Seri Delima dan juga Ketua Pembangkang saya, ia pelik sikit la saya setuju dengan Ketua Pembangkang tetapi memang dalam segi kesenian kita boleh bersatu, demi rakyat Pulau Pinang dan demi masa depan Pulau Pinang kita boleh bersatu, walaupun perbezaan pendapat dan perbezaan politik

kita semua nak sesuatu yang sama iaitu sebuah Pulau Pinang yang maju untuk semua rakyat Pulau Pinang dan juga rakyat Malaysia.

Akhir kata *you know* saya harap, saya mesti, saya masih harap rakan-rakan kita yang sekarang berada di barisan pembangkang akan insaf satu hari dan kembali sebab kena ingat sesuatu pengkhianatan bukan untuk saya untuk memutuskan *at the end of the day it not to me to judge*, apa yang telah berlaku akan diputuskan oleh rakyat Pulau Pinang di luar sana. *Let me put it this way at the end of the day remember which party help you win your seat and mark my word, PN will not last, please realise this before it is to late...*(dengan izin) Terima Kasih Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima Kasih Pulau Tikus. Dewan ditangguhkan. Dewan akan bersidang lagi besok pagi pada pukul 9.30 pagi.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.30 petang.***